



# KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI 2024

## (JUN)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN





# BERITA HARIAN 01.06.2024 (SABTU)

## Pegawai kastam dituduh tidak serah rampasan sisik tenggiling

**Shah Alam:** Seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan tidak menyerahkan rampasan sisik tenggiling kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) pada 2019.

Ahmad Hilmi Ghazali, 51, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan itu semalam.

Dia didakwa mengarahkan seorang Pembantu Pengguna Kanan JKDM melupuskan sisik tenggiling spesies Genus Manis SPP daripada Stor Penguatku-

aan Pengkalan Marin Pelabuhan Klang Utara, pada September 2019 hingga Disember 2019.

Menurut pertuduhan, sisik tenggiling itu barang kes rampasan JKDM dan perlu diserahkan kepada Jabatan Perhilitan sebagai pihak berkuasa pengurusan yang dilantik mengikut seksyen 6(1) Akta Perdagangan Antara-bangsa Mengenai Spesies Terancam 2008.

Pertuduhan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh diperjara selama tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun, sebatan

dan denda.


Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Wan Azreen Wan Zaid, manakala Ahmad Hilmi diwakili peguam Nor Azri Mohd Arif.

Wan Azreen mencadangkan mahkamah mengenakan jaminan di antara RM30,000 hingga RM50,000 dengan mengambil kira nilai barang kes berkenaan yang mencecah jutaan ringgit di pasaran gelap dan tertuduh perlu menyerahkan pasportnya kepada mahkamah, selain perlu melapor diri ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga kes selesai.

Nor Azri memohon mahkamah mengenakan jumlah jaminan yang tidak berbentuk punitif atas sebab Ahmad Hilmi mempunyai komitmen yang tinggi, selain perlu menanggung dua orang isteri dan empat orang anak yang masih kecil.

Hakim Awang Kerisnada Awang Mahmud membenarkan Ahmad Hilmi diikat jamin sebanyak RM20,000 dan seorang penjamin, selain perlu melapor diri ke Pejabat SPRM setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 12 Julai untuk sebutan semula kes. BERNAMA



Ahmad Hilmi  
dihadapkan ke Mahkamah  
Sesyen Shah Alam,  
semalam.  
(Foto: Genes Gulitah/DH)



# BERITA HARIAN

## 02.06.2024

### (AHAD)

## SPRM siasat maklumat baharu kontrak DRT

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menerima maklumat baharu berhubung pemberian kontrak projek rintis Demand Responsive Transit (DRT) oleh kerajaan Selangor

Menurut sumber, siasatan lanjut sedang dijalankan untuk melihat kesahihan maklumat atau petunjuk baharu itu.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, ketika dihubungi mengesahkan menerima beberapa aduan berhubung isu itu.

Bagaimanapun, beliau enggan

mengulas lanjut mengenai perkara itu dan menasihati semua pihak tidak membuat spekulasi serta memberi ruang siasatan dijalankan SPRM.

Menurut sumber, siasatan lanjut sedang dijalankan untuk melihat kesahihan maklumat atau petunjuk baharu itu.

Ia termasuk melihat kepada isu salah guna kuasa dan tatakelola dalam pematuhan arahan Perbendaharaan dalam proses pelantikan syarikat berkenaan oleh kerajaan Selangor.

Dalam perkembangan berkaitan, Menteri Belia dan Sukan,

Hannah Yeoh, mengalukan siasatan dijalankan SPRM, susulan penemuan baharu oleh agensi penguatkuasaan itu.

Beliau berkata, semua pihak termasuk dirinya berhak mendapat kebenaran berhubung perkara itu.

Ahli Parlimen Segambut itu berkata, adalah tidak wajar untuk beliau mengulas lanjut mengenai perkara itu kerana ia akan dianggap sebagai mengganggu siasatan.

"Sebenarnya atas sebab inilah saya tidak berkata apa-apa lebih awal kerana pada pandangan sa-

ya cara terbaik dalam menangani dakwaan itu adalah menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menyiasat.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua sudah menghubungi saya untuk bersama (dalam isu ini)," katanya.

Minggu lalu, EXCO Selangor, Ng Sze Han, menyatakan Asia Mobility Technologies Sdn Bhd, adalah satu daripada dua syarikat dipilih untuk projek perintis DRT.

Kedua-dua syarikat itu juga sudah mendapat kelulusan dari Agensi Pengangkutan

Awam Darat (APAD).

Ketua Pegawai Eksekutif Asia Mobility ialah suami Hannah, Ramachandran Muniandy.

Susulan itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri, ketika diminta mengulas berkata, berdasarkan pemerhatiannya dalam laporan media terhadap isu itu, projek berkenaan diberikan oleh entiti lain yang tidak mempunyai kena mengena dengan Hannah.

Beliau juga tidak melihat sebarang kaitan pemberian kontrak DRT oleh kerajaan Selangor dengan menteri daripada DAP itu.



# BERITA HARIAN

## 03.06.2024 (ISNIN)

# 2 lagi pembantu penguasa kastam didakwa rasuah

Tertuduh mengaku tidak bersalah, 21 Julai sebutan semula kes

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim  
nfazlina@bh.com.my

**Kota Bharu:** Dua lagi pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,300 pada 2020.

Mohd Faizul Mat Nasir dan Mohamad Rasul Mohd Zukri masing-masing berusia 34 tahun bagaimanapun, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarkan ketika pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahruddin.

Mohd Faizul didakwa dengan satu pertuduhan menerima suapan berjumlah RM1,750 pada 16 Julai 2020, manakala Mohamad Rasul didakwa dengan dua pertuduhan menerima suspan keseluruhan berjumlah RM2,550 pada 8 dan 13 September 2020.

Semua kesalahan itu dilakukan di Maybank Berhad di Jalan Mahmood, di sini.

Kedua-dua tertuduh didakwa menerima rasuah daripada seorang pemilik syarikat berusia



6 lagi anggota kastam didakwa

Keratan akhbar BH  
31 Mei lalu.

38 tahun, melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barang dari Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Afif Ali dan Nurul Atiqah Mohamad Alias, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Adhwa Afiqah Mohd Azmi.

### Dibenar ikat jamin

Terdahulu, Mohd Afif Ali dan Nurul Atiqah memohon jaminan



Mohd Faizul dan Mohamad Rasul tiba di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, semalam.  
(Foto BERNAMA)

setimpal dikenakan, selain menggunakan syarat tambahan terhadap kedua-dua tertuduh.

Adhwa Afiqah bagaimanapun, memohon jaminan minimum dikenakan memandangkan tertuduh memberi kerjasama yang baik terhadap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Rasul, RM8,000 dengan syarat tambahan, iaitu perlu melapor diri di pejabat SPRM di Putrajaya setiap bulan, selain tidak boleh mengganggu saksi.

Mahkamah turut menetapkan 21 Julai untuk sebutan semula kes.

Minggu lalu, seorang pegawai dan enam pembantu penguasa kastam turut didakwa secara berasingan di Mahkamah Sesyen Shah Alam bagi kesalahan sama.



# BERITA HARIAN

## 03.06.2024 (ISNIN)

# Bekas Datuk Bandar MBJB hadapi 12 tuduhan rasuah

**Johor Bahru:** Bekas Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) mengaku tidak bersalah terhadap 12 pertuduhan menerima rasuah dengan nilai keseluruhan RM1.55 juta antara 2020 hingga 2021, di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini, semalam.

Datuk Adib Azhari Daud, 64, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Mengikut kertas pertuduhan, Adib Azhari yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Datuk Bandar MBJB menerima rasuah dengan nilai antara RM10,000 hingga RM250,000 daripada dua individu berbeza melalui seorang pengantara sebagai upah membantu mendapatkan pelba-

gai kerja projek kontraktor, dalam kejadian antara 26 Jun 2020 hingga 6 Ogos 2021 di Jalan Serama 7, Larkin.

Anfara projek terbabit termasuk kerja penyelenggaraan tahunan sistem mekanikal dan elektrikal pam kawalan banjir Sungai Sengkuang, Sungai Chat dan Sungai Segget bagi tempoh 24 bulan, selain kerja mengganti paip pembetungan kumbahan dan kerja penyelenggaraan rangkaian paip pembetungan awam dalam tempoh 12 bulan.

Selain itu, ia juga sebagai upah bagi mendapatkan kerja penyelenggaraan sistem pembetungan berpusat, kerja pembaikan tebing runtuh, kerja penyelenggaraan loji rawatan kumbahan berpusat dan tebatan banjir Sungai Segget bagi tem-

poh 24 bulan, kerja penyelenggaraan tahunan landskap tepi jalan dan penyelenggaraan cantas serta tebang pokok di kawasan pentadbiran MBJB.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPM, Natrah Fareha Rahmat, manakala tertuduh diwakili peguam, Azrul Zulkifli Stork.

Hakim membenarkan



Adib Azhari dibawa ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru, semalam.

(Foto Omar Ahmad/BH)

tertuduh dijamin sebanyak RM120,000 dengan dua penjamin tempatan, selain syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah, melapor diri di pejabat SPM terdekat sebulan se-

kali dan larangan mengganggu mana-mana saksi.

Mahkamah menetapkan 3 Julai sebagai tarikh sebutan semula kes bagi penyerahan dokumen.



# HARIAN METRO

## 03.06.2024

### (ISNIN)

## Rasuah RM4,300 elak periksa kargo

**Kota Bharu:** Dua pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,300 pada 2020.

Kedua-dua tertuduh, Mohd Faizul Mat Nasir dan Mohamad Rasul Mohd Zukri masing-masing berusia 34 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibacarakan ketika pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Bazli Bahruddin.

Mohd Faizul didakwa dengan satu pertuduhan menerima suapan berjumlah RM1,750 pada 16 Julai 2020, manakala Mohamad Rasul didakwa dengan dua pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM2,550 pada 8 dan 13 September 2020.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di Maybank Berhad di Jalan Mahmood, di sini.

Kedua-dua tertuduh didakwa menerima rasuah daripada seorang pemilik syarikat berusia 38 tahun, melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank ma-

sing-masing, sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu yang membawa keluar barang dari Kargo KLIA.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama yang mempertuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohd Afif Ali dan Nurul Atiqah Mohamad Alias, manakala dua tertuduh diwakili peguam Adhwa Afiqah Mohd Azmi.

Terdahulu, pendakwaan mohon mahkamah mengebakkan jaminan setimpal kepada tertuduh berserta syarat tambahan.

Adhwa Afiqah bagaimanapun memohon jaminan minimum buat anak guamnya, mengambil kira kerjasama baik di berikan mereka sepanjang siasatan.

Mahkamah turut menetapkan 21 Julai untuk sebutan semula kes.



TERTUDUH dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,300.



# HARIAN METRO 03.06.2024 (ISNIN)

Oleh Omar Ahmad  
am@hmetro.com.my

## Johor Bahru

**B**ekas Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 12 pertuduhan menerima rasuah dengan bernilai keseluruhan RM1.55 juta antara 2020 hingga 2021 di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini, semalam.

Datuk Adib Azhari Daud, 64, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarkan selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Siti Noraida Sulaiman.

Mengikut kertas pertuduhan, Adib Azhari yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Datuk Bandar MBJB menerima rasuah dengan nilai antara RM10,000 dan RM250,000 dari dua individu berbeza melalui pengantara.

Ia sebagai upah sebagai membantu mendapatkan pelbagai kerja projek kontraktor.

Antaranya membabitkan kerja penyelenggaraan tahunan sistem mekanikal dan elektrikal pam kawalan banjir Sungai Sengkuang, Sungai Chat dan Sungai Segget bagi tempoh 24 bu-

## BEKAS DATUK BANDAR MBJB DITUDUH RASUAH

# Suapan RM1.55 juta untuk projek

### » INFO

Tertuduh dijamin RM120,000 dengan dua penjamin tempatan.

Mahkamah menetapkan 3 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes.

Ia selain kerja mengganti paip pembetungan kumbahan dan kerja penyelenggaraan rangkaian paip pembetungan awam dalam tempoh 12 bulan.

Selain itu, ia juga sebagai upah bagi mendapatkan kerja penyelenggaraan sistem pembetungan berpusat, kerja pembaikan tebing runtuh, kerja penyelenggaraan loji rawatan kumbahan berpusat dan tebatan banjir Sungai Segget bagi tempoh 24 bulan, kerja pe-

nyelenggaraan tahunan landskap tepi jalan, dan penyelenggaraan cantas serta tebang pokok di dalam kawasan pentadbiran MBJB.

Kesalahan dibuat antara 26 Jun 2020 hingga 6 Ogos 2021 di Jalan Serama 7, Larikin.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPM, Natrah Fareha Rahmat manakala tertuduh diwakili peguam, Azrul Zulkifli Stork.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin sebanyak RM120,000 dengan dua penjamin tempatan, dengan pembayaran dua kali iaitu semalam dan Selasan ini berikutan cuti umum pada Isnin.

Syarat tambahan turut dikenakan terhadap tertuduh iaitu pasport diserahkan kepada mahkamah, perlu melapor diri di pejabat SPM terdekat sebulan sekali dan larangan mengganggu mana-mana saksi.

Mahkamah juga menetapkan 3 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes bagi penyerahan dokumen.



# SINAR HARIAN 03.06.2024 (ISNIN)

Adib Azhari mengaku tidak bersalah atas 12 pertuduhan terima rasuah

Oleh NOR AZURA MD AMIN  
JOHOR BAHRU

**B**ekas Datuk Bandar Johor Bahru dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad atas 12 pertuduhan menerima rasuah bernilai RM1.55 juta antara tahun 2020 hingga 2021.

Bagaimanapun, tertuduh, Datuk Adib Azhari Daud, 64, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim, Siti Noraida Sulaiman.

Mengikut pertuduhan, Adib Azhari yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Datuk Bandar di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah menerima rasuah dengan nilai antara RM10,000 hingga RM250,000 daripada dua individu melalui seorang pengantara.

LAPORAN  
MUKA  
DEPAN

Pertuduhan dibuat mengikut

ia sebagai upah bagi mendapatkan pelbagai projek kontraktor membabitkan kerja penyelenggaraan tahunan sistem mekanikal dan elektrik pam kawalan banjir Sungai Sungkuang, kerja ganti paip, penyelenggaraan pembetungan awam paip serta kerja mengatasi tebing runtuh.

Selain itu, ia juga membabitkan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan berpusat dan tebakan banjir Sungai Segget, kerja penyelenggaraan landskap tepi jalan secara tahunan dan penyelenggaraan cantas serta menebang pokok di dalam kawasan MBJB.

Perbuatan itu dibuat antara 26 Jun 2020 hingga 6 Ogos 2021 di Jalan Serama 7, Larkin Johor Bahru.

Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009

dan boleh dihukum bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara

tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Natrah Fareha Rahmat, manakala tertuduh diwakili peguam, Azrul Zulkifli Stork.

Mahkamah kemudiannya membenarkan tertuduh dilikat jamin sebanyak RM120,000 dengan dua penjamin warga tempatan.

Selain itu, tertuduh juga diminta menyerahkan pasport kepada mahkamah, melapor diri sebulan sekali di Pejabat SPRM terdekat dan tidak mengganggu serta mendekati saksi.

Mahkamah kemudian menetapkan 3 Julai ini untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.

## Bekas Datuk Bandar Johor Bahru didakwa rasuah RM1.55j



Adib Azhari (tengah) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas 12 pertuduhan menerima rasuah bernilai RM1.55 juta.



# SINAR HARIAN

## 03.06.2024

### (ISNIN)

## Dua pembantu penguasa kastam dituduh terima rasuah

**KOTA BHARU** - Dua pembantu penguasa kastam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad atas tiga pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM4,300 daripada sebuah syarikat pengangkutan, empat tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Faizul Mat Nasir dan Mohamad Rasul Mohd Zukri, kedua-duanya yang berusia 34 tahun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim, Ahmad Bazli Bahruddin.

Mohd Faizul didakwa atas pertuduhan menerima suapan RM1,750 pada 16 Julai 2020 manakala Mohamad Rasul didakwa dengan dua pertuduhan menerima suapan keseluruhan berjumlah RM2,550 pada 8 September 2020 dan 13 September 2020 dan kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di Maybank cawangan Kota Bharu.

Suapan diterima sebagai dorongan untuk tidak meriksa lori-lori milik syarikat yang membawa keluar barang dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Mereka didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohd Afif Ali, Maziah Mohaide dan Nurul Atiqah Mohamad Alias manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Adhwa' Afiqah Mohd Azmi.

Mahkamah membenerkan Mohd Faizul dikenakan jamin berjumlah RM7,000 manakala Mohamad Rasul sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin.

Mereka turut dikenakan syarat tambahan supaya tidak mengganggu saksi kes dan tidak mengakses komputer atau dokumen berkaitan selain menyerahkan pasport kepada pihak berkuasa.

Kes disebut semula pada 21 Julai ini.



Kedua-dua tertuduh ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Kota Bharu pada Ahad.



# SINAR HARIAN

## 03.06.2024

### (ISNIN)

## Usaha antirasuah kastam banteras rokok haram

**KUALA LUMPUR** – Usaha Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam memberi tumpuan kepada usaha menangani rasuah dalam jabatannya dan meningkatkan operasi membanteras perdagangan rokok haram telah menghasilkan kemajuan ketara.

Presiden Persatuan Integriti dan Tadbir Urus Malaysia (MIG), Datuk Seri Dr Akhbar Satar berkata, berdasarkan laporan berita di media massa, jumlah rokok haram yang dibongkar dan dirampas telah meningkat lebih 20 peratus pada suku pertama 2024 berbanding tempoh sama pada 2023.

Beliau berkata, menurut Kajian Rokok Haram Nielsen di Malaysia, penyeludupan rokok haram di negara ini meningkat daripada 56.4 peratus pada Januari 2024 kepada 55.4 peratus pada Mac 2024.

Katanya, apabila dilantik sebagai Ketua Pengarah Kastam pada 23 September 2023, Datuk Anis Rizana telah berikrar dengan serius untuk membantu semua menangani rasuah.

“Salah satu strategi dilakukan melalui pemindahan kakitangan, menggantikan dan bertindak terhadap ‘pegawai penyangak’ yang didakwa mengambil rasuah daripada sindiket penyeludupan dan menyebabkan kerugian berbilion-bilion ringgit kepada hasil negara,” katanya dalam satu



AKHBAR

kenyataan.

April lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memuji Ketua Pengarah Kastam atas keberanian dan tindakan pantas beliau mengeluarkan kakitangan dari tempat kerja mereka di terminal Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan mengambil tindakan tatatertib terhadap mereka.

Perdana Menteri juga menjadikan tindakannya sebagai contoh untuk mendorong lebih ramai ketua jabatan bertindak daripada menyembunyikan dan melindungi mereka yang melakukan kesalahan.

Sementara itu, Akhbar berkata, laporan berita terkini juga memberi tumpuan kepada beberapa siri serbuan berprofil tinggi termasuk RM12.8 juta rokok haram dan tangkapan arak oleh Kastam Melaka pada dua serbuan berasingan di Johor.

“Satu lagi kes berprofil tinggi di Negeri Sembilan, kastam berjaya merampas lebih RM600,000 rokok dan minuman keras haram di sebuah banglo tiga tingkat yang disewa warga Bangladesh,” katanya.

Menurut Akhbar lagi, Ketua Pengarah Kastam jelas mengambil langkah betul untuk membasmi perdagangan haram, yang telah menyebabkan kerajaan rugi berbilion ringgit setiap tahun dalam hasil cukai tidak dikutip.



**HARIAN METRO**  
**05.06.2024**  
**(RABU)**

## *2 pembantu penguasa JKDM nafi terima suapan*



DUA pembantu penguasa JKDM diiringi ke Mahkamah Sesyen atas pertuduhan menerima rasuah antara Disember 2017 hingga April tahun lalu.

**Kuala Terengganu:** Dua pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam

atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah keseluruhan RM12,500 untuk tidak memeriksa lori barang dari kargo Lapangan Terbang Antarabang-

sa Kuala Lumpur (KLIA). Tertuduh, Che Mohd Taufik Che Arif, 33, dan Mohd Afiq Ikhwan Ramli, 30, yang bertugas di JKDM KLIA membuat pengakuan

itu selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Che Mohd Taufik didakwa dengan 13 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM9,000 antara 17 Disember 2017 hingga 12 April 2023, manakala Mohd Afiq didakwa dengan satu pertuduhan menerima suapan berjumlah RM3,500 pada 3 September 2018.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa menerima suapan daripada seorang lelaki yang juga pemilik syarikat barang import berusia 38 tahun melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing.



# SINAR HARIAN

## 05.06.2024

### (RABU)

## Bicara kes rasuah Pengarah Hydroshoppe September depan

KUALA LUMPUR - Perbicaraan kes Pengarah Syarikat Hydroshoppe Sdn Bhd yang berdepan pertuduhan menawarkan suapan RM500,000 setahun selama 15 tahun berhubung proses pengambilalihan konsesi Menara Kuala Lumpur di Mahkamah Sesyen di sini, ditetapkan bermula 10 September depan.

Hakim Suzana Hussin menetapkan prosiding berlangsung selama 15 hari iaitu pada 10 dan 11 September manakala Oktober pada 29 dan 30.

"Mahkamah turut menetapkan prosiding pada 7 November dan 4, 5, 9 hingga 12 Disember manakala 7 hingga 9 Januari 2025 selain jadual 16 Ogos untuk sebutan kes bagi serahan dokumen," katanya.

Beliau menetapkan tarikh itu selepas pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya,



ABDUL HAMID

Mahadi Abdul Jumaat dan pembelaan bagi pihak Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh, 50, bersetuju dengan tarikh perbicaraan tersebut.

Sementara itu, peguam, Weera Premananda mewakili Abdul Hamid Shaikh mengesahkan perkara itu.

Pada 5 April tahun lepas, Abdul Hamid Shaikh didakwa menawarkan suapan menerusi Datuk Tan Ser Lay, 60, sebagai dorongan kepada Tan Sri Annuar Musa yang merupakan Menteri Komunikasi dan Multimedia ketika itu untuk mempercepatkan proses pengambilalihan pengurusan konsesi Menara Kuala Lumpur oleh syarikat berkenaan.

Dia dituduh melakukan perbuatan itu di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Putrajaya antara Julai dan Ogos 2022.



# SINAR HARIAN 05.06.2024 (RABU)

Pembantu penguasa kastam mengaku tidak bersalah atas semua tuduhan

Oleh ADILA SHARINNI WAHID  
**KOTA BHARU**

**S**eborang pembantu penguasa kastam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, pada Selasa, atas 90 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM84,800 daripada sebuah syarikat pengangkutan kargo dalam tempoh enam tahun bermula 2017 hingga 2023.

Tertuduh, Ahmad Emin Nazrul Ahmad Nazrin, 41, bagaimanapun mengaku tidak

bersalah atas kesemua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan-pertuduhan itu, tertuduh sebagai ejen di Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) iaitu Pembantu Penguasa Kastam Gred WK19 yang bertugas di JKDM Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) secara rasuah memperoleh untuk diri sendiri suapan antara RM50 hingga RM4,100 daripada pemilik syarikat pengangkutan terbabit yang berusia 38 tahun bermula 20 Mei 2017 hingga 3 September 2023.

Suapan diterima secara beransur-ansur melalui 90 transaksi dalam talian ke akaun banknya di Jalan Mahmood di sini, sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung dengan hal ehwal prinsipalnya laju tidak memeriksa lori-lori milik syarikat itu yang membawa keluar barang



Ahmad Emin Nazrul (tengah) menutup muka ketika dibawa ke Kompleks Mahkamah Kota Bharu, pada Selasa.

dari kargo KLIA.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang

boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama. Sabit kesalahan, boleh dihukum penjara selama tempoh maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai

suapan yang menjadi perkara kesalahan itu, jika suapan itu boleh dinilai atau bersifat kewangan atau RM10,000 mengikut mana-mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohd 'Afif Ali manakala tertuduh diwakili peguam, Adhwa' Afiqah Mohd Azmi.

Sebelum itu, Mohd 'Afif menawarkan jaminan RM40,000 kepada tertuduh dan tertuduh melalui peguamnya merayu supaya jaminan dikurangkan. Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM20,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh menjelaskan jaminan terbabit.

Tertuduh turut dikenakan syarat tambahan iaitu tidak boleh mengganggu saksi-saksi pendakwaan.

Mahkamah kemudian menetapkan sebutan semula kes itu pada 21 Julai ini.



# SINAR HARIAN

## 05.06.2024

### (RABU)

## Padah perdayakan wanita untuk dapat gelaran 'Datuk'

MELAKA - Seorang penjawat awam dan kontraktor didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM47,000 bagi mendapatkan gelaran 'Datuk' kepada seorang wanita, tujuh tahun lalu.

Tertuduh, Low Kia Seng, 58, dan Razizam Ali, 42, bagaimanapun mengaku tidak bersalah setelah tiga pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan, kedua-dua mereka dengan niat bersama telah menipu seorang wanita, Seet Xiang Lin, 38, dengan memperdayakannya untuk mempercayai bahawa mereka boleh membantu mendapatkan Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Melaka iaitu Darjah Pangkuhan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran 'Datuk'.

Tindakan tersebut telah mendorong mangsa menyerahkan wang keseluruhan berjumlah RM47,000 ke dalam akaun Public Bank Berhad milik Kia Seng antara 1 Januari 2017 hingga 30 November 2018.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Mohammad Azriff Firdaus Mohamad Ali mencadangkan jaminan RM40,000 bagi semua pertuduhan kepada kedua-dua tertuduh.

Peguam, Mohamad Kamarulzaman Jusoh yang mewakili Kia Seng memohon jaminan minimum dikenakan terhadap anak guamnya memandangkan pendapatan tertuduh sebagai kontraktor terjejas selepas pasport diserahkan kepada SPRM.

Manakala Azrul Zulkifli Stork yang mewakili Razizam merayu jaminan rendah kerana tertuduh hanya bekerja sebagai kerani dengan pendapatan RM1,800 sebulan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM30,000 terhadap Kia Seng manakala Razizam dikenakan RM15,000 jaminan bercagar dan RM15,000 tidak bercagar dan sebutan semula kes ditetapkan pada 5 Julai ini untuk serahan dokumen.



# SINAR HARIAN 05.06.2024 (RABU)

## Rasuah: 2 anggota kastam tak mengaku salah



**KUALA TERENGGANU** - Dua pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas 14 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM12,500 sejak 2017 sehingga 2023.

Tertuduh, Che Mohd Taufik Che Arif, 33, yang berdepan 13 pertuduhan manakala Mohd Afiq Ikhwan Ramli, 30, berdepan satu pertuduhan itu didakwa di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Bagaimanapun, kedua-dua tertuduh tidak mengaku bersalah di hadapan Hakim Mohd Azhar.

Mengikut kertas pertuduhan pertama sehingga 13, Che Mohd Taufik didakwa menerima suapan sebanyak RM9,000 ketika bertugas sebagai pembantu penguasa JKDM di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Che Taufiq didakwa menerima suapan terbabit daripada pemilik Syarikat Kalos Enterprise melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank tertuduh sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu yang membawa keluar barang dari Kargo KLIA.

Sementara itu, Mohd Afiq Ikhwan pula didakwa menerima suapan berjumlah RM3,500 bagi kesalahan yang sama. Mereka didakwa melakukan perbuatan itu sebuah bank di Jertih, antara 17 Disember 2017 sehingga 12 April 2023.

Mahkamah kemudiannya memutuskan jaminan RM16,000 ditawarkan kepada Che Mohd Taufik manakala Mohd Afiq Ikhwan dikenakan jaminan sebanyak RM5,000.

Mahkamah menetapkan 18 Julai ini sebagai tarikh pengurusan kes.



# SINAR HARIAN

## 05.06.2024

### (RABU)

## Orang ramai digesa lebih aktif laporkan perbuatan rasuah

**SHAH ALAM** - Rakyat negara ini digesa untuk lebih aktif melaporkan perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan yang dilakukan pelaku terutama mereka daripada sektor awam.

Naib Pengerusi Gabungan Rasuah Busters Kuala Lumpur dan Selangor, Mohammad Amar Masuri berkata, tindakan berkenaan sepatutnya dilaksanakan menerusi platform yang selamat dan ia perlu berfungsi selama 24 jam sehari.

Menurut beliau, kempen untuk promosikan platform ini harus dibuat lebih kerap kerana sering ada trend semasa yang akan menenggelamkan usaha-usaha tersebut secara organik.

"Ia juga perlu dihebahkan sebaik mungkin ke semua rakyat agar mereka ada kuasa bersama untuk melaporkan aktiviti salah laku tersebut," katanya kepada *Sinar Harian*.

Media baru-baru ini melaporkan seorang pegawai kanan di Ibu

Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai terbabit melindungi aktiviti haram di sekitar ibu negara.

Sementara itu, Amar turut memuji tindakan SPM dan berharap hukuman setimpal dikenakan ke atas pelaku jika dia didapati bersalah supaya kes berkenaan menjadi pengajaran kepada pegawai lain untuk terjebak dengan perbuatan serupa.



# HARIAN METRO 05.06.2024 (RABU)

Oleh Meor Riduwan  
Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

Melaka

Dua individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam, atas tiga tuduhan menipu seorang ahli perniagaan berkaitan pengurniaan darjah kebesaran Negeri Melaka bagi gelaran 'Datuk', hingga mangsa membayar RM47,000, tujuh tahun lalu.

Tertuduh, Low Kia Seng, 58, dan Razizam Ali, 42, masing-masing kontraktor serta Ketua Pembantu Tadbir, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Melaka, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta diberi karangan sejurus dibaca-kan semua pertuduhan itu.

Pendakwaan kes dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohammad Azriff Firdaus Mohamad Ali manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Mohamad Kamarul Jusoh dan Azrol Zulkifli Stork.

Berdasarkan semua pertuduhan, tertuduh didakwa dengan niat bersama, menipu Seet Xiang Lin, 38, dengan memperdayakannya untuk mempercayai bahawa mereka boleh membantu mendapat pengurniaan darjah kebesaran Negeri Melaka iaitu Darjah Pangku-an Seri Melaka (DPSM)



KIA Seng (belakang)  
dan Razizam (depan)  
dilengi pegawai SPRM  
untuk membayar ikat  
jamin.

## Tawar 'Datuk' RM47,000

*Kontraktor, Ketua Pembantu Tadbir PTG  
nafi tiga tuduhan perdaya ahli perniagaan*

yang membawa gelaran Datuk dengan membayar sejumlah bayaran.

Tertuduh didakwa secara tidak jujur mendorong mangsa menyerahkan wang dalam tiga transaksi ke akaun Public Bank Berhad milik tertuduh pertama berjumlah keseluruhan RM47,000, yang mana mangsa tidak menyerahkan sekiranya tidak di-

perdayakan sedemikian.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 1 Januari 2017 hingga 30 November 2018.

Sabit kesalahan boleh dipenjara tidak kurang satu tahun dan maksimum 10 tahun dan dengan sebatan dan boleh juga dikenakan denda mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Berikutan kedua-dua tertuduh tidak mengaku bersalah, pendakwaan memohon tarikh sebutan baru untuk serahan dokumen dan mencadangkan jaminan RM40,000

dengan seorang penjamin

serta syarat tambahan

melapor diri di pejabat

SPRM Melaka sekali se-

bulan dan pasport diserah

kepada mahkamah.

Selepas meneliti hujah

kedua-dua pihak, mahka-

mah membenarkan kedua-dua tertuduh dilikat jamin RM30,000 setiap

seorang serta syarat tam-

bahan

dipohon pendakwaan dengan tertuduh kedua ditetapkan

RM15,000 bercagar dan

RM15,000 tidak bercagar.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 5 Ju-

lai depan untuk serahan

dokumen.

**RM30k**

Jumlah wang jaminan  
dikenakan terhadap  
setiap tertuduh



# HARIAN METRO

## 05.06.2024

### (RABU)

## Pembantu penguasa JKDM berdepan 90 tuduhan rasuah

**Kota Bharu:** Seorang pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 90 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM84,800 sejak Mei 2017 sehingga September tahun lalu.

Tertuduh Ahmad Emin Nazrul Ahmad Nazrin, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut kertas pertuduhan pertama sehingga 90, tertuduh didakwa menerima suapan dengan jumlah RM84,800 daripada pemilik syarikat Kalos Enterprise melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank tertuduh sebagai dorongan tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barang dari terminal kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Semua

kesalahan itu dilakukan di Maybank Berhad di Jalan Mahmood di sini, bermula 20 Mei 2017 sehingga 3 September 2023.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dibukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohd 'Afif Ali dan tertuduh diwakili Adhwah Afiqah Mohd Azmi.



AHMAD Emin Nazrul mengaku tidak bersalah.



# HARIAN METRO 05.06.2024 (RABU)

TAWAR SUAPAN RM500K SETAHUN

## Tetap 15 hari perbicaraan

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Sesyen di sini semalam menetapkan 15 hari bermula 10 September ini untuk perbicaraan kes Pengarah Syarikat Hydroshoppe Sdn Bhd Datuk Abdul Hamid Shaikh Abdul Razak Shaikh atas pertuduhan menawarkan suapan RM500,000 setahun bagi faedah kepada Tan Sri Annuar Musa berhubung proses pengambilalihan konsesi Menara Kuala Lumpur.

Hakim Suzana Hussin menetapkan tarikh itu selepas Timbalan Pendakwa Raya Mahadi Abdul Jumaat memaklumkan pihaknya berbincang dengan pasukan pembelaan dan kedua-dua pihak bersetuju dengan tarikh perbicaraan

itu.

"Mahkamah menetapkan tarikh perbicaraan pada 10 dan 11 September, 29 dan 30 Oktober, 6 dan 7 November manakala Disember pada 4 dan 5 serta 9 hingga 12 dan 7 hingga 9 Januari 2025.

"Mahkamah menetapkan tarikh sebutan kes pada 16 Ogos untuk serahan dokumen berkaitan kes itu," katanya.

Peguam Weera Premananda mewakili Abdul Hamid Shaikh mengesahkan perkara itu.

Pada 5 April tahun lalu, Abdul Hamid Shaikh didakwa mersawarkan suapan menerusi Datuk Tan Ser Lay, 60, sebagai dorongan kepada Tan Sri Annuar Musa yang ketika itu

Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk mempercepatkan proses pengambilalihan pengurusan dan pentadbiran konsesi Menara Kuala Lumpur oleh syarikat berkenaan.

Beliau dituduh melakukan perbuatan itu di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Putrajaya antara Julai dan Ogos 2022 mengikut Seksyen 16(6)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.



# BERITA HARIAN 05.06.2024 (RABU)

Kes lepas lori barang tanpa pemeriksaan dari Kargo KLIA

## Tiga lagi anggota kastam kena dakwa rasuah

Seorang tertuduh hadapi 90 pertuduhan terima suapan RM84,800 sejak 2017

Oleh Sazlini Abdul Razib dan Zatal Iftab Zeikipty  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tiga pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu dan Kuala Terengganu, termasuk seorang daripadanya berdepan 90 pertuduhan rasuah dilakukan dari 2017 hingga tahun lalu.

Ketiga-tiga kakitangan itu yang berusia antara 30 hingga 41 tahun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarkan.

**Di Kota Bharu,** Ahmad Emin Nazrul Ahmad Nazrin, 41, didakwa di Mahkamah Sesyen atas 90 pertuduhan menerima rasuah RM84,800 sejak Mei 2017 sehingga September tahun lalu.

Beliau mengaku tidak bersalah

2 lagi pembantu penguasa kastam didakwa rasuah

Keratan akhbar BH kelmarin.

ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut kertas pertuduhan pertama sehingga 90, dia didakwa menerima suapan dengan jumlah keseluruhan RM84,800 daripada pemilik syarikat Kalos Enterprise melalui pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank tertuduh sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori kargo milik syarikat itu, yang membawa keluar barang dari kargo KLIA.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Maybank Berhad di Jalan Mahmood, di sini bermula 20 Mei 2017 sehingga 3 September 2023.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendaikwa Raya, Mohd 'Afif Ali dan tertuduh diwakili peguam, Adhw'a Afiqah Mohd Azmi.

Terdahulu, Mohd 'Afif mencadangkan jaminan RM40,000 di-



Che Mohd Taufik dan Mohd Afiq dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sesyen, atas 14 tuduhan menerima rasuah RM12,500 dalam tempoh 2017 hingga 2023.

Che Mohd Taufik Che Arif, 33 tahun, berdepan 13 pertuduhan manakala Mohd Afiq Ikhwan Ramli, 30 tahun, berdepan satu tuduhan.

Kedua-dua tertuduh yang bertugas di JKDM KLIA bagaimanapun, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Che Mohd Taufik didakwa dengan 13 pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM9,000 antara 17 Disember 2017 hingga 12 April 2023, manakala Mohd Afiq didakwa dengan satu pertuduhan menerima suapan berjumlah RM3,500 pada 3 September 2018.

Mahkamah turut menetapkan 21 Julai sebagai tarikh sebutan semula kes.

Terima rasuah RM12,500

Sementara itu, di Kuala Terengganu, dua pembantu penguasa JKDM didakwa di Mahkamah

pemindahan wang secara dalam talian ke akaun bank masing-masing sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori milik syarikat itu yang membawa keluar barang dari Kargo KLIA.

Semua kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Besut.

Sejurus pengakuan tidak bersalah kedua-dua tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 18 Julai ini sebagai tarikh sebutan semula kes.

Mahkamah turut memberikan Che Mohd Taufik dan Mohd Afiq Ikhwan masing-masing dikenakan jaminan RM16,000 dan RM5,000 bagi semua pertuduhan.

Tertuduh turut dikenakan syarat tambahan, iaitu perlu melaikat diri di pejabat SPRM berhampiran pada setiap bulan dan menyerahkan pasport antara bangsa kepada mahkamah.

Selain itu, kedua-dua tertuduh juga dilarang mengganggu saksi sepanjang prosiding dan tidak dibenar mengakses data JKDM.



# BERITA HARIAN

## 05.06.2024

### (RABU)

# Penjawat awam, kontraktor dituduh 'jual' gelaran Datuk

**Melaka:** Dua individu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh semalam atas tiga tuduhan menipu seorang ahli perniagaan berkaitan pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri bagi gelaran 'Datuk', hingga mangsa membayar sejumlah RM47,000, tujuh tahun lalu.

Low Kia Seng, 58, dan Razizam Ali, 42, masing-masing, kontraktor dan Ketua Pembantu Tadbir, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Melaka bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarkan sejurus dibacakan semua pertuduhan itu.

Pendakwaan kes dijalankan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Ma-

laysia (SPRM), Mohammad Azriff Firdaus Mohamad Ali manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam Mohamad Kamarul Jusoh dan Azrol Zulkifli Stork.

Berdasarkan semua pertuduhan, tertuduh didakwa dengan niat bersama, menipu Seet Xiang Lin, 38, dengan memperdayakannya untuk mempercayai bahawa mereka boleh membantu mendapatkan Pengurniaan Darjah Kebesaran Negeri Melaka, iaitu Darjah Pangkuhan Seri Melaka (DPSM) yang membawa gelaran Datuk dengan membayar sejumlah bayaran.

Tertuduh didakwa secara tidak jujur mendorong mangsa menyerahterahkan wang dalam tiga tran-

saksi ke akaun Public Bank Berhad milik tertuduh pertama berjumlah RM47,000.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 1 Januari 2017 hingga 30 November 2018.

Jika disabitkan mereka boleh dipenjara tidak kurang satu tahun dan maksimum 10 tahun dan dengan sebatan dan boleh juga dikenakan denda mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama.

Berikutnya kedua-dua tertuduh

tidak mengaku bersalah, pendakwaan memohon tarikh sebutan baru untuk serahan dokumen dan mencadangkan jaminan RM40,000 dengan seorang pen-

jamin berserta syarat tambahan melapor diri di pejabat SPM Melaka sekali sebulan dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

#### **Mohon jaminan dikurangkan**

Peguam Mohamad Kamarulzaman memohon jaminan dikurangkan atas alasan pendapatan anak guamnya sebagai kontraktor ubah suai rumah dengan kebanyakannya pelanggan dari Singapura terjejas kerana pasportnya ditahan sejak November 2022 oleh SPM.

Malah, katanya, tertuduh yang juga menghidap penyakit jantung dan menanggung seorang isteri dan anak merayu pasportnya dilepaskan.

Sementara itu, Azrul memohon anak guamnya dilepaskan dengan jaminan RM10,000 bercagar dan RM10,000 tidak bercagar kerana hanya bekerja sebagai kerani dengan pendapatan RM1,800 serta melakukan pekerjaan sampingan sebagai pemandu Grab.

Selepas meneliti hujah kedua-dua pihak, mahkamah membenarkan kedua-dua diikat jamin RM30,000 setiap seorang berserta syarat tambahan dipohon pendakwaan dengan tertuduh kedua ditetapkan RM15,000 bercagar dan RM15,000 tidak bercagar.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 5 Julai ini untuk serahan dokumen.



# BERITA HARIAN

## 06.06.2024 (KHAMIS)

# Anak Hamzah tak mengaku terima rasuah RM100,000

Faisal didakwa dapat 'upah' syarikat dilantik jadi konsultan pemasaran

Kuala Lumpur: Anak kepada bekas Menteri Dalam Negeri mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan menerima rasuah bernilai RM100,000, enam tahun lalu.

Muhammad Faisal Hamzah, 40, anak Datuk Seri Hamzah Zainuddin didakwa menerima wang berkenaan daripada Izmir Abd Hamid sebagai upah bagi Heitech Padu Berhad melantik syarikat Rimba Merpati dan Syarikat Per My Solutions menjadi konsultan pemasaran disebabkan pengaruh dimiliki tertuduh.

Syarikat berkenaan dibayar komisen RM700,000 selepas Heitech Padu dianugerahkan Tender Supply, Rental, Implementation, Training, Support and Maintenance of Security Infrastructure bernilai RM33 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah pejabat di pusat beli-belah, Jalan Dutamas 1 di sini pada Mac 2018 mengikut

Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

### Tawar jaminan RM30,000

Timbalan Pendakwa Raya Mahadi Abdul Jumaat menawarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah, selain melapor diri di pejabat SPM Kuala Lumpur sebulan sekali dan tidak mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

"Saya mohon mahkamah mengambil kira latar belakang tertuduh yang juga anak kepada bekas menteri," katanya.

Peguam Ravinder Singh Dhaliwal yang mewakili Muhammad Faisal pula memohon jaminan dikurangkan dengan alasan anak guamnya tidak mempunyai pekerjaan tetap serta perlu menanggung keluarga.

"Kami tidak membantah syarat tambahan dimohon pendakwaan, tetapi gaimanapun anak guam perlu ke luar negara kerana dalam proses untuk membuka hostel di Thailand dan dia perlu pergi ke sana antara dua



Muhammad Faisal dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

hingga tiga hari dalam masa sebulan," katanya.

Hakim Rozina Ayob membentarkan tertuduh diikat jamin RM25,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan seperti dimohon pihak pendakwaan dan tertuduh disenaraihitamkan untuk ke luar negara.

Mahkamah menetapkan 5 Julai ini untuk sebutan kes.

BERNAMA



# BERITA HARIAN

## 06.06.2024

### (KHAMIS)

## Penolong pegawai JHEAT dituduh salah guna kuasa

Kuala Terengganu: Seorang penolong pegawai tadbir kanan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas 24 pertuduhan salah guna kuasa dengan mengesyorkan perolehan pembatikan kenderaan kepada syarikat milik isterinya bernilai RM24,267.

Tertuduh, Ali Embong, 60, yang bertugas di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) membuat pengakuan itu sebelum memohon dibicarkan, selepas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan iaitu mengesyorkan borang permohonan servis/pembajikan/mendapatkan bekalan untuk kenderaan jabatan bagi perolehan penyelenggaraan bernilai antara RM260 hingga RM2,890.

Tertuduh mempunyai kepentingan memandangkan isteri-



Ali hadapi 24 pertuduhan salah guna kuasa di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu, semalam.  
(Foto Ghazali Kori/BH)

nya pemilik kerjasama syarikat berkenaan.

Tertuduh selaku pegawai kenderaan jabatan didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat JHEAT di daerah ini di an-

tara 30 Oktober 2022 hingga 14 Disember 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 10 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorangan penjamin.

Tertuduh turut dikenakan syarat tambahan, laju tidak dibenarkan menganggu saksi sepanjang prosiding berlangsung, perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM pada setiap bulan antara 1 hingga 7 hari bulan dan menyerahkan pasport kepada pihak mahkamah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Aznika Mohd Anas, manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, Nur Ain Mohd Rani.



# HARIAN METRO 06.06.2024 (KHAMIS)

**ANAK HAMZAH ZAINUDIN DIDAKWA TERIMA RASUAH RM100,000**

## Nafi guna pengaruh dapat tender

Oleh Suraya Roslan  
surayaroslan@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

**A**nak lelaki kepada Ketua Pembangkang Datuk Seri Hamzah Zainudin didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas tuduhan menerima rasuah berjumlah RM100,000 untuk menggunakan pengaruhnya bagi mendapatkan tender daripada sebuah syarikat teknologi.

Bagaimanapun, tertuduh, Muhammad Faisal Hamzah, 40, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Rozina Ayob.

Mengikut pertuduhan, perunding syarikat itu yang juga anak bekas menteri didakwa menerima suapan RM100,000 daripada seorang individu sebagai upah bagi Heitech Padu Berhad melantik syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd dan Per My Solutions sebagai konsultan pemasaran disebabkan pengaruh dimilikinya.

**MUHAMMAD Faisal diiringi pegawai SPRM ke mahkamah bagi menghadapi pertuduhan rasuah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM**



Dua syarikat itu dibayar komisen berjumlah RM700,000 selepas Heitech Padu dianugerahkan tender Supply, Rental, Implementation, Supply and Maintenance of Security Infrastructure bernilai RM33 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah pejabat di pusat beli-belah di Jalan Dutamas 1, pada Mac 2018.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang membawa hukuman penjara tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Mahadi Abdul Jumaat memohon jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dicadang pendakwaan serta tertuduh disenarai hitam ke luar negara.

**Mahkamah turut menetapkan 5 Julai depan untuk sebutan kes.**



# HARIAN METRO

## 06.06.2024

### (KHAMIS)

KES RASUAH LORI LOLOS PEMERIKSAAN

## Pembantu penguasa kastam tak mengaku terima wang online

**Kuantan:** Seorang pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas empat pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM3,200 untuk tempoh empat tahun sejak 2018.

Tertuduh, Solehuddin Isa, 37, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Mengikut semua pertuduhan, tertuduh didakwa menerima suapan antara RM300 dan RM2,000 daripada pemilik sebuah syarikat melalui pemindahan

wang secara dalam talian ke akaunnya.

Ia sebagai dorongan untuk tidak memeriksa lori milik syarikat berkenaan yang membawa keluar barang dari kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang.

Semua kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Temerloh, Pahang antara 31 Julai 2018 hingga 11 September 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun atau denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuantan. - Gambar NSTP/ ASROL AWANG

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Mohd Afif Ali, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Nazri Yahya dan Mohd Faiz Omar.

Terdahulu, Mohd Afif mencadangkan jaminan RM10,000 dengan penjamin bersama syarat tambahan. Bagaimanapun, peguam

tertuduh memohon ikat jamin dikurangkan kepada RM3,000 kerana gaji lelaki itu rendah selain menanggung isteri dan enam anak berusia tiga bulan hingga 10 tahun.

Mahkamah kemudian mengarahkan tertuduh ditakat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan perlu melaporkan diri setiap bulan di pejabat SPRM Putrajaya.

Selain itu, tertuduh diarahkan tidak mengganggu saksi sehingga perbicaraan selesai.

**Mahkamah menetapkan 19 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes.**



# HARIAN METRO 06.06.2024 (KHAMIS)

Oleh Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my

Kangar

S eorang pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (Jaips), imam sebuah masjid di Kangar serta anaknya dikatakan memiliki lebih RM1 juta dalam akaun simpanan masing-masing hasil kegiatan pengurusan pendaftaran pernikahan di Perlis sejak April 2022 sehingga Jun 2023.

Bagaimanapun, semalam, ketiga-tiganya direman lima hari sehingga 9 Jun ini, bagi membantu siasatan berhubung penerimaan suapan RM1,183,140 memabitkan kes pengurusan pendaftaran pernikahan berkenaan.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Ana Rozana Mohd Nor selepas ketiga-tiganya dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar.

Terdahulu, ketiga-tiganya yang berusia 25 hingga 52 tahun ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Perlis di beberapa lokasi bersinggan di Kangar, kelmarin.

Sumber SPRM berkata, dalang yang bertugas sebagai penjawat awam berusia 45 tahun itu ditahan di pejabatnya di JAIPs, jam 4.10 petang.

Manakala imam serta anaknya ditahan di Pejabat SPRM Perlis di Kangar, jam 6 hingga 6.15 petang selepas dipanggil untuk

"Siasatan awal menda-

PEGAWAI JAIPS, IMAM SERTA ANAK KAUT RM1J URUS DAFTAR NIKAH

## Bayar dalang RM2k, baki RM3k masuk akaun



SUSPEK dibawa keluar dari pekarangan Mahkamah Majistret Kangar oleh anggota SPRM Perlis.

memberi keterangan.

"Dalang dipercayai bekerjasama dengan imam dan anak imam terbabit yang juga pemilik sebuah syarikat yang bertindak sebagai perunding dalam menguruskan urusan pernikahan di Perlis.

"Bakinya dibahagikan sesama mereka bertiga.

pati, bagi setiap permohonan nikah, terutama untuk pasangan yang bernikah di Thailand dan mahu mendaftarkan pernikahannya itu semula di negara ini, pasangan terbabit akan berhubung dengan syarikat yang menguruskan pernikahan ini yang dim-

likti anak kepada imam masjid itu.

"Syarikat yang beroperasi di Kangar ini kemudian akan meminta pasangan yang mahu mendaftarkan pernikahan bayaran sekitar RM5,000 sebagai wang pendaftaran pernikahan berkenaan," katanya di

perkarangan Kompleks Mahkamah Kangar.

Katanya, daripada jumlah itu, RM2,000 akan dibayar kepada dalang untuk JAIPs sebagai wang denda pasangan terbabit kerana bernikah di Thailand.

"Bakinya dibahagikan sesama mereka bertiga.

Ketiga-tiganya disyaki terbabit dalam urusan pendaftaran pernikahan yang tidak mengikut prosedur ditetapkan seperti pasangan tidak bermastautin mengikut tempoh seperti sepatutnya," katanya.

Sumber berkata, dalang kes terbabit mengaut keuntungan lebih RM1 juta dalam akaun peribadinya hasil urusan berkenaan yang dijalankan bermula April 2022 hingga Jun tahun lalu.

"Malah, siasatan awal kita juga percaya imam serta anaknya itu turut mengaut keuntungan melebihi dalang terbabit. Kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009," katanya.

Terdahulu, ketiga-tiganya yang diwakili peguam, Syed Muhammad Anwar Syed Lokman Hakim dan Zuhair Ahmad Zukan, tiba di mahkamah sekitar jam 8.30 pagi diiringi anggota SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Perlis Mohd Nor Adha Ab Ghani ketika dihubungi mengesahkan perihalannya ketiga-tiga suspek.

“  
Dalang dipercayai  
bekerjasama  
dengan imam  
dan anak imam  
Sumber SPRM



# HARIAN METRO

## 06.06.2024

### (KHAMIS)

**Kuala Terengganu:** Seorang penolong pegawai tadbir kanan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam terhadap 24 pertuduhan salah guna kuasa dengan mengesyorkan perolehan pembalikan kenderaan kepada syarikat milik isterinya bernilai RM24,267 pada 2022.

Tertuduh, Ali Embong, 60, yang bertugas di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk mendapatkan suapan iaitu mengesyorkan borang permohonan servis/pembalikan/mendapatkan bekalan untuk kenderaan jabatan bagi perolehan penyelenggaraan bernilai antara

#### 24 TUDUHAN SALAH GUNA KUASA

### Penolong pegawai tadbir kanan nafi syor perolehan baiki kenderaan syarikat isteri

RM260 hingga RM2,890.

Tertuduh mempunyai kepentingan memandangkan isterinya pemilik kerjasama syarikat itu.

Beliau selaku pegawai kenderaan jabatan didakwa melakukan kesalahan itu di pejabat JHEAT di daerah ini antara 30 Oktober 2022 hingga 14 Disember 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 23 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama.

Tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak

kurang daripada lima kali ganda jumlah suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 10 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes dan membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin.

Tertuduh turut dikenakan syarat tambahan iaitu tidak dibenarkan mengganggu saksi sepanjang prosiding berlangsung, melaporkan diri di Pejabat SPM pada setiap bulan antara satu hingga tujuh hari bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah.



TERTUDUH dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu.



# SINAR HARIAN 06.06.2024 (KHAMIS)

## Anak Hamzah didakwa terima rasuah RM100,000

Sebagai upah lantik syarikat sebagai konsultan gunakan pengaruh yang dimilikinya

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN  
KUALA LUMPUR



MUHAMMAD FAISAL

**A**nak Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas satu pertuduhan menerima rasuah RM100,000 bagi mendapatkan tender sebuah syarikat, enam tahun lelu.

Muhammad Faisal Hamzah, 40, yang memakai kot berwarna hitam membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Rozina Ayob.

"Saya mengaku tidak bersalah," kata bapa kepada empat anak ini.

Mengikut pertuduhan, perunding syarikat itu didakwa menerima suapan itu daripada seorang individu sebagai upah bagi Heitech Padu Berhad melantik syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd dan Per My Solutions sebagai konsultan permasaran disebabkan pengaruh yang dimilikinya.

Seterusnya, dua syarikat itu dibayar komisen berjumlah RM700,000 selepas Heitech Padu

dianugerahkan tender Supply, Rental, Implementation, Training, Support and Maintenance of Security Infrastructure bernilai RM33 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, di sebuah pejabat di Publika Shopping Gallery, Jalan Dutamas 1 di sini pada Mac 2018.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan, atau jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Sernasanya prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Mahadi Abdul Jumaat, mencadangkan supaya anak bekas Menteri Dalam Negeri itu diberi ikat jamin sebanyak

RM30,000 dengan seorang penjamin.

"Ia termasuk syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah, melaporkan diri di pejabat SPMR di sini dan tidak mengganggu saksi pendakwaan."

"Mahkamah perlu mengambil latar belakang tertuduh pada kes ini, yang mana dia merupakan seorang anak bekas menteri," katanya.

Bagaimanapun, peguam, Ravinder Singh Dhaliwal merayu agar anak guamnya diberi ikat jamin pada kadar rendah.

"Pembelaan tidak membantah syarat tambahan yang dicadangkan pendakwaan, namun Muhammad Faisal perlu ke luar negara untuk pembukaan sebuah asrama di Thailand," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Rozina mengbenarkan tertuduh dikenakan jamin sebanyak RM25,000 dengan seorang penjamin dan memenuhi syarat tambahan yang dicadangkan pendakwaan termasuk disenarai hitam ke luar negara.

Mahkamah menetapkan 5 Julai depan untuk sebutan semula kes.

Tahun lalu, Muhammad Faisal dan seorang individu didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban atas sembilan pertuduhan mengemukakan dokumen palsu dan memiliki barang kawalan minyak masak melebihi had diberangkan.

Muhammad Faisal dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas satu pertuduhan menerima rasuah RM100,000 bagi mendapatkan tender sebuah syarikat, enam tahun lalu.



# SINAR HARIAN

## 06.06.2024

### (KHAMIS)

#### Pegawai penguat kuasa direman bantu siasatan kes salah guna kedudukan

SEREMBAN - Seorang pegawai penguat kuasa sebuah agensi kerajaan direman tujuh hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Maleysia (SPRM) kerana disyaki salah guna kedudukan bagi mempengaruhi syarikat-syarikat pengangkutan untuk melantik syarikat miliknya sebagai konsultan.

Perintah reman terhadap suspek berusia 39 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Fairuz Syuhada Amran di Mahkamah Majistret Sivil pada Rabu selepas permohonan reman dibuat.

Menurut sumber SPRM, suspek lelaki itu telah ditahan pada jam 9 malam Selasa ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

"Dia ditahan kerana disyaki mempengaruhi syarikat-syarikat pengangkutan sekitar Negeri Sembilan yang memerlukan khidmat istihhan dan kursus untuk melantik syarikat miliknya sendiri sebagai konsultan.

"Ia bagi bagi mendapatkan lesen perdagangan dan kesalahan itu dilakukan sekitar tahun 2020 hingga 2023," katanya di sini pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan perahanan suspek.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009.



Suspek diiring pegawai SPRM ketika hadir ke mahkamah di Seremban bagi permohonan reman.



# SINAR HARIAN 06.06.2024 (KHAMIS)

## Dituduh terima suapan RM3,200 untuk lepaskan lori



**Solehuddin (dua dari kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuantan pada Rabu atas empat pertuduhan menerima suapan.**

KUANTAN - Seorang pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diadikwa di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Rabu atas empat pertuduhan menerima suapan berjumlah RM3,200 sejak enam tahun lalu. Tertuduh, Solehuddin Isa, 37, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Sabri Ismail.

Bapa kepada enam anak itu yang bertugas sebagai Pembantu Penguasa Kastam Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) diadikwa menerima sejumlah wang bernilai RM300 hingga RM2,000 daripada seorang individu.

Wang tersebut diadikwa diterima sebagai dorongan untuk tidak meneriksa lori-lori milik sebuah syarikat yang membawa keluar barang dari Kargo KLIA.

Solehuddin diadikwa melakukan empat pertuduhan itu di sebuah bank di Temerloh antara 31 Julai 2018 dan 11 September 2022.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Jika disabitkan kesalahan, tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Mahkamah kemudian membenarkan Solehuddin dijamin RM10,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh perlu melapor diri setiap bulan di pejabat SPM Putrajaya.

Tertuduh juga diarahkan supaya tidak mengacau ganggu saksi sehingga perbicaraan selesai.

Mahkamah menetapkan 19 Julai depan sebagai tarikh penyerahan dokumen dan urusan kes.

**EK ELEH**





# SINAR HARIAN

## 06.06.2024

### (KHAMIS)

Pegawai jabatan kerajaan imam dan anaknya direman SPRM

Oleh ROSHILA MURNI ROS  
KANGAR

Tiga lelaki termasuk pendaftaran perkahwinan jabatan kerajaan di Perlis direman lima hari bagi membantu siasatan kes rasuah RM1.18 juta melibatkan urusan pendaftaran perkahwinan pasangan yang bernikah di Thailand.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, perintah reman terhadap pegawai jabatan kerajaan itu dan seorang pemilik syarikat bersama bapanya yang juga seorang imam masjid dikeluarkan Majistret Ana Rozana Mohd Nor pada Rabu di sini.

Ketiga-tiga suspek masing-masing berumur lingkungan 40-an, 20-an dan 50-an.

Sumber itu memaklumkan suspek pertama yang bekerja sebagai pendaftar perkahwinan ditahan kira-kira 4 petang hingga 7 malam Selasa di pejabatnya, manakala pemilik syarikat dan bapa ditahan jam 6 petang ketika hadir di pejabat SPRM bagi dirakamkan ke

# Rasuah daftar nikah RM1.18 juta

Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani ketika dihubungi Bernama mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Sementara itu menurut sumber, siasatan awal mendapati bagi setiap permohonan nikah, terutama untuk pasangan bernikah di Thailand dan mahu mendaftarkan pernikahannya di negara ini, akan berhubung dengan syarikat terbabit.

"Syarikat ini kemudian meminta pasangan yang mahu mendaftarkan pernikahan itu membayar sekitar RM5,000 sebagai wang pendaftaran pernikahan," katanya diquetik portal berita.

Daripada jumlah itu, beliau berkata, RM2,000 akan dibayar kepada suspek utama kononnya sebagai denda ditetapkan pihak berkuasa kerana bernikah di Thailand manakala bakinya dibahagikan antara ketiga-tiga suspek.

Tambahnya, semua suspek disyaki terbabit urusan pendaftaran pernikahan tidak mengikut prosedur, termasuk ada pasangan tidak hadir dan tidak dicatatkan dalam buku daftar pernikahan serta tidak melalui mahkamah syariah.

Sumber berkata, pihaknya percaya suspek utama mengaut keuntungan lebih RM1 juta dalam akaun peribadinya hasil urusan itu manakala keuntungan imam itu dan anaknya melebihi suspek utama.



Perintah reman terhadap tiga suspek dikeluarkan Mahkamah Majistret Kangar pada Rabu.



**terapanis sinim**

Suspek pertama itu katanya, dipercayai menerima wang rasuah RM1.18 juta daripada pe-

lik syarikat terbabit bagi memboleh pasangan yang bernikah di Thailand daftar perkahwinan di jabatan agama Perlis tanpa melalui prosedur dikenakan.

"Suspek pertama ini dipercayai terlibat dalam perburusan dengan pemilik syarikat berkenaan menerusi bapanya yang bertindak sebagai orang tengah.

"Suspek dipercayai telah melakukan perbuatan berkenaan dari 2022 hingga 2023 dan telah menerima wang rasa keseluruhannya dianggarkan RM1 juta," kata sumber itu.



# SINAR HARIAN

## 06.06.2024

### (KHAMIS)

## Hanya Jabatan Kehakiman layak sahkan status pernikahan - JAIPs

KANGAR - Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Perlis (JAIPs) tidak mempunyai kuasa untuk menentukan status pasangan bernikah di Thailand yang membuat pendaftaran pernikahan melalui sebuah syarikat yang disiasat SPRM di negeri ini.

Pengarah JAIPs, Najmuddin Abdul Karim berkata, hanya jabatan kehakiman yang layak menentukan sama ada pernikahan itu sah atau tidak memandangkan pasangan terlibat

tidak melalui prosedur yang ditetapkan.

"JAIPs tiada kuasa untuk tentukan, hanya jabatan kehakiman ada kuasa," ujarnya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Pada Selasa, seorang pegawai kanan antara tiga direman SPRM berkaitan kes menerima suapan lebih RM1 juta bagi memudahkan urusan pendaftaran pernikahan di negeri itu.

Selatan Thailand sudah lama menjadi destinasi pasangan warga Malaysia untuk melangsungkan akad nikah dan mereka dikehendaki mendaftarkan semula

perkahwinan di negara ini mengikut prosedur tertentu.

Februari lalu, Konsulat Malaysia di Songkhla, Ahmad Fahmi Ahmad Sarkawi mendedahkan hampir 300 pasangan dari Malaysia menikah di Selatan Thailand setiap bulan.

Daripada jumlah tersebut, 60 peratus perkahwinan itu melibatkan berpoligami dan selebihnya kerana tidak mendapat izin keluarga.

Kebanyakan mereka akan memilih Narathiwat, Yala, Pattani, Songkhla dan Satun untuk melakukan akad nikah, kata beliau.

Terdahulu pada Oktober tahun lalu, Exco Hal Ehwal Agama Islam negeri, Muhammad Azmir Azizan berkata, seramai 20 hingga 25 pasangan berkahwin di Thailand mendaftar di negeri ini dalam tempoh sebulan.

Beliau berkata, pendaftaran

perkahwinan di negeri ini selepas melangsungkan proses nikah di Thailand atas tujuan poligami tidak memerlukan persetujuan isteri pertama.

"Pemohon hanya perlu hadir di hadapan pendaftar dan mengemukakan bukti perkahwinan menerusi dokumen yang disahkan.

"Apabila pendaftar berpuas hati bahawa perkahwinan tersebut adalah sah di sisi syarak, maka, perkahwinan berkenaan boleh didaftarkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006," ujarnya.



NAJMUDDIN



# BERITA HARIAN

## 07.06.2024

### (JUMAAT)



Seorang pengarah agensi kerajaan di Kelantan direman SPRM bantu siasat kes rasuah lulus projek, semalam. (Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

## SPRM reman pengarah agensi kerajaan dua hari

**Kota Bharu:** Seorang pengarah sebuah agensi kerajaan di Kelantan yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang kelmarin, direman dua hari.

Perintah tahanan reman bermula semalam sehingga esok dikeluarkan Majistret Rais Imran Hamid.

Terdahulu, media melaporkan pengarah berkenaan ditahan bagi membantu siasatan

berhubung kes meminta rasuah bagi meluluskan kerja kontrak kepada pelanggan bernilai hampir ratusan ribu ringgit.

Pengarah SPRM Kelantan, Rosli Husain, berkata suspek ditahan selepas memberi keterangan di pejabat SPRM, di sini, petang kelmarin.

Katanya, penahanan lelaki itu bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 16 dan 17(a) Akta SPRM 2009.



# BERITA HARIAN 07.06.2024 (JUMAAT)

## 5 termasuk 2 peguam ditahan kes rasuah urus pinjaman bank

**Melaka:** Lima individu termasuk dua peguam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung penawaran dan penerimaan wang rasuah lebih RM300,000 membabitkan beberapa firma guaman sekitar negeri ini.

Antara yang ditahan adalah dua pegawai bank bertugas di Petaling Jaya, Selangor serta cawangan di Melaka serta masing-masing seorang pengurus firma guaman dan bekas pegawai bank sama yang dikatakan turut menerima wang suapan berkenaan antara 2018 hingga 2022.

Menurut sumber, suapan itu sebagai 'upah' membolehkan firma guaman terbabit menerima pelanggan bagi urusan dokumentasi pinjaman hartanah daripada institusi kewangan itu di Petaling Jaya, Selangor dan cawangan di Melaka.

Sumber berkata, lima suspek berusia antara 37 hingga 53 tahun, termasuk seorang wanita ditahan ketika hadir di pejabat SPM Melaka di antara jam 2 petang hingga 4 petang kelmarin, bagi membantu siasatan kes.

Terdahulu, semua suspek ter-



Suspek yang ditahan SPM dibawa ke Mahkamah Majistret Melaka, semalam.  
(Foto Meor Riduan Meor Ahmad/BH)

masuk dua peguam dari firma guaman berbeza dibawa ke pekarangan Kompleks Mahkamah Ayer Keroh, kira-kira jam 9 pagi menaiki kenderaan SPM bagi perintah reman.

Mereka kemudian dihadapkan di hadapan Majistret Nabilah Nizam di Mahkamah Majistret 3

yang membenarkan suspek direman tiga hari bermula semalam.

Dalam perkembangan sama, Pengarah SPM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan memaklumkan siasatan kes dijalankan mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPM 2009.



# HARIAN METRO

## 07.06.2024

### (JUMAAT)



LIMA individu termasuk dua peguam direman tiga hari di Mahkamah Ayer Keroh bagi membantu siasatan kes rasuah.

## Suap RM316,064.33!

Oleh Meor Riduan  
Meor Ahmad  
am@hmetro.com.my

### Melaka

Lima individu termasuk dua peguam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung penawaran dan penerimaan wang suapan berkaitan antara tempoh 2018 hingga 2022.

Turut ditahan dua pegawai bank masing-masing bertugas di Petaling Jaya, Selangor serta cawangan di

**Lima termasuk dua peguam ditahan SPM kes terima rasuah urusan pinjaman bank**

Melaka dan masing-masing seorang pengurus firma guaman dan bekas pegawai bank sama yang dikatakan turut menerima wang suapan berkaitan antara tempoh 2018 hingga 2022.

Menurut sumber, suapan itu sebagaimana upah bagi membolehkan firma guaman terbabit menerima

• Semua suspek direman tiga hari bermula semalam

pelanggan untuk urusan dokumentasi pinjaman hartanah dari institusi kecanggihan di Petaling Jaya dan cawangannya di Melaka.

Sumber berkata, kelima-lima suspek berusia 37 hingga 37 tahun termasuk seorang wanita ditahan ketika hadir di Pejabat SPM Melaka antara jam 2 hingga jam 4 pe-

tang kelmarin.

Mereka dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh di sini, jam 9 pagi sebelum Majistret Nabilah Nizam membentarkan semua suspek direman selama tiga hari bermula semalam.

Sementara itu, Pengarah SPM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan penahanan semua suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPM 2009.

# HARIAN METRO

## 07.06.2024

### (JUMAAT)



LEPAS LORI TANPA PERIKSA

## 3 pembantu penguasa kastam nafi rasuah

**Seremban:** Tiga pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima rasuah sebagai balasan tidak memeriksa lori milik sebuah syarikat di pintu keluar Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tertuduh, Earizal Mohd Khalil, 43, Ngu Su Siew, 35, dan Mohamad Izuwan Mohd Ali, 32, membuat pengakuan selepas kertas pertuduhan dibaca secara berasingan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut tiga pertuduhan terhadap Earizal, dia sebagai Penguasa Kastam Gred WK19 bertugas di JKDM KLIA didakwa secara rasuah memperoleh untuk dirinya satu suapan iaitu wang keseluruhan RM2,950 daripada pemilik syarikat melalui pemindahan dalam talian ke akaun bank tertuduh.

Ia sebagai dorongan tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung hal ehwal prinsipal tertuduh tidak memeriksa lori milik sebuah syarikat membawa keluar barang dari Kargo KLIA.

Kesalahan dilakukan antara 28 Mei 2017 hingga 3 Mac 2018 di sebuah bank di Kuala Pilah.

Su Siew dan Mohamad Izuwan yang juga anggota Gred WK19 dan bertugas di

lokasi sama didakwa memperoleh masing-masing RM3,000 dan RM1,200 daripada individu sama bagi tujuan sama.

Su Siew didakwa melakukan kesalahan itu pada 20 Disember 2022 manakala Mohamad Izuwan pada 23 Ogos 2019 dan 31 Mac 2020 di sebuah bank di Nilai.

Berikutan itu, mereka didakwa melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Peguam Helmi Hassan mewakili Earizal manakala Su Siew dan Mohamad Izuwan diwakili Peguam Afiqah Mohd Azmi.

Mahkamah menetapkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh dengan syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat SPM terdekat pada Sabtu pertama setiap bulan.

Mereka diminta menyerahkan pasport kepada mahkamah dan sebutan semula kes ditetapkan 12 Julai ini.



ANGGOTA SPRM mengiringi ketiga-tiga tertuduh untuk didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban.



# SINAR HARIAN

## 07.06.2024

### (JUMAAT)

## Rasuah: Pegawai bank, peguam antara lima direman

**MELAKA** - Lima individu termasuk dua peguam firma guaman berbeza direman tiga hari bagi membantu siasatan berhubung penawaran dan penerimaan wang suapan daripada beberapa firma guaman di sekitar Melaka berjumlah

RM316,064.33 dalam tempoh 2018 hingga 2020.

Perintah reman terhadap individu berusia 37 hingga 53 tahun itu termasuk seorang wanita dikeluarkan oleh Majistret Nabilah Nizam di sini pada Khamis, selepas menerima

permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Turut ditahan reman sehingga Sabtu ini ialah seorang pengurus firma guaman, pegawai bank dan bekas pegawai bank yang bertugas di Melaka dan Petaling Jaya kerana disyaki menerima suapan tersebut bagi membolehkan firma-firma guaman mereka menerima pelanggan untuk urusan dokumentasi pinjaman hartanah daripada institusi kewangan terbabit.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16 (a)(A) Akta SPRM 2009.



Lima individu direman pada Khamis bagi membantu siasatan kes penawaran dan penerimaan wang berjumlah lebih RM316,064.



# SINAR HARIAN 07.06.2024 (JUMAAT)

## Tiga lagi anggota kastam dituduh terima rasuah

Sebagai dorongan agar tidak memeriksa lori di pintu keluar kargo KLIA

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

SEREMBAN

Tiga pembantu penguasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas pertuduhan menerima rasuah sebagai balasan tidak memeriksa lori milik sebuah syarikat di pintu keluar Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tertuduh, Earizal Mohd Khalil, 43, Ngu Su Siew, 35, dan Mohamad Izuwan Mohd Ali, 32, membuat pengakuan itu selepas kertas pertuduhan dibacakan berasingan di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi.

Mengikut tiga pertuduhan terhadap Earizal, dia sebagai Penguasa Kastam Gred WK19 yang bertugas di JKDM KLIA, secara rasuah memperoleh untuk dirinya satu suapan iaitu wang berjumlah keseluruhan RM2,950 daripada pemilik sebuah syarikat melalui pemindahan dalam talian ke akaun bank tertuduh.

Ia sebagai dorongan untuk tidak melakukan sesuatu perbuatan berhubung



FOTO: BERNAMA

dengan hal ehwal prinsipal tertuduh tidak memeriksa lori-lori milik sebuah syarikat yang membawa keluar barang dari Kargo KLIA. Kesalahan itu dilakukan antara 28 Mei 2017 hingga 3 Mac 2018 di sebuah bank di Kuala Pilah.

Su Siew dan Mohamad Izuwan yang juga anggota Gred WK19 dan bertugas di lokasi sama pula telah memperoleh masing-masing RM3,000 dan RM1,200 daripada individu sama bagi tujuan sama.

Kesalahan itu dilakukan Su Siew pada 20 Disember 2022, manakala Mohamad Izuwan pada 23 Ogos 2019 dan 31 Mac 2020 di sebuah bank di Nilai.

Berikutnya itu kesemua mereka telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya

Tiga pembantu penguasa kastam (tutup kepala) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) Akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Muhammad Asraf Mohamed Tahir dan Maziah Mohaideen.

Mahkamah menetapkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh dengan syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat SPRM berhampiran pada hari Sabtu pertama setiap bulan dan sebutan semula kes pada 12 Julai depan.



# BERITA HARIAN

## 08.06.2024 (SABTU)

# Tiga penguat kuasa antara 7 ditahan kes penyeludupan

**Putrajaya:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tujuh individu kerana disyaki bersekongkol dengan sindiket penyeludupan barang import di Pelabuhan Klang yang mengakibatkan ketirisan cukai dianggarkan bernilai kira-kira RM3.5 billion.

Menurut sumber, dua wanita dan lima lelaki berumur sekitar 30 hingga 50-an ditahan dalam Ops Transit lewat petang semalam di beberapa lokasi sekitar Pelabuhan Klang.

Beliau berkata, Mahkamah Majistret Putrajaya menetapkan supaya semua suspek yang terdiri daripada tiga pegawai agensi penguat kuasa, seorang pengarah syarikat dan tiga pekerja syarikat direman tiga hari bermula hari ini bagi membantu siasatan.

"Sindiket ini dipercayai membuat pengisytiharan palsu dalam Borang Kastam bagi mengelak dikenakan cukai dan pengimportan barang yang memerlukan permit daripada beberapa agensi seperti Suruhanjaya Tenaga (ST) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

"Dalang sindiket ini ialah seorang warga Singapura yang sedang bercuti bersama keluarga di luar negara dan daripada tangkapan itu SPRM telah membukukan sembilan akaun bank milik syarikat dan individu-individu terbabit," katanya.

Susulan pemeriksaan, lima daripada kontena itu didapa-



Antara individu yang ditahan reman di Mahkamah Majistret Putrajaya semalam.

Rabu lalu, operasi SPRM bersama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah berjaya menahan 19 kontena yang mengandungi pelbagai barang import membabitkan anggaran kasar termasuk cukai berjumlah kira-kira RM10 juta.



Keratan  
akhbar BH  
6 Jun 2024.

ti mengandungi pelbagai jenis barang bercukai termasuk lampu LED, lampu solar dan tin daging babi yang diproses, sedangkan semua kontena itu diisyihar sebagai barang import termasuk kerusi roda dan tekstil, bagi mengelak dikenakan cukai.

Sementara itu Timbalan Ke-

tua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan kes disiasat di bawah Seksyen 17 (b) dan Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009.

Beliau berkata SPRM juga akan menyiasat kes ini di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001.

BERNAMA



# BERITA HARIAN

## 08.06.2024

### (SABTU)

# Kes rasuah projek terowong dasar laut Pulau Pinang 10 peratus suapan tidak dinyatakan dalam rakaman awal kepada SPRM

**Kuala Lumpur:** Ahli perniagaan, Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli memberitahu Mahkamah Sesyen semalam, rakaman percakapannya kepada pihak berkuasa enam tahun lalu, tidak menyatakan berhubung bayaran 10 peratus yang dikatakan diminta oleh bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng.

Zarul Ahmad yang juga Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd (CZCSB) berkata, ia adalah kerana rakaman percakapan beliau yang direkodkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 9 Mac 2018 itu berhubung kes lain iaitu siasatan terhadap ahli perniagaan G Gnanaraja.

Saksi ke-23 pendakwaan itu yang menjawab soalan peguam RSN Rayer mewakili Guan Eng, menjelaskan siasatan ketika itu tidak merujuk kepada dakwaan rasuah 10 peratus hasil keuntungan projek terowong dasar laut Pulau Pinang.

Katanya, beliau diberitahu untuk memfokuskan kepada kes Gnanaraja ketika rakaman percakapannya diambil.

Jelasnya, dalam kenyataan itu, beliau turut memberitahu bahawa Guan Eng tidak pernah meminta apa-apa wang berkaitan pelaksanaan projek kerajaan Persekutuan.

Beliau berkata, Guan Eng malah memberi jaminan tidak akan mengganggu projek berkenaan.

Zarul Ahmad yang juga saksi penting pendakwaan berkata demikian ketika disoal Rayer pada prosiding mencabar kebolehpercayaan beliau kerana didakwa oleh pembelaan, memberikan keterangan bercanggah di mahkamah dan ketika disoal siasat oleh SPM pada perbicaraan kes rasuah projek terowong dasar laut Pulau Pinang dihadapi Guan Eng.

Rayer membangkitkan persoalan mengenai keterangan Zarul Ahmad kepada SPRM yang tidak menyebut langsung mengenai ba-

yan 10 peratus seperti yang diminta oleh Guan Eng.

#### Bineang di rumah Gnanaraja

Sementara itu, Zarul Ahmad berkata, beliau bersama-sama Guan Eng pernah ke rumah Gnanaraja di Petaling Jaya pada jam 2 pagi dan berbincang selama sejam berkaitan projek Persekutuan yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang.

Pada perbicaraan tahun lalu, Zarul Ahmad memberitahu Mahkamah Sesyen, beliau memberikan RM2 juta, masing-masing untuk diserahkan kepada Lim Guan Eng dan Datuk Seri Najib Razak, dan mendakwa wang diberikan menerusi orang tengah iaitu Gnanaraja.

Terdahulu, pada prosiding hari ini, Hakim Azura Alwi memerintahkan prosiding mencabar kredibiliti Zarul Ahmad diteruskan selepas berpuas hati terdapat percanggahan material di antara kenyataan yang diberikannya ke-

pada SPRM dan keterangannya di mahkamah.

Rayer kemudian memohon prosiding ditangguhkan kerana terdapat beberapa bahagian yang perlu diteliti terlebih dahulu.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin membantah permohonan itu atas alasan sepatutnya pembelaan membuat persediaan lebih awal.

Guan Eng berdepan pertuduhan pindaan iaitu menggunakan keduukannya untuk menerima suapan wang RM3.3 juta sebagai tindakan membantu syarikat CZBU-CG milik Zarul dilantik melaksanakan projek bernilai berbilion ringgit.

Beliau didakwa melakukan perbuatan itu di antara bulan Januari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang, Tingkat 28, Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR).

Prosiding bersambung pada 19 Julai ini.



# BERITA HARIAN

## 08.06.2024

### (SABTU)

## Pengarah agensi kerajaan disambung reman 3 hari

**Kota Bharu:** Seorang pengarah jabatan di sebuah agensi kerajaan yang remannya berakhir semalam, disambung selama tiga hari bermula hari ini hingga Isnin bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah berjumlah ratusan ribu ringgit.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kelantan, Rosli Husain, ketika dihubungi semalam, mengesahkan perkara terbabit.

Beliau berkata, permohonan menyambung reman itu bagi membolehkan SPRM menjalankan siasatan lanjut mengikut Seksyen 16 dan 17(a) Akta SPRM 2009.

Media sebelum ini melaporkan pengarah berusia 58 tahun itu, disyaki meminta wang suapan berjumlah ratusan ribu ringgit sebagai imbuhan bagi meluluskan kerja-kerja kontrak kepada pelanggan jabatan.

BERNAMA



# SINAR HARIAN 08.06.2024 (SABTU)

## Penjawat awam antara ditahan kes 'kontena terbang'

Tujuh individu disyaki bersekongkol dengan sindiket penyeludupan

Oleh HISYAMUDDIN AYUB  
KUALA LUMPUR

Tujuh individu termasuk penjawat awam terlibat dalam kes 'kontena terbang' yang bergiat aktif di Pelabuhan Klang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam Ops Transit pada Khamis.

Difahamkan kesemua yang ditahan itu disyaki bersekongkol dengan sindiket penyeludupan barang import di Pelabuhan Klang yang mengakibatkan ketirisan cukai dianggarkan bernilai kira-kira RM3.5 bilion kepada negara.

Sumber berkata, kesemua mereka telah ditahan reman SPRM bagi kesalahan penyeludupan barang import.

Menurut sumber, kesemua suspek merupakan dua wanita dan lima lelaki berusia sekitar 30-an hingga 50-an telah ditahan dalam operasi itu lewat petang Khamis di beberapa lokasi sekitar Pelabuhan Klang.

Susulan penahanan itu, katanya, kesemua suspek yang terdiri daripada tiga pegawai agensi penguat kuasa, seorang

**Mahkamah & Jencayah**

pengarah syarikat dan tiga pekerja syarikat telah dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada pagi Jumaat.

Tambahnya, perintah reman selama tiga hari bermula Jumaat hingga Ahad ini dikenakan terhadap suspek yang dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikah Rohanuddin.

"Sindiket ini dipercayai telah membuat pengisyiharan palsu dalam Borang Kastam bagi mengelakkan dikenakan cukai dan pengimportan barang yang memerlukan permit import beberapa agensi seperti Suruhanjaya Tenaga (ST) serta Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

"Dalang sindiket ini ialah seorang warga Singapura dan kini masih berada di luar negara kerana bercuti bersama keluarga,

"Daripada tangkapan yang dilakukan tersebut, SPRM telah membuka sembilan akaun bank milik syarikat dan semua individu terbabit," katanya pada Jumaat.

Menurut sumber itu lagi, hasil operasi yang dijalankan oleh SPRM dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) pada Rabulalu telah berjaya menahan 19 buah kontena yang mengandungi pelbagai barang import.

Tambahnya, daripada periksaan yang dibuat, sebanyak lima kontena telah dibuka dan mendapati ia mengandungi pelbagai jenis barang bercukai termasuk lampu LED, lampu solar dan tin daging babi yang diproses.

Jelas beliau, kesemua kontena itu diisyiharkan sebagai barang import termasuk kerusi roda, tekstil dan jamban duduk bagi mengelakkan cukai.



Tujuh individu yang terlibat dalam kes 'kontena terbang' bergiat aktif di Pelabuhan Klang dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Jumaat bagi proses reman.



# HARIAN METRO

## 08.06.2024 (SABTU)

Oleh Mohd Jamilul  
Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

S eramai tujuh individu termasuk tiga kakitangan agensi penguatkuasa ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki ada kaitan dengan sindiket penyeludupan barang import terbesar membabitkan ketirisan cukai sekitar RM3.5 billion kepada negara sejak 10 tahun lalu.

Melalui operasi Ops Transit itu, SPrM turut menahan seorang pengarah syarikat kerana disyaki bersekongkol dengan sindiket penyeludupan barang import di Pelabuhan Klang, Selangor itu.

Menurut sumber, suspek membabitkan dua wanita dan lima lelaki berusia sekitar 30-an hingga 50-an ditahan petang kelmarin di beberapa lokasi sekitar Pelabuhan Klang.

Sumber berkata, susulan penahanan itu, kesemua suspek membabitkan tiga pegawai agensi penguatkuasa, seorang pengarah syarikat dan tiga pekerja syarikat dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pagi semalam.

Perintah reman selama tiga hari terhadap suspek dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikah Rohanuddin.

"Sindiket ini dipercayai membuat pengisytiharan palsu dalam Borang Kastam bagi mengelakkan dikenakan cukai dan pengimportan barang yang memerlukan permit import beberapa agensi seperti Suruhanjaya Tenaga (ST)



LIMA daripada tujuh suspek yang direman selama tiga hari bagi membantu siasatan.

**SINDIKET SELUDUP BARANGAN  
IMPORT BABIT KETIRISAN CUKAI RM3.5B**

## 7 DITAHAN, DALANG SEDANG BERCUTI

dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

"Dalang sindiket ini ialah seorang warga Singapura dan kini masih berada di luar negara kerana bercuti bersama keluarga. Hasil tangkapan itu, SPrM membuka sembilan akaun bank milik syarikat dan individu-individu terbabit," katanya.

Menurutnya, hasil operasi dijalankan SPrM dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM) pada Rabu lalu itu, berjaya menahan

19 kontena mengandungi pelbagai barang import dari cukai.

"Daripada pemeriksaan yang dibuat, sebanyak lima kontena sudah dibuka dan didapati mengandungi pelbagai jenis barang bercukai termasuk lampu LED, lampu solar dan tin daging babi yang diproses.

"Kesemua kontena itu diisyiharkan sebagai barang import termasuk kerusi roda (wheel

chair), tekstil dan jamban duduk (commodes) bagi mengelakkan dikenakan cukai," katanya.

Menurutnya, anggaran kasar nilai 19 kontena yang ditahan termasuk cukai berjumlah kira-kira RM10 juta.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPrM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan penaha-

nan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 17 (b) dan Seksyen 16 (a) Akta SPRM 2009.

Kata beliau, SPrM juga akan menyiasat kes ini di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001.

Beliau menjelaskan hasil perbincangan dengan Ketua Pengarah JKDM, Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin sebelum ini, kes-kes membabitkan pengisytiharan palsu dan lain-lain kesalahan sebagaimana terakluk di bawah Akta Kastam 1967 akan dikendalikan

**Sindiket  
dianggarkan urus lebih  
kurang 3.000 kontena  
sebulan**

oleh pihak JKDM manakala Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan meneliti seluruh aspek pembayaran cukai syarikat dan individu yang terlibat.

Kelmarin Ketua Pesuruhjaya SPrM Tan Sri Azam Bakri memaklumkan dua individu direman selama empat hari kerana terbabit dalam kegiatan berkenaan.

Sindiket dianggarkan menguruskan lebih kurang 3,000 kontena sebulan. Hasil ketirisan cukai bagi tempoh 10 tahun beroperasi dianggarkan sebanyak RM3.5 billion berdasarkan cukai minima RM7,000 bagi setiap kontena.

Hasil risikan dijalankan lebih dari tiga bulan mendapat modus operandi mereka menggunakan pelbagai syarikat *forwarding* yang didaftarkan atas nama individu yang tidak tau menerusi mengenai urusan import serta eksport berkenaan.



# HARIAN METRO 08.06.2024 (SABTU)

**Kuala Lumpur:** Kutip ufti bagi melindungi lesen 'Ali Baba' kepada warga asing.

Itu dilakukan Timbalan Pengarah pihak berkuasa tempatan (PBT) di ibukota yang menjadi petualang bagi melindungi kegiatan berkenaan.

Individu berkenaan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur, kelmarin.

Menurut sumber, lelaki berusia 40-an itu diperlakukan menerima bayaran bulanan daripada peniaga warga asing yang menggunakan lesen 'ali baba'.

"Suspek ditahan ketika hadir bagi dirakam keterangan di pejabat SPM Kuala Lumpur.

"Individu berkenaan dipercaya menerima wang rasuah sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan

## **SPRM tahan Timbalan Pengarah PBT di ibu kota**

terhadap peniaga warga asing," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Hussin ketika dihubungi mengesahkan berhubung pernahnya terabit.

"Suspek ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

"Suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur bagi proses permohonan reman esok," katanya.

Harian Metro menerusi laporan eksklusifnya semalam mendedahkan bahawa berterusan berlaku dalam kalangan peniaga tempatan apabila didapati menjual atau menyewakan



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.

lesen perniagaan yang diperoleh kepada warga asing.

Golongan 'Ali Baba' war-

ga tempatan ini atau turut dikenali sebagai 'rakan kongsi tidur' semakin menjadi-jadi terutama di sekitar ibu kota.

Menerusi tinjauan yang dilakukan peniaga warga asing membabitkan warga

Aceh, Bangladesh, Pakistan dan etnik Rohingya dilihat mula 'menjajah' perniagaan kedai runcit, makanan, kedai gunting rambut dan perniagaan sayur serta buah-buahan sekitar ibu kota dengan menggunakan lesen warga tempatan.

Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia Datuk Seri Rosli Sulaiman menyifatkan lesen premis dan penjaja yang di 'Ali Baba' kepada warga asing tidak akan selesai selagi ada pihak 'tutup mata' mengeinya.

Menurutnya, pihaknya tidak menafikan pembabitan 'orang dalam' pihak berkuasa tempatan (PBT) yang cuba melindungi kegiatan itu.



# HARIAN METRO

## 09.06.2024

### (AHAD)

## 'Gaji' RM500,000 sebulan lindung rumah urut

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur menahan reman tiga penjawat awam dan seorang bekas penjawat awam kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan daripada premis perniagaan haram di ibu negara.

Tiga suspek itu membabitkan timbalan pengarah dan anggota pihak berkuasa tempatan (PBT) serta anggota agensi penguat kuasa direman selama tujuh hari sehingga 14 Jun 2024 manakala seorang suspek yang juga bekas anggota agensi penguat kuasa direman selama lima hari sehingga 12 Jun 2024.

Perintah reman terhadap kesemua suspek lelaki berusia antara 30 hingga 40-an dikeluarkan Majistret Shairil Farhana Ruslan selepas permohonan dibuat SPMR di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Dang Wangi semalam.

Menurut sumber, suspek utama yang juga timbalan pengarah PBT dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan antara RM100,000 hingga RM500,000 sejak beberapa bulan lalu daripada premis yang menjalankan kegiatan rumah urut dan hi-

buran selain premis tanpa lesen sah.

"Wang rasuah itu bagi membolehkan premis perniagaan haram berkenaan beroperasi tanpa dikenakan tindakan penguatkuasaan.

"Susulan tangkapan ke atas suspek utama, SPMR kemudian menahan tiga individu lain kerana dipercayai turut menerima suapan dan berperanan sebagai orang tengah bagi mengagihkan wang rasuah kepada beberapa anggota penguat kuasa PBT," katanya.

Menurut sumber itu lagi, menerusi tangkapan ini, SPMR turut menyita wang tunai lebih RM200,000 selain barang kemas dan 28 keping wafer emas yang belum dikenal pasti anggaran nilai dan berat.

Katanya, kesemua suspek ditahan di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur dalam operasi yang diadakan kelmarin.

Sementara itu, Pengarah SPMR Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek berkenaan.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) dan Seksyen 16(a)(A) Akta SPMR 2009.



SPRM menahan reman tiga penjawat awam dan seorang bekas penjawat awam kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan daripada aktiviti premis perniagaan haram.



# SINAR HARIAN 09.06.2024 (AHAD)

## Timbalan Pengarah PBT antara ditahan kes rasuah

KUALA LUMPUR - Tiga penjawat awam termasuk seorang Timbalan Pengarah pihak berkuasa tempatan (PBT), selain seorang bekas penjawat awam disyaki menerima rasuah bagi melindungi rumah urut dan pusat hiburan haram ditahan di sini pada Jumaat.

Penahanan kesemua individu berusia lingkungan 30 hingga 40-an itu dibuat oleh pasukan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur.

Tiga suspek melibatkan Timbalan Pengarah, anggota PBT dan anggota agensi penguat kuasa direman selama tujuh hari sehingga 14 Jun ini, manakala seorang lagi suspek iaitu bekas anggota agensi penguat kuasa direman lima hari sehingga 12 Jun.

Menurut sumber, suspek utama dipercayai menerima wang rasuah secara bulanan antara RM100,000 hingga RM500,000 sejak beberapa

bulan lalu daripada premis-premis yang menjalankan kegiatan rumah urut dan hiburan selain premis tanpa lesen sah.

"Wang rasuah itu bagi membolehkan premis-premis perniagaan haram berkenaan beroperasi tanpa dikenakan tindakan penguatkuasaan.

"Susulan tangkapan ke atas suspek utama, SPMR kemudian menahan tiga individu lain kerana dipercayai turut menerima suapan dan berperanan sebagai orang tengah bagi mengagihkan wang rasuah kepada beberapa anggota-anggota penguat kuasa PBT," katanya.

Pengarah SPMR Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

"Kes masih disiasat untuk tindakan di bawah Seksyen 17(a) dan Seksyen 16(a)(A) Akta SPMR 2009," ujarnya.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Empat individu termasuk tiga penjawat awam ditahan SPRM Kuala Lumpur pada Jumaat untuk siasatan menerima rasuah bagi melindungi pusat hiburan dan premis urut di ibu negara.

(Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyerahkan sepenuhnya kepada SPMR, untuk menyiasat dakwaan pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengutip sogokan se-

cara bulanan.

Beliau pada masa sama mengingatkan semua kakitangan dan pegawai PBT itu agar sentiasa menjaga tata kelola serta integriti dalam melaksanakan tugas.

Sinar Ahad - 9/6/2024



# BERITA HARIAN

## 09.06.2024

### (AHAD)

## ‘Menteri serah SPRM isu dakwaan pegawai kutip sogokan’

**Kuala Lumpur:** Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menyerahkan sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk menyiasat dakwaan pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengutip sogokan secara bulanan.

Beliau juga mengingatkan semua kakitangan dan pegawai pihak berkuasa tempatan (PBT) itu, untuk sentiasa menjaga tatakelola dan integriti dalam melaksanakan tugas.

“Akhirnya kita lihatlah apa siasatan SPRM nanti, tidak kira (melibatkan) kesalahan apa (sama ada) ambil insentif atau mana-mana tatakelola yang tidak bagus.

“Dalam budaya kerja, saya sering mengingatkan dan menerangkan nilai integriti, kerana pada akhirnya kita mahu memberi khidmat yang terbaik kepada rakyat dan memastikan tiada yang mengambil peluang menggunakan kedudukan atau (mengamalkan) tatakelola yang tidak baik,” katanya.

Dr Zaliha berkata demikian ketika ditemui selepas melancarkan Inisiatif Waste-To-Wealth Wilayah Persekutuan di Perumahan Awam (PA) Seri Pulau Pinang di sini semalam.

Turut hadir Ahli Parlimen Bandar Tun Razak Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mengulas program semalam, Dr Zaliha berkata, inisiatif itu dilaksanakan menerusi Program 1 Komuniti 1 Kitar Semula (1C1R) yang berkonsepkan sistem barters, membolehkan komuniti menukar barang kitar semula kepada barang keperluan dapur ditetapkan DBKL.

“Setiap hari bandar raya ini menghasilkan 2,300 tan sisa pepejal. DBKL pula memperuntukkan RM260 juta setahun untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, dan ini bukan nilai yang sedikit.

“Oleh itu, inisiatif ini diharap mengubah persepsi masyarakat, iaitu sampah sebagai sumber tak berguna, sebaliknya boleh mendatangkan keuntungan dan manfaat jika diuruskan bersama dengan baik,” katanya.

Dr Zaliha berkata, ada empat kios 1C1R di sekitar Kuala Lumpur iaitu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Beringin, PA Seksyen 2 Wangsa Maju, PPR Seri Alam dan PA Seri Kota.

Beliau berkata, empat lagi kios akan diwujudkan iaitu di PA Seri Pulau Pinang, PPR Pinggiran Bukit Jalil, PPR Kerinchi dan di PPR Muhibbah. BERNAMA



# BERITA HARIAN 09.06.2024 (AHAD)

# Timbalan Pengarah DBKL antara empat kena reman

Dipercuryai terima suapan secara bulanan lindungi rumah urut, pusat hiburan

Oleh Safeek Affendy Razali  
safeek@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman tiga penjawat awam dan seorang bekas penjawat awam kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan daripada aktiviti premis perniagaan haram di sekitar ibu negara.

Timbalan Pengarah di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berusia pertengahan 40-an dipercayai adalah suspek utama disyaki menerima antara RM100,000 hingga RM500,000 secara bulanan daripada sindiket rumah urut, pusat hiburan serta premis yang tidak berlesen.

Sumber berkata, selain timbalan pengarah terbabit dua lagi penjawat awam yang ditahan adalah anggotanya serta seorang anggota agensi penguat kuasa.

"Ketiga-tiga yang ditahan se-



Tiga daripada empat suspek yang direman kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan. (Foto Ihsan SPM)

malam, direman tujuh hari hingga 14 Jun ini, manakala seorang suspek yang juga bekas anggota agensi penguat kuasa ditahan reman selama lima hari hingga 12 Jun.

"Perintah reman terhadap semua suspek lelaki berusia antara 30 hingga 40-an dikeluarkan Majistret Shairil Farhana Ruslan selepas menerima permohonan dibuat SPRM di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Dang Wangi," katanya.

## Lindungi premis haram

Sumber berkata, timbalan pengarah terbabit dipercayai mene-

rima wang rasuah itu sejak beberapa bulan lalu.

"Wang rasuah itu bagi membolehkan premis perniagaan haram itu beroperasi tanpa dikenakan tindakan penguatkuasaan.

"Susulan tangkapan ke atas suspek utama, SPRM kemudian menahan tiga individu lain kerana dipercayai turut menerima suapan dan berperanan sebagai orang tengah bagi mengagihkan wang rasuah kepada beberapa anggota penguat kuasa PBT," katanya.

Menurut sumber itu lagi, menerusi tangkapan ini, SPRM tu-

rut menyita wang tunai lebih RM200,000, selain barang kemas dan 28 keping wafer emas yang belum dikenal pasti anggaran nilainya dan berat.

Semua suspek ditahan di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur dalam operasi kelmarin.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kuala Lumpur Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap semua suspek berkenaan.

Kes distasat di bawah Seksyen 17(a) dan Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.



# SINAR HARIAN 10.06.2024 (ISNIN)

## SPRM akan panggil beberapa Exco Perak

**PARIT** - Beberapa Exco Kerajaan Perak akan dipanggil bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung penyelewengan penukar status tanah rizab Melayu di negeri itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan dilakukan menunjukkan benar berlaku tanah rizab Melayu ditukar kepada pegangan bebas dan telah dibangunkan kepada projek perumahan.

Menurutnya, saksi-saksi lain yang akan turut dipanggil berkait kes tersebut termasuklah kakitangan kerajaan yang ketika itu bertugas di Pejabat Tanah dan Galian (PTG).

"Ini termasuklah juga minit mesyuarat yang berkaitan yang mana



AZAM

dibawa untuk kelulusan Exco (Mesyuarat Exco).

"Jadi Exco ketika itu akan dipanggil untuk memberi keterangan dan membantu siasatan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Penutupan Pertandingan Debat Anti Rasuah Institut

Pendidikan Tinggi Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM 2024 di Universiti Teknologi Petronas (UTP) di Tronoh di sini, pada Ahad.

Hadir sama, Naib Canselor UTP, Datuk Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib; Timbalan Pengerusi Majlis Universiti Debat Malaysia (Madum), Profesor Dr Akmal Khuzairy Abdul Rahman dan Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr Hazami Jahari.

Azam berkata, setakat ini belum ada pendakwaan baharu dilakukan dan siasatan kes itu masih lagi berjalan.

"Sekarang siasatan telah berada di peringkat kedua selepas kita membuat pendakwaan ke atas seorang pegawai PTG sebelum ini," katanya.

Dalam kes berasingan, Azam memberitahu, SPRM akan menahan tiga lagi individu yang disyaki terlibat dalam kes kontenai lari cukai termasuk seorang warga Singapura yang dipercayai menjadi dalang kes terbabit.

Menurut beliau, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan memohon kerjasama polis Singapura bagi mengesan individu berkenaan.

"Kita akan tahan tiga lagi suspek...ada seorang warganegara Singapura, jika individu itu berada di negara terbabit, kita akan dapatkan kerjasama mereka (polis Singapura)," ujarnya.



# SINAR HARIAN

## 10.06.2024

### (ISNIN)



Tiga suspek tersebut disambung reman di Mahkamah Kangar pada Ahad.

## Rasuah nikah sempadan: Reman pegawai kanan JAIPs, imam disambung tiga hari

KANGAR - Tempoh reman seorang pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs), imam sebuah masjid dan seorang individu lagi yang berakhir pada Ahad disambung tiga hari lagi untuk melengkapkan siasatan kes rasuah RM1.183 juta melibatkan urusan pendaftaran perkahwinan pasangan bernikah di Thailand.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, sambungan reman sehingga 12 Jun terhadap pegawai jabatan kerajaan itu dan seorang pemilik syarikat ber-

sama bapanya, masing-masing berusia 25 hingga 52 tahun dibenarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kangar, Ahmad Hamdi Mustafar.

Pada Rabu lalu, media melaporkan tiga individu tersebut direman lima hari bermula 5 Jun sehingga Ahad berkaitan kes menerima suapan lebih RM1 juta bagi memudahkan urusan pendaftaran permikahan di negeri itu.

Menurut sumber SPRM, lelaki berusia 45 tahun itu ditahan kira-kira jam 4 petang pada Selasa lalu di pejabat JAIPs.

Dua lagi suspek yang merupakan imam sebuah masjid dan pemilik syarikat pula ditahan kira-kira jam 6 petang hari sama di pejabat SPRM Perlis.

Siasatan awal yang dilakukan mendapati pemilik syarikat disyaki membayar RM1.183 juta kepada pegawai JAIPs sejak April 2022 hingga Jun 2023.

Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Gani mengesahkan penahanan berkenaan dan memaklumkan kes itu disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



# HARIAN METRO 10.06.2024 (ISNIN)

SIASATAN TIGA SUSPEK TERIMA RASUAH LEBIH RM1 JUTA BABIT PERNIKAHAN

## Reman imam disambung 3 hari

Oleh Aizat Sharif  
am@hmetro.com.my

### Kangar

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan akan membekukan akaun pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) dan imam sebuah masjid di Kangar bagi tujuan siasatan penerimaan suapan lebih RM1 juta dalam pengurusan pendaftaran pernikahan di Perlis sejak 2022 sehingga tahun lalu.

Sumber SPRM bagaimanapun enggan mendedahkan jumlah atau bila perkara itu akan dilakukan, sebaliknya ia masih meneliti kemungkinan untuk melaksanakannya.

"Kita tidak menolak kemungkinan akan membe-



TIGA suspek diiringi peguam dibawa keluar dari Mahkamah Tinggi Kangar oleh anggota SPRM. - Gambar NSTP/AIZAT SHARIF  
kukan akaun mereka untuk tujuan siasatan tetapi kita masih meneliti perkara itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, tempoh

reman terhadap tiga lelaki berusia 25 hingga 52 tahun berkenaan yang sepatutnya tamat semalam, dilanjutkan sehingga 12 Jun ini.

Sambungan tempoh re-

man itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kangar Ahmad Hamdi Mustafar selepas ketiga-tiganya dibawa ke mahkamah, jam 9.35 pagi.

Terdahulu, ketiga-tiganya yang diwakili peguam, Syed Muhammad Anwar Syed Lokman Hakim dan Zuhair Ahmad Zakuan, tiba

di mahkamah diiringi anggota SPRM.

Rabu lalu, ketiga-tiganya ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung penerimaan suapan berjumlah RM1,183,140 dalam pengurusan pendaftaran pernikahan di negeri itu sejak April 2022 sehingga Jun tahun lalu.

Dalang yang juga pegawai kanan di JAIPs itu diperdayai bekerjasama dengan imam masjid itu dan anak kepada imam terbabit yang juga pemilik sebuah syarikat yang bertindak sebagai perunding dalam menguruskan urusan pernikahan di Perlis.

Sumber berkata, siasatan berkenaan membabitkan pengurusan pendaftaran pernikahan di negeri ini yang dijalankan oleh ketiga-tiganya, terutama terhadap pasangan yang bernikah di Thailand.



# BERITA HARIAN

## 10.06.2024

### (ISNIN)

Kes pindah milik tanah rizab Melayu di Perak

# SPRM akan panggil lagi saksi termasuk EXCO

Suruhanjaya sahkan siasatan kini pada peringkat kedua

Oleh Muhammad Zulsyamini  
Sufian Suri  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Parit:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan akan memanggil beberapa lagi saksi bagi membantu siasatan kes penyelewengan pindah milik tanah rizab Melayu di Perak pada 2012, termasuk dalam kalangan EXCO kerajaan negeri ketika itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata selain EXCO, saksi lain yang perlu dipanggil adalah kakitangan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak yang dalam perkhidmatan ketika itu serta semakan dokumen seperti minit mesyuarat EXCO.

"Saksi ini akan dipanggil, terutama mereka yang ketika itu bertugas di PTG selain EXCO untuk membantu siasatan," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Debat Antirasuah Institut Pengajian Tinggi (IPT) Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM 2024 ke-5 di Universiti Teknologi Petronas (UTP), di sini, semalam.

Ditanya sama ada pendakwaan



Azam (dua dari kanan) bersama pemenang selepas menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Debat Antirasuah IPT Piala Ketua Pesuruhjaya SPRM 2024 ke-5 di UTP, di Parit, semalam.

akan dilaksanakan pada waktu terdekat, Azam bagaimanapun tidak dapat memberi kepastian, walaupun mengakui siasatan kini pada peringkat kedua selepas pertuduhan di Mahkamah Sesyen Ipoh ke atas seorang pegawai (pesara) PTG sebelum ini," katanya.

"Itu saya belum boleh beri kepastian (pendakwaan dalam waktu terdekat) lagi yang mana siasatan kini pada peringkat kedua selepas kita tuduh seorang pegawai (pesara) PTG sebelum ini," katanya.

#### Nafi bebasikan tahanan

Dalam pada itu, beliau menafikan pembebasan seorang pengarah urusan sebuah syarikat hartanah yang ditahan reman SPRM Selasa minggu lalu berkait dengawaan pengubahan status tanah

rizab Melayu seluas 650 hektar di Mukim Sitiawan itu bererti siasatan terhadapnya selesai.

"Dia dibebaskan kerana tamat tempoh reman yang dibenarkan Majistret dan siasatan masih diuteruskan. Bukan bermakna siasatan sudah selesai," katanya.

Pada 30 April lalu media melaporkan bekas Timbalan Pendatar Hak Milik di PTG Perak dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ipoh atas pertuduhan menipu jabatan kerjaan Perak sehingga menyebabkan pemecahan lot tanah rizab Melayu membabitkan kawasan seluas 649.2 hektar di Sitiawan, yang berada dalam daerah Manjung, 12 tahun lalu.

Tertuduh, Rosli Che Mohamed, 64, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menipu Lembaga Tanah Ladang Perak dengan memperdaya lembaga itu untuk mempercayai bahawa tanah dengan nombor hak milik PN 174770-174772, No Lot PT 17527-17529, Mukim Sitiawan, Manjung, adalah bukan tanah rizab Melayu, melalui Borang Pembenutan Data Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Perak bertarikh 25 Mac 2011.

Perbuatan itu didakwa mendorong lembaga terbabit meluluskan Permohonan Pecah Sempadan Tanah bagi hak milik tanah kepada 317 Plot seluas 649.2 hektar di Mukim Sitiawan, kepada Nadi Agrobusiness Sdn Bhd, yang mana lembaga berkenaan tidak akan berbuat sedemikian sekiranya ia mengetahui perkara berkenaan tidak benar.



# BERITA HARIAN

## 10.06.2024 (ISNIN)

# Peguam, remisier ditahan SPRM kes sorok lebih RM60j

### Suspek disyaki berkomplot beri maklumat palsu berkaitan dana pelabur tempatan

Oleh Ilah Hafiz Aziz  
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Seorang peguam dan pemilik syarikat ejen pelaburan (remisier) ditahan untuk siasatan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia kerana disyaki memberi maklumat dan fakta palsu kepada mahkamah bagi menyembunyikan dana pelaburan lebih RM60 juta yang dikutip daripada ribuan pelabur warga tempatan.

Difahamkan, peguam berkenaan berkomplot dengan 'remisier' pelaburan tukaran wang asing

(Forex) itu sejak beberapa bulan lalu dan disyaki sudah menyorok dana berkenaan dalam akaun luar pesisir Labuan.

*BH* difahamkan, 'remisier' berusia 52 tahun itu menubuhkan sebuah syarikat yang menguruskan pelaburan Forex di Singapura dan berjaya mengutip dana pelaburan lebih RM60 juta daripada ramai pelabur tempatan.

#### Pelabur tuntut dana

Siasatan SPRM mendapati, kegagalan mendapatkan sebarang maklumat mengenai perkembangan pelaburan yang dibuat menerusi syarikat ejen pelaburan terbabit, menyebabkan pelabur menuntut balik dana masing-masing.

Bagaimanapun, tuntutan mereka itu tidak dilayan 'remisier' terbabit yang dipercayai enggan memulangkan kembali dana pelaburan itu, sebaliknya dia mendapat bantuan seorang peguam berusia 52 tahun untuk mencari jalan bagaimana me-

mindahkan dana berkenaan.

Sumber berkata, peguam itu kemudian memberi cadangan untuk satu writ saman dikeluarkan pihaknya kepada syarikat pelaburan itu bagi menuntut satu pembayaran sebagai yuran guaman.

Langkah itu difahamkan difailkan di sebuah mahkamah di utara tanah air.

Yuran guaman kira-kira RM50 juta dituntut peguam berkenaan dan sebuah mahkamah mengarahkan pembayaran berkenaan dilakukan syarikat remisier berkenaan.

"Siasatan oleh SPRM mendapati, tuntutan atau writ saman yang difailkan itu tidak benar, sebaliknya adalah satu komplot di antara peguam berkenaan dengan remisier terbabit, hanya untuk menyembunyikan dana pelabur berjumlah puluhan juta ringgit," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Mengulas lanjut, sumber menjelaskan, apabila mahkamah

mibenarkan writ saman itu dilakukan, pelabur ditipu oleh remisier berkenaan kononnya wang pelaburan mereka sudah dilaburkan dalam syarikat forex yang beroperasi di Singapura.

"Suspek menggunakan arahan mahkamah itu bagi pihak bank memindahkan sejumlah besar wang pelabur ke firma peguam terbabit. Wang itu kemudian dipindahkan ke akaun pesisir di Labuan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi *BH* mengesahkan SPRM sedang melakukan siasatan terhadap kes berkenaan.

Beliau berkata, suspek utama termasuk pemilik syarikat pelaburan dan peguam berkenaan sudah ditahan oleh SPRM untuk membantu siasatan.

Beliau enggan mengulas lanjut kerana siasatan masih dijalankan mengikut Akta SPRM dan Kanun Kesejahteraan.



# BERITA HARIAN

## 10.06.2024

### (ISNIN)

#### Reman kes rasuah pengarah jabatan negeri disambung

**Kota Bharu:** Perintah tahanan reman ke atas pengarah sebuah jabatan kerajaan di negeri ini yang ditahan susulan kes rasuah, yang tamat semalam, disambung tiga hari lagi.

Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri, Rosli Husain berkata, berkata lanjutan perintah reman terhadap pengarah berusia 58 tahun yang bermula hari ini diluluskan Mahkamah Majistret di sini.

Katanya, perintah tahan reman baharu itu dimohon bagi membolehkan SPRM meneruskan siasatan kes berkenaan.

Rabu lalu, SPRM menahan pengarah itu kerana didakwa menerima rasuah lebih RM100,000.

Lelaki itu ditahan di pejabat SPRM negeri di Lundang di sini.

Sumber berkata, pengarah terbabit yang mengetuai jabatan penguatkuasaan dipercayai menerima wang itu daripada pelanggan jabatan sebagai pertukaran untuk meluluskan kerja kontrak.

Rasuah itu sebagai dorongan permudahkan kelulusan kerja berkenaan.



# BERITA HARIAN

## 10.06.2024

### (ISNIN)

Kes rasuah lebih RM1j urus daftar nikah

## Akaun 3 individu termasuk pegawai kanan JAIPs mungkin dibeku

Kangar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak menolak kemungkinan membekukan akaun tiga individu termasuk pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) berkait penerimaan suapan lebih RM1 juta dalam pengurusan pendaftaran pernikahan di negeri ini sejak 2022 sehingga tahun lalu.

Sumber SPRM enggan mendedahkan jumlah atau bila langkah itu akan diambil, sebaliknya masih meneliti kemungkinan tindakan berkenaan akan dilakukan.

"Kita tidak menolak kemungkinan akan membekukan akaun suspek untuk tujuan siasatan, tetapi kita masih meneliti perkara berkenaan," katanya ringkas.

Sementara itu, tempoh reman terhadap tiga suspek berusia 25 hingga 52 tahun berkenaan yang sepatautnya tamat semalam, dilanjutkan selama tiga hari se-

hingga 12 Jun hadapan.

Sambungan tempoh reman itu dikeluarkan oleh Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kangar, Ahmad Hamdi Mustafar selepas suspek dibawa ke mahkamah sekitar jam 9.35 pagi semalam.

Terdahulu suspek yang diwakili peguam, Syed Muhammad Anwar Syed Lokman Hakim dan Zuhair Ahmad Zakuan tiba di mahkamah diiringi anggota SPRM yang bertugas.

Rabu lalu, ketiga-tiga lelaki berkenaan ditahan SPRM bagi membantu siasatan berhubung penerimaan suapan berjumlah RM1,183,140 dalam pengurusan pendaftaran pernikahan di negeri itu sejak April 2022 sehingga Jun tahun lalu.

Suspek utama yang juga pegawai kanan di JAIPs itu dipercayai bekerjasama dengan dua lagi suspek, laitul imam masjid itu dan anak imam berkenaan yang juga pemilik sebuah



Pegawai kanan JAIPs serta dua suspek dibawa keluar dari pekarangan Mahkamah Kangar, semalam.

(Foto Aizat Sharif/BH)

syarikat yang bertindak sebagai perunding dalam menguruskan urusan pernikahan di Perlis.

#### Kes daftar nikah di Thailand

Sumber berkata, siasatan membabitkan pengurusan pendaftaran pernikahan di negeri ini yang dijalankan suspek terutama terhadap pasangan yang bernikah di Thailand.

"Siasatan awal SPRM mendapati bagi setiap permohonan nikah, terutama di Thailand dan pasangan mahu mendaftarkan pernikahan semula di negara ini akan berhubung dengan syarikat milik suspek ketiga yang

juga anak imam berkenaan.

"Syarikat yang beroperasi di Kangar ini meminta pasangan yang mahu mendaftarkan pernikahan mereka membayar sekitar RM5,000," katanya.

Katanya, daripada jumlah itu, RM2,000 dibayar kepada suspek utama yang bertugas di JAIPs itu sebagai denda pasangan terbabit kerana bernikah di Thailand.

"Baki daripada jumlah itu tadinya akan dibahagikan antara mereka yang membabitkan akaun peribadi milik penjawat awam dan imam masjid serta akaun syarikat milik suspek ketiga.

Sumber itu berkata, pihaknya percaya suspek utama mengaut keuntungan lebih RM1 juta dalam akaun peribadinya hasil urusan itu bermula April 2022 hingga Jun tahun lalu.



# HARIAN METRO

## 11.06.2024

### (SELASA)

TUDUHAN RASUAH 'URUS' DUTI KASTAM

# DUA PENIAGA NAFI 10 DAKWAAAN

Oleh Nur Izzati  
Mohamad  
am@hmetro.com.my

Butterworth

**D**ua ahli perniagaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah bagi membantu menyelesaikan masalah duti eksais dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), lima tahun lalu.

Tertuduh, Chan Eng Leong dan Tan Kok Siang masing-masing berusia 50 tahun membuat pengakuan terhadap 10 pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Zulhazmi Abdul-lah.

Mengikut pertuduhan pertama, Eng Leong dan Kok Siang didakwa secara bersama meminta wang RM4 juta dari pada Pengarah syarikat GTM Land and Property Sdn Bhd, Goh Choon Kim.

Bagi sembilan pertuduhan lagi, mereka didakwa menerima wang berjumlah RM2,675,150 melalui sembilan keping cek didepositkan ke dalam akaun bank syarikat Hotspot Capital (M) Sdn Bhd milik Eng Leong.

Ia sebagai dorongan untuk membantu menyelesaikan masalah duti eksais dengan JKDM bernilai RM108 juta yang dihadapi oleh syarikat Global Tobacco Manufacturers (Int) Sdn Bhd.

Kedua-dua tertuduh diadakwa melakukan kesalahan itu di sebuah hotel di Bukit Mertajam dan sebuah bank di Bayan Lepas pada 12 September 2019.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 16 (a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24 (1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, kedua-dua tertuduh bakal berdepan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPM, Wirna Ariffin, Muhammad Taufik Awaludin dan Mohd Syahzada Azad Sanusi.

Manakala Eng Leong diwakili peguam, RSN Rayer sementara Kok Siang pula diwakili peguam S Meharaj.

Semasa prosiding, pihak pendakwaan menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin terhadap setiap tertuduh bagi semua pertuduhan

dikenakan terhadap mereka.

Dalam pada itu, tertuduh diminta mengikuti syarat tambahan dengan menyerahkan pasport kepada mahkamah hingga kes selesai.

Hakim menetapkan jaminan masing-masing RM10,000 bagi setiap pertuduhan dihadapi kedua-dua tertuduh.

Tertuduh juga diminta menyerahkan pasport kepada mahkamah, melapor diri sebulan sekali di pejabat SPM berhampiran serta dilarang menganggu saksi pendakwaan.

**Kes akan disebut semula pada 2 Ogos depan.**

ENG Leong (kanan) dan Kok Siang masing-masing menafikan pertuduhan di Mahkamah Sesyen Butterworth.





# SINAR HARIAN 11.06.2024 (SELASA)



HISHAMUDDIN

SPRM siasat ejen berlesen syarikat broker dan peguam

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI  
SHAH ALAM

## Ratusan mangsa ditipu pelaburan forex RM65 juta

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat kes penipuan pelaburan forex yang dipercayai didalangi ejen berlesen syarikat broker dan peguam membabitkan kerugian berjumlah RM65 juta.

Menurut sumber, suspek iaitu ejen terbabit telah menarik ratusan mangsa untuk melabur di Singapura.

"Kes ini dipercayai melibatkan ratusan mangsa yang terpedaya dengan tawaran dibuat suspek.

"Mangsa-mangsa ini telah memasukkan duit pelaburan mereka ke akaun syarikat forex tempatan dan telah memungut kira-kira RM65 juta," katanya kepada *Sinar Harian*.

Susulan pungutan duit itu, suspek berpakat dengan seorang peguam yang kemudian memberi cadangan pihak syarikat forex terbabit perlu diberi pelepasan cukai.

Kata sumber itu, peguam tersebut kemudian membuat

dokumen palsu dan dipercayai telah menipu mahkamah serta pihak bank sebelum diputuskan pihak syarikat berkenaan menerima wang pelaburan terbabit berjumlah RM50 juta.

"Seterusnya, ejen itu bersama peguam menggunakan duit itu untuk kegunaan peribadi dan dilaburkan ke syarikat luar pesisir di Labuan," ujarnya.

"SPRM sedang dalam tinjakan merekodkan keterangan

beberapa individu selain menyatakan akaun bank berjumlah RM40 juta dan usaha juga dilakukan untuk mengesan baki kehilangan wang mangsa," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan siasatan terhadap kedua-dua suspek lelaki berusia 52 tahun itu dan kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009, Seksyen 420 Kanun Keseksaan dan Seksyen 468 Kanun Keseksaan.

**Mahkamah & Jenayah**



# BERITA HARIAN

## 11.06.2024 (SELASA)



Anwar berbicara pada Majlis Perjambatan bersama warga Jodan Pendana Menteri bagi Jln di Putrajaya, semalam.

(Foto Saktibutan Terhad/WB)

## Tak naik pangkat ketua jabatan biar rasuah, salah laku

Anwar mahu ketetapan dibuat 'hukuman' tak lapor kecurangan orang bawahan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Tiada kesalih pengaruh bagi ketua jabatan jika wajud salah laku dan amalan rasuah penjawat awam di bawahnya sejuga tidak dilaporkan, demikian legas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Berucap pada Majlis Perjambatan bersama warga Jodan Pendana Menteri bagi Jln di sini, semalam, beliau berkata, supak mustahil bagi ketua jabatan atau ketua unit tidak akan diberikan kesempatan pangkat, sekiranya ia turut dilaporkan terhadapnya.

"Kalaun supak tereng salah laku, kenapa ketua jabatan tidak lapor, kenapa ketua unit tidak tahu, saya kadang-kadang fikir kerana amalan ini sudah bertakaruh-takaruh, mustahil tidak tahu."

"Maka saya akan syorkan ke pada KSN (Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali) mesyuarat dalam masa terdekat ini, dalam keputusan kita mengenai penyelarasan gaji, kita tetapkan seorang ketua jabatan atau ketua unit tidak akan diberikan kenaikan pangkat, sekiranya diketahui di bawahnya itu sistemnya bohrok dan tidak

dilaporkan," katanya.

Yang turut hadir, kedua-dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Dato' Sri Fadillah Yusof serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Anwar yang juga Menteri Keuangan berkata, kesalah bukannya itu begalamanpun akan ditentukan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA).

"Mengapa dalam jabatan un-pamanya, dia ketua jabatan, KSN (Ketua Setiausaha), Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Pengarah, tak mungkin dari atas sampai ke bawah tak ada.

"Maka saya akan syorkan kepada KSN, mesyuarat dalam terdekat ini, dalam keputusan kita mengenai penyelarasan gaji, kita tetapkan seorang ketua jabatan atau unit tidak peduli siapa sebaik ada bukti supaya dalam tempoh terdekat kita dapat kawal dengan berkesan," katanya.

Anwar menegaskan, beliau mahu setiap ketopatan dibuat pada minima depa dengan semua ketua jabatan atau unit melaporkan sebarang kecurangan atau salah laku.

"Jadi, saya harap saudara Islam, kalau tidak saudara boleh pilih tidak mahu jadi ketua jabatan kerana tanggungjawabnya tidak maklumkan kepada KP PA, kata saya hanya mahu bekerja sebagai pegawai biasa, tidak mahu jadi ketua unit atau jabatan."

"Kemudian apabila boleh pun, kerja mestilah dijalankan, jadi saya nak gesek kerana amaran sudah lama diberikan, maka tanggungjawab itu sudah turun dari kita semasa ke peringkat bahawa," katanya.



**SINAR HARIAN**  
**11.06.2024**  
**(SELASA)**

# Saya sedia beri kerjasama kepada SPRM - Saarani

Kes penyelewengan tukar status tanah rizab Melayu di Perak

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
IPOH

**M**enteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad menyatakan kesediaan untuk memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kes penyelewangan penukaran status tanah rizab Melayu di

SPRM akan panggil beberapa Exco Perak

Laporan Sinar Harian pada Isnin.

negeri itu.

Menurut Saarani, setakat ini pihaknya belum menerima sebarang permintaan daripada SPRM untuk memberikan keterangan.

"Tak ada masalah (untuk beri keterangan). Kita ikut, kalau SPRM panggil untuk memberi keterangan, kita beri keterangan sebab kita tak tahu tahun bila tapu saya menjadi exco kerajaan negeri dalam sepanjang tempoh itu bermula tahun 2004, 2009 sehingga 2018.

"Jadi kalau ia berlaku dalam tempoh itu, kalau SPRM panggil, saya bersedia untuk memberi kerjasama," katanya kepada pemberita selepas Majlis Pembentangan Laporan Kemajuan Tahun Kedua Perak Sejahtera 2030 di Dewan Merdeka, Seri Manjung di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri bahawa kemungkinan akan memanggil beberapa lagi saksi untuk memberi keterangan berhubung kes penipuan status tanah rizab Melayu seluas lebih 600 hektar di



SAARANI

Perak pada 2012.

Untuk rekod, ketika tahun 2012, Saarani merupakan exco yang memegang portfolio pembangunan luar bandar, pembasmian kemiskinan, perladangan dan kebajikan semasa Datuk Seri Dr Zamby Abd Kadir menjadi Menteri Besar Perak.

Saksi-saksi berkenaan termasuk bekas exco kerajaan negeri dan petugas Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Perak dalam perkhidmatan ketika itu.

Dalam perkembangan berkaitan, Saarani mengulangi pendirian bahawa kerajaan negeri akan menambah keluasan Tanah Rizab Melayu di Perak.

Pada Julai tahun lalu, kerajaan Perak mengumumkan berjaya menambah keluasan tanah rizab Melayu (TRM) sebanyak 2,409.28 hektar membabitkan tanah-tanah kerajaan bernilai tinggi dan berpotensi dimajukan.

Penambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan TRM di negeri ini meningkat kepada 955,587.8 hektar.



# SINAR HARIAN

## 11.06.2024

### (SELASA)

## SPRM pantau semua pelabuhan banteras ketirisan

**KOTA KINABALU** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi amaran keras kepada pihak yang terlibat dengan sindiket penyeludupan membawa masuk barang seludup melalui kontena di pelabuhan negara ini termasuk di Sabah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri berkata, perkara itu kini dalam perhatian SPRM di semua negeri yang mempunyai pelabuhan.

"Saya nak beri amaran kerana ini juga dalam perhatian kami dan juga mana-



AZAM

mana negeri yang ada pelabuhan. Ini adalah kerjasama kami dengan pihak kastam di mana kami nak banteras ketirisan.

"Ketirisan ini berlaku tidak lain apabila berlakunya rasuah dan juga salah guna kuasa terutama sekali mereka yang diberi amanah," katanya kepada pemberita dalam Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Antara Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB)

dan SPRM dan Ikrar Bebas Rasuah di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan pihak SPRM berhubung rampasan dan sitaan barang seludup yang dilaksanakan Jabatan Kastam Diraja Malaysian (JKDM) melibatkan kontena di pelabuhan di negeri ini sejak kelelakangan ini.

Azam menegaskan, ia antara usaha pihak SPRM untuk mengembalikan wang rakyat dengan memastikan cukai dibayar dipungut oleh JKDM sebagai agensi yang bertanggungjawab.

"Mana-mana pihak yang dikesan kita akan mengenakan undang-undang sedia ada di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil

Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATPUAA) bagi mengembalikan wang cukai kepada rakyat.

"Contohnya kes yang berlaku di Klang baru-baru ini apabila perkara dilikrarkan kepada kastam tak betul, ada diikrar sebagai membawa kerusi roda dan sebagainya, rupa-rupanya bila dibuka kontena, babi pun ada, barang elektrik yang sepatutnya dibayar cukai yang lebih tinggi," jelasnya.



# SINAR HARIAN

## 11.06.2024

### (SELASA)

#### Bekas pengurus bank direman disyaki terima, minta rasuah RM50,000

**KOTA BHARU** - Seorang bekas pengurus bank ditahan reman selama lima hari di Mahkamah Majistret di sini, pada Isnin bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah RM50,000.

Perintah reman terhadap suspek yang berusia 50-an itu dikeluarkan oleh Majistret Rais Imran Hamid.

Reman berkuat kuasa bermula Isnin sehingga Jumaat ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16 Akta Suruhanjaya Pencegahan

Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Terdahulu lelaki berkenaan yang memakai baju lokap SPRM berwarna jingga dan berseluar biru gelap tiba di pekarangan mahkamah dengan menaiki van suruhanjaya terbabit pada jam 8.40 pagi.

Akhbar sebelumnya melaporkan suspek ditahan oleh anggota SPRM Kelantan pada jam 3 petang Ahad.

Sumber berkata, suspek berkenaan dipercayai meminta dan menerima rasuah berjumlah

RM50,000 itu daripada pelanggannya dengan alasan membiayai program membabitkan bank sejak 2022.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kelantan, Rosli Husain yang dihubungi pemberita mengesahkan penahanan dan perintah reman terhadap lelaki tersebut.

"Suspek ditahan bagi membantu siasatan ketika hadir di pejabat SPRM untuk diambil keterangan," katanya.



Suspek (tengah) dikawal anggota SPRM ketika tiba di Mahkamah Kota Bharu, Kelantan pada Isnin.



# BERITA HARIAN

## 11.06.2024

### (SELASA)

# SPRM sasar siasat pelabuhan seluruh negara

Kota Kinabalu: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini menyasar semua negeri yang mempunyai pelabuhan di seluruh negara, dalam siasatan agensi itu terhadap penipuan kontena yang menyebabkan ketirisan hasil cukai kepada kerajaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata pelabuhan di Sabah dan negeri lain kini dalam perhatian SPRM selepas kejayaan agensi itu mengesan kegiatan penipuan kontena yang terbesar di Selangor, baru-baru ini.

Beliau berkata, usaha itu yang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertujuan memastikan ketirisan yang berlaku dapat ditutup dan wang hasil cukai yang sepatutnya dikutip dapat dikembalikan di negeri yang terbabit.

"Kita (SPRM) beri amaran kerana Sabah juga dalam perhatian kami, begitu juga mana-mana negeri lain yang ada pelabuhan. Ini kerjasama kami dengan pihak kastam dan agensi lain untuk membanteras ketirisan yang berlaku disebabkan rasuah dan salah guna kuasa membabitkan orang yang diberi amanah.

"Ia adalah usaha untuk mengeimbangkan duit rakyat bagi memastikan cukai dibayar dan dipungut pihak kastam. Kalau ketirisan itu berlaku di Sabah, maka duit itu dikembalikan di negeri ini.

"Bagi yang sudah terlepas, kita akan guna Akta SPRM 2009 dan Akta Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Ak-

tiviti Haram 2001," katanya di temui media selepas Majlis Memandatangkan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan SPRM, di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan Menteri Kewangan Sabah, Datuk Masidi Manjun dan turut dihadiri Pengurus SESB, Datuk Seri Madius Tangau serta Ketua Pegawai Eksekutif SESB, Ir Mohd Yaacob Jaafar dan Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunainthy.

Azam berkata, SPRM komited membongkar kegiatan penipuan kandungan kontena yang menyebabkan kerajaan kerugian dari segi nilai cukai yang tidak setimpal berikutan penipuan barang yang diikrar.

"Ini kerana banyak ketirisan yang berlaku apabila kontena diikrar dengan tidak betul. Ada kontena diikrar kononnya membawa kerusi roda tetapi rupanya di dalam itu (daging) babi dan barang elektrik pun ada.

"Jadi sepatutnya bayaran cukai itu lebih tinggi. Modus operandi ini berlaku di banyak tempat di Malaysia dan kita beri amaran semua negeri, termasuk Sabah, satu hari nanti SPRM akan sampai juga," katanya.

#### Tidak kesan kes baharu

Sementara itu, mengulas mengenai siasatan kemungkinan berlaku kes baharu membabitkan isu pembekalan air di Sabah, Azam berkata setakat ini tiada perkara tidak baik dikesan seperti yang berlaku pada 2017.

"Setakat ini tiada perkara yang tidak baik hasil pemantauan



Masidi (tiga dari kiri) bersama Azam (dua dari kiri) pada Majlis Memandatangkan Memorandum Persefahaman di antara Sabah Electricity Sdn Bhd dan SPRM, di Kota Kinabalu, semalam. (Foto ihsan pembaca)

yang kami lakukan berhubung isu air di Sabah berbanding kes pada 2017 yang mana kes itu sekarang dalam perbicaraan.

"Ketika itu kes berpunca apabila SPRM dapat banyak maklumat dan runutgan daripada rakyat Sabah mengenai wang dibelanjakan dengan banyak di berikan kepada Sabah tetapi tidak turun ke bawah, jadi itu mendorong pemantauan kami.

"Selepas itu, Alhamdulillah, walaupun ada juga kepincangan di sana sini tetapi sekarang lebih baik," katanya.

Pada majlis itu, Masidi menyaksikan SESB dan SPRM memandatangkan MoU bagi kerjasama membanteras Jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam syarikat pembekal elektrik di Sabah dan Labuan itu.

## Ibadat&Fadilat

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: "Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya harta, sebaliknya kekayaan itu ialah kaya hati (jiwa)." (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:48	1:21	4:47	7:34	8:51
Alor Setar	5:49	1:21	4:46	7:34	8:50
P. Pinang	5:51	1:21	4:47	7:33	8:49
Ipoh	5:50	1:18	4:44	7:29	8:45
Kuala Lumpur	5:50	1:16	4:41	7:25	8:40
Shah Alam	5:50	1:16	4:41	7:25	8:40
Johor Bahru	5:44	1:07	4:32	7:13	8:28
Kuantan	5:45	1:10	4:36	7:18	8:33
Seremban	5:50	1:14	4:40	7:22	8:37
Bandar Melaka	5:49	1:13	4:39	7:20	8:35
Kota Bharu	5:42	1:13	4:39	7:26	8:38
K. Terengganu	5:40	1:09	4:35	7:21	8:37
Kota Kinabalu	4:47	12:18	3:43	6:30	7:46
Kuching	5:19	12:42	4:07	6:48	8:03

Berita Harian - 11/06/2024 Celoteh



# BERITA HARIAN

## 13.06.2024

### (KHAMIS)

# Dakwaan tidak isytihar harta AGC bantah semakan kehakiman Daim tindakan SPRM beku akaun

**Kuala Lumpur:** Jabatan Peguam Negara (AGC) akan membantah permohonan kebenaran semakan kehakiman yang difaikkan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin dan keluarganya, berhubung tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan akaun bank mereka.

Peguam Kanan Persekutuan (SFC), Shamsul Bolhassan, memaklumkan perkara itu ketika prosiding pendengaran kes di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Wan Ahmad Farid Wan Salleh, semalam.

Permohonan itu akan didengar pada 8 Ogos ini di hadapan hakim lain iaitu Datuk Ahmad Kamal Md Shahid.

Pada prosiding semalam, SFC Ahmad Hanir Hambaly turut hadir bagi AGC, manakala Daim dan keluarga diwakili peguam Nizamuddin Hamid.

Ketika dihubungi pemberita, Nizamuddin turut mengesahkan mahkamah memberikan perintah perlindungan iaitu maklu-

mat sensitif mengenai akaun bank pemohon tidak boleh di-dedahkan kepada orang ramai.

Dalam permohonan difaikkan 6 Jun lalu, Daim dan keluarga memohon perintah untuk membatakan tindakan SPRM menyita harta alih itu yang dikenakan mengikut Seksyen 50 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembentayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPAAA).

Selain Daim turut dinamakan sebagai pemohon ialah isterinya Toh Puan Na'imah Abdul Khalid dan empat anak mereka iaitu Asnida, Wira Dani, Muhammed Amir Zainuddin dan Muhammed Amin Zainuddin.

Sebanyak 18 syarikat dinamakan sebagai pemohon, iaitu Aad Equity Sdn Bhd, Yayasan Haji Zainuddin, Ilham Baru Sdn Bhd, Anchor Point Sdn Bhd, Kangkung Catering Sdn Bhd, Adrihaniz Sdn Bhd, Syarikat Maluri Sdn Bhd, Amiraz Sdn Bhd, Ridana Sdn Bhd, Daan Sdn Bhd,

Maya Seni Holdings Sdn Bhd, Magical Zone Sdn Bhd, Permatang Maju (M) Sdn Bhd, Brainstorms Sdn Bhd, Arida Farms Sdn Bhd, Gajah3 Resource Centre Sdn Bhd, Ilham Tower Sdn Bhd dan Selidik Jaya Sdn Bhd.

Semua pemohon menamakan Penolong Penguasa Sektor Sasan Operasi Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucutan Harta (AMLFOP) SPRM, Haris Fadhlila Sukaime; Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin; Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri; SPRM; Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Kerajaan Malaysia, sebagai responden pertama hingga keenam.

Mereka juga memohon perisytiharan bahawa tindakan penyitaan harta alih dikenakan SPRM mengikut Seksyen 50 AMLA-TFPAAA dan semua tindakan serta keputusan diambil responden pertama hingga keempat tidak sah dan terbatal. BERNAMA



# BERITA HARIAN

## 13.06.2024

### (KHAMIS)

## Pembantu penguat kuasa JPJ didakwa terima rasuah

Ipoh: Seorang pembantu penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas lima pertuduhan menerima suapan berjumlah RM3,300 pada 2017 dan 2018.

Saibullah Zaid Abdul Halim, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap kelima-lima pertuduhan itu yang dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ibrahim Osman.

Menurut pertuduhan, lelaki itu didakwa sebagai penjawat awam bertugas di JPJ Pulau Pinang menerima untuk diri sendiri barang berharga tanpa balasan wang RM1,500 (pertuduhan pertama), RM600 (masing-masing pertuduhan kedua dan ketiga) serta RM300 (masing-masing pertuduhan keempat dan kelima).

Wang itu diterima daripada pengarah

sebuah syarikat melalui akaun bank milik isterinya berkaitan kerja penguatkuasaan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 terhadap lori milik syarikat berkenaan.

Semua kesalahan didakwa dilakukan di sebuah bank Cawangan Kuala Kangsar antara Oktober 2017 hingga Mac 2018.

Mahkamah menetapkan 16 Ogos ini untuk sebutan semula kes.

BERNAMA



Saibullah Zaid  
diberasuk  
ke Mahkamah  
Sesyen di Ipoh,  
semalam.  
(Foto L  
Manizan/BHD)



# HARIAN METRO

## 13.06.2024

### (KHAMIS)



**SAIBULLAH Zaid dibawa ke Mahkamah Sesyen Ipoh.**  
- Gambar NSTP/L MANIMARAN

## Pembantu penguat kuasa JPJ nafi 5 tuduhan rasuah RM3.3k

**Ipoh:** Seorang pembantu penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lima pertuduhan menerima suapan berjumlah RM3,300 pada 2017 dan 2018.

Saibullah Zaid Abdul Halim, 46, mengaku tidak bersalah terhadap kelima-lima pertuduhan itu yang dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ibrahim Osman.

Menurut pertuduhan, lelaki itu didakwa sebagai penjawat awam bertugas di JPJ Pulau Pinang menerima untuk diri sendiri barang berharga tanpa suatu balasan berupa wang RM1,500 (pertama), RM600 (masing-masing pertuduhan kedua dan ketiga) serta RM300 (masing-masing pertuduhan keempat dan kelima).

Wang itu diterima daripada pengarah sebuah syarikat melalui akaun bank milik isterinya yang berusia 47 tahun berkaitan kerja-kerja penguatkuasaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 terhadap lori-lori milik syarikat berkenaan.

Semua kesalahan didakwa dilakukan di sebuah bank cawangan Kuala Kangsar antara Oktober 2017 hingga Mac 2018.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara yang boleh sampai dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Afifa Liyana Rozman dan Noor Azura Zulkiflee, sementara tertuduh diwakili peguam Mohamed Firdaus M Farouk.

Terda-hulu, Afifa Liyana

**Hakim benarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 untuk lima pertuduhan**

mencadangkan wang jaminan RM8,000 dikenakan untuk kelima-lima pertuduhan, selain dokumen perjalanan tertuduh diserahkan kepada mahkamah sehingga kes selesai dan perlu melapor diri kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setiap bulan.

Bagaimanapun, Mohamed Firdaus memohon jaminan dikurangkan dengan alasan tertuduh mempunyai tanggungan tiga anak yang masih belajar selain mungkin hilang pekerjaan.

Hakim membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000 untuk lima pertuduhan itu serta perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai dan melapor diri di pejabat SPM sekali setiap bulan tanpa gagal.

Mahkamah menetapkan 16 Ogos depan untuk sebutan semula kes. - Bernama



# SINAR HARIAN

## 13.06.2024

### (KHAMIS)

## Penguat kuasa JPJ tidak mengaku terima rasuah RM3,300

IPOH - Seorang pembantu penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ipoh pada Rabu atas lima pertuduhan menerima suapan berjumlah RM3,300, tujuh tahun lalu.

Tertuduh, Saibullah Zaid Abdul Halim, 46, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ibrahim Osman.

Mengikut pertuduhan pertama hingga kelima, tertuduh yang bertugas di JPJ Pulau Pinang didakwa telah menerima wang berjumlah RM3,300 daripada pengarah sebuah syarikat pengangkutan berusia 44 tahun.

Bapa kepada tiga anak

itu dituduh menerima wang berkenaan melalui akaun bank isterinya berusia 47 tahun berkaitan penguatkuasaan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 ke atas lori-lori milik syarikat tersebut. -

Kesemua perbuatan itu dilakukan di sebuah bank cawangan Kuala Kangsar antara Oktober 2017 hingga Mac 2018.

Mahkamah kemudian membenarkan ikat jamin sebanyak RM8,000 untuk kelima-lima pertuduhan selain pasport diserahkan kepada mahkamah dan melapor diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Mahkamah menetapkan kes disebut semula pada 16 Ogos depan.



# SINAR HARIAN

## 14.06.2024

### (JUMAAT)

## Pegawai bank ditahan reman kes jual beli tanah Felda

**KOTA KINABALU** - Seorang pegawai bank di negeri ini ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dipercayai bersekongkol dengan sindiket menawarkan penjualan tanah milik Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) di Melaka.

Perintah reman selama enam hari bermula Khamis itu dikeluarkan terhadap suspek lelaki berusia 40-an oleh Majistret Wan Farrah Fariza Wan Ghazali selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu.

Sebelum itu, menurut sumber, suspek dipercayai dalang bagi membantu urusan pembukaan akaun perbankan atas nama Felda yang palsu bagi membolehkan sin-

diket terbabit melakukan urusan transaksi jual beli dengan pembeli.

"Suspek ditahan ketika hadir bagi dirakamkan keterangannya di Pejabat SPRM Sabah kira-kira jam 9.45 malam Rabu,

"Tangkapan terhadap suspek ini adalah susulan penahanan lapan individu membabitkan lima lelaki di Kuala Lumpur dan dua wanita bersama seorang lelaki yang ada antaranya berjawatan sebagai pegawai bank, broker, pengarah syarikat dan orang awam pada Selasa lalu.

"Suspek dipercayai bertindak bagi memastikan akaun perbankan atas nama Felda palsu itu dapat dibuka agar pembeli yakin bahawa urusan jual beli tanah ber-

kenaan adalah *genuine*," katanya.

Menurut sumber itu lagi, sehingga kini SPRM telah merakam percakapan 16 individu termasuk seorang pegawai kanan dan dua kakitangan Felda selain syarikat pemaju sejak Isnin lalu.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM, Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek kesembilan berkenaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Aktiviti Haram 2001 (MLATPUAA)," katanya.



# HARIAN METRO

## 14.06.2024

### (JUMAAT)

# 3 pegawai dipanggil

*Bagi membantu siasatan berhubung sindiket penjualan tanah milik Felda di Melaka*

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memanggil tiga pegawai Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) untuk dirakam percakapan bagi membantu siasatan berhubung sindiket penjualan tanah milik Felda di Melaka.

Sumber SPM berkata, dua pegawai dipanggil pada hari Isnin dan Selasa lalu, manakala seorang lagi yang juga pegawai kanan agensi berkenaan dipanggil semalam.

"Hari ini (semalam) seorang pegawai kanan Felda dipanggil untuk dirakam percakapan dan mendapatkan beberapa dokumen bagi membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, Ops Tanah Haram masih diajarkan sejak Isnin lalu dengan pembongkaran beberapa agensi dan entiti lain yang bersekongkol dalam sindiket menjual tanah Felda, namun tiada penahanan dilakukan terhadap mana-mana pegawai Felda setakat ini.

Operasi SPM dalam kes berkenaan setakat ini membawa kepada penahanan individu membabitkan broker, pegawai bank, pengarah syarikat serta orang awam, disamping penyitaan 200 akaun bank bernilai melebihi RM28 juta termasuk akaun-akaun bank Felda yang palsu.

Sementara itu Penga-

rah Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) SPRM Datuk Mohamad Zamri Zainul Abidin ketika dilihat mengesahkan perkara itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

"SPRM akan bekerjasama dengan Felda bagi menyelesaikan isu ini demi kepentingan awam," katanya.

Beberapa media sebelum ini melaporkan SPRM menahan lapan individu disyaki bersekongkol menerima rasuah hampir RM2 juta daripada sindiket penjualan tanah Felda di Melaka.

Sumber SPM maklumkan lapan individu itu melibatkan broker, pegawai bank, pengarah syarikat serta orang awam berusia lingkungan 20 hingga 50-an yang ditanah di Kuala Lumpur dan Sabah.



Seorang pegawai kanan Felda dipanggil untuk dirakam percakapan dan mendapatkan beberapa dokumen"

Sumber SPM



# SINAR HARIAN 14.06.2024 (JUMAAT)

## SPRM teruskan usaha kesan menantu Muhyiddin

Masih belum terima panggilan Muhammad Adlan untuk serah diri berhubung pertuduhan pecah amanah

Oleh AISYAH BASARUDDIN  
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan masih belum menerima panggilan daripada ahli perniagaan, Datuk Muhammad Adlan Berhan iaitu menantu kepada bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung pertuduhan pecah amanah.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri berkata, pihaknya masih meneruskan usaha mengesan keberadaan Muhammad Adlan selain meminta individu tersebut untuk menyerah diri dan menghadapi pertuduhan yang dikenakan.



MUHAMMAD ADLAN

"Tiada perkembangan, beliau belum lagi dapat dikesan atau menghubungi kita (SPRM) untuk menyerah diri."

"Tindakan lanjut setakat ini kita masih teruskan usaha dengan Polis Antarabangsa (Interpol) dan pihak berkuasa lain bagi mengesan beliau," katanya ketika ditemui media selepas majlis pelancaran buku *The Sin of Corruption: A Religious Perspective* oleh Transparency International Malaysia (Ti-Malaysia) di sini pada Khamis.

Sinar Harian pada Februari melaporkan bahawa Azam mengesahkan siasatan ke atas Muhammad Adlan sudah lengkap, namun keberadaan individu berkewajipan belum dikenal pasti memandangkan beliau tidak pulang ke tanah air selepas keluar dari Malaysia pada Mei tahun lalu.

Selain Muhammad Adlan, SPM juga sedang berusaha mengesan seorang peguam Marsoor Saat, bagi membantu siasatan kes penyeleweng projek pendaftaran, pengambilan dan penyimpanan biom-

etrik pekerja asing bagi sebuah kementerian.

Media sebelum ini melaporkan kedua-duanya dikenal pasti sudah meninggalkan Malay-



FOTO: BERNAMA

Azam (kanan) melakukan gimik pelancaran buku *The Sin of Corruption - A Religious Perspective* di Putrajaya pada Khamis.

sia masing-masing pada 17 Mei dan 21 Mei 2023.

Sementara itu, Azam membidas dakwaan kononnya agensi itu dijadikan alat bagi 'pembunuhan karakter politik' seperti mana dikatakan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin baru-baru ini.

Dakwaan Hamzah itu dibuat selepas anaknya, Muhammad Faisal, 40, dituduh menerima rasuah sebanyak RM100,000 untuk mendapatkan tender sebuah syarikat sekitar enam tahun lalu.

Menurut Azam, SPM bertindak profesional dan tidak membuat pendakwaan secara terpisih terhadap mana-mana pihak.

"Saya tak setuju dengan kenyataan (Hamzah) kerana tindakan kami adalah profesional dan tidak mengira siapa sama ada pegawai, ahli politik kerajaan semasa atau sebagainya."

"Apabila ada aduan dan kesalahan, kami akan tuduh di mahkamah, itu sahaja. Tidak ada pendakwaan terpisih," katanya.

Muhammad Faisal didakwa menerima suapan daripada seorang individu sebagai upah bagi Helitech Padu Berhad milik syarikat Rimba Merganti Sdn Bhd dan Per My Solutions sebagai konsultan pemasaran disebabkan pengaruh yang dimilikinya.



# SINAR HARIAN

## 14.06.2024

### (JUMAAT)

#### Kontena terbang: SPRM tahan 11 pegawai kastam

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 17 individu termasuk 11 pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi membantu siasatan berhubung kes lari cukai atau "kontena terbang".

Difahamkan, antara yang turut ditahan dan dikenal pasti ialah enam pengarah syarikat serta pekerja termasuk seorang runtut bersama kekasihnya.

Menurut sumber, hasil siasatan SPM setakat ini berjaya merampas wang tunai kirakira RM4.4 juta dipercayai diperoleh secara rasuah oleh pegawai kastam yang terlibat.

"Ini tidak termasuk empat motosikal Yamaha XMAX bernilai RM28,000 berserta satu kenderaan Alphard bernilai lebih RM200,000 dan kereta BMW terpakai.

"Selain itu barang kemas, jam tangan mewah dan sebidang lot tanah yang dibeli secara tunai.

"Kesemua barang-sita ini sebahagian daripada hasil rasuah yang dikesan SPM dan sebanyak 12 akaun syarikat serta individu dibekukan dengan anggaran RM2 juta," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi), Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Sebelum ini, media melaporkan beberapa individu termasuk pegawai kastam ditahan melalui Op Transit selepas disyaki terbabit dalam kes berkenaan yang bergiat aktif di Pelabuhan Klang.



# HARIAN METRO

## 14.06.2024

### (JUMAAT)

## lokal

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Bukan sedikit jumlahnya apabila wang tunai berjumlah RM4.4 juta dirampas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daripada 11 pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang dikaitkan dengan sindiket 'kontena terbang'.

Difahamkan semua mereka sebelum ini ditahan bagi membantu siasatan kes rasuah membabitkan ketirisan duti kastam diangarkan berjumlah RM3.5 billion di Pelabuhan Klang, Selangor, baru-baru ini.

Selain itu, enam individu iaitu pengarah, pekerja syarikat, seorang *runner* dan kekasihnya turut ditahan SPM selepas dikaitkan dengan sindiket terbabit.

Menurut sumber, hasil siasatan setakat ini, SPM merampas wang tunai RM4.4 juta dipercayai diperoleh secara rasuah oleh pegawai kastam terbabit.

"SPRM turut menyita empat motosikal Yamaha XMAX setiap satunya berharga kira-kira RM28,000, kenderaan Toyota Alphard bernilai lebih RM200,000, sebuah kereta BMW ter-



ANTARA kendaraan dan barang yang disita SPM daripada 11 pegawai JKDM yang dikaitkan dengan sindiket 'kontena terbang'.

### SINDIKET 'KONTENA TERBANG'

## RM4.4 juta dirampas

pakai, barang kemas, jam tangan mewah serta sebidang lot tanah yang semuanya dibeli secara tunai.

"Semua sitaan ini adalah sebahagian daripada hasil rasuah yang dapat dikesan SPM setakat ini."

"Susulan siasatan ini juga, sebanyak 12 akaun syarikat dan individu dibeku-

kan dengan anggaran nilai berjumlah RM2 juta," katanya.

Menurut sumber itu lagi, pihak SPM juga dalam proses mengesan akaun lain yang dipercayai digunakan suspek sindiket

terbabit. Katanya, SPM dengan kerjasama JKDM juga memeriksa semua 19 kontena yang disita sebelum ini dan mendapati ia mengandungi pelbagai jenis barang lain ter-

masuk lampu LED, papan panel solar, lampu solar, peralatan aksesori motosikal, *sport rims*, kenderaan, alat ganti kenderaan, pakaian, teh cina, daging babi proses dalam tin dan sebagalnya.

"Sindiket penyeludupan ini dikesan membuat pengisytiharan palsu dengan mengisytiharkan barang

Tindakan mengesan dalam utama sindiket sedang giat dijalankan

dalam kontena itu sebagai barang tidak bercukai seperti kerusi roda, tandas duduk, tekstil dan peralatan kesihatan.

"Nilai anggaran keseluruhan 19 kontena terbabit termasuk cukai yang perlu dibayar dipercayai mencapai jutaan ringgit.

"Ini adalah antara kejayaan terbesar SPM dalam mengekang isu rasuah dalam kalangan penguat kuasa dan membabitkan isu ketirisan hasil negara," katanya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan penahanan terhadap kesemua individu terbabit bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(b) dan Seksyen 16(a) Akta SPM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001).

Katanya, tindakan mengesan dalang utama sindiket itu giat dijalankan melalui pelbagai kerjasama agensi luar negara.

Iasnin lalu, Ketua Pesuruhjaya SPM memberikan kenyataan bahawa negeri yang mempunyai kemudahan pelabuhan kini dalam perhatian SPM bagi mengesan ketirisan hasil cukai kepada kerajaan.



# BERITA HARIAN

## 14.06.2024

### (JUMAAT)

# Penjawat awam terbabit salah laku perlu dibuang

EAIC akui ada pihak atasan bersekongkol, jadi 'kepala' kepada perbuatan cemar imej perkhidmatan

Oleh: Hisham Hafiz Abdul Aziz  
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penjawat awam yang terbabit dengan salah laku serta melanggar prinsip integriti perlu dibuang dari sistem perkhidmatan, termasuk ketua jabatan dan agensi penguasa yang dikenal pasti melindungi perbuatan itu.

Pengerusi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguasaan (EAIC), Tan Sri Dr Ismail Bakar, mengakui ada pihak atasan yang bersekongkol dalam aktiviti salah laku anak buah dan menjadi 'kepala' kepada perbuatan yang mencemarkan imej perkhidmatan awam.

"Tindakan tidak popular ini perlu berani diambil walaupun tidak disukai. Tindakan sebegini boleh menyelamatkan imej perkhidmatan awam," katanya dalam ucapan pada Mesyuarat Koordinasi EAIC bersama dengan Ketua Jabatan Agensi Penguasaan Seliaan Bilangan 1 Tahun 2024, di sini, semalam.

Ismail berkata, hari ini juga terdapat kecenderungan agensi penguasa negara tidak mengambil tindakan tegas terhadap pegawai dan anggota yang mempunyai masalah integriti, sebaliknya mereka ini terus 'disimpan' sehingga mendatangkan lebih banyak kerosakan lain.

"Saya percaya perbuatan pe-



Ismail (kanan) mempengerusikan Mesyuarat Koordinasi EAIC bersama Ketua Jabatan Agensi Penguasaan Seliaan Bilangan 1 Tahun 2024, di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto BERNAMA)

nguasa dan penjawat awam yang tidak berintegriti ini pada akhirnya akan diketahui oleh agensi masing-masing.

"Namun, terdapat kecenderungan agensi untuk 'menyimpan' pegawai yang bermasalah ini, ia harus dihentikan.

"Mans-mans ketua jabatan tidak mengambil tindakan terhadap pegawai itu boleh dianggap melakukan satu kesalahan dan ini tidak akan membawa kepada penambahan terhadap usaha pengukuhkan integriti," katanya.

Katanya, amalan menukar agensi pegawai bermasalah ke tempat lain juga tidak akan menghentikan masalah integriti, sebaliknya memburukkan lagi kedaan.

"Ia umpsama roda yang tidak henti berputar. Pegawai yang ditukarkan akan melakukan perkara yang sama di tempat baharu dan lebih teruk lagi, akan mempengaruhi pegawai dan kakitangan di tempat baharu untuk melakukan perbuatan salah laku dan tidak berintegriti," katanya.

Katanya, berlaku situasi yang lebih menyedihkan dalam agensi

penguasaan negara apabila terdapat pihak atasan yang menjadi 'kepala' dalam perbuatan salah laku.

**Bantahan** — **tidak bertujuan**

Ismail juga menzahirkan kebimbangan terhadap salah laku penjawat awam dan penguasa yang saling menggunakan pihak ketiga untuk berselindung.

"Sebagai contoh, bekerjasama dengan syarikat perniagaan dan individu berpengaruh untuk melindungi kegiatan salah mereka. Kewujudan kartel yang cuba memonopoli dan memanipulasi pasar terutama beras putih tempatan, telur ayam dan lain-lain bahan asas menyebabkan kerugian kepada negara," katanya.

Beliau berkata, EAIC juga melihat kebimbangan ada agensi penguasaan seakan-akan memperlekehkan pengesongan hukuman terhadap siasatan dan aduan yang diterima mereka.

"Secara amnya hukuman tatatertib yang dikenakan oleh Pihak Berkusa Tatatertib agensi penguasaan seliaan tidak boleh lebih rendah daripada apa yang disyorkan EAIC. Ini kerana pegawai siasatan EAIC sudah menjalankan siasatan lengkap dan mengambil kira setiap aspek dengan sewajarnya.

"Apabila Pihak Berkusa Tatatertib agensi penguasaan seliaan tidak menggunakan pakai pengesongan EAIC, ia secara tidak langsung memberi isyarat bahwa agensi penguasaan itu tidak serius dalam usaha menangani perbuatan salah laku dan pelanggaran berintegriti," katanya.

Izin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran tiada kenaikan pangkat bagi ketua jabatan jika wujud salah laku dan amalan rasuah penjawat awam di bawahnya sehingga tidak dilaporkan.

Kelman, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata semua pegawai termasuk ketua jabatan perlu melaksanakan pengawasan tatatertib terhadap kakitangannya serta mengambil tindakan bersesuaian dengan segera.



# BERITA HARIAN

## 14.06.2024

### (JUMAAT)

## Jabatan Imigresen paling banyak diadu isu salah laku, integriti

**Sepang:** Jabatan Imigresen menjadi jabatan penguat kuasa paling banyak yang diadu dalam isu salah laku dan integriti kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) pada tahun ini.

Pengerusi EAIC, Tan Sri Dr Ismail Bakar, berkata daripada 176 aduan yang diterima, aduan berkaitan imigresen sebanyak 38 kes, diikuti Jabatan Pengangkutan Jalan (21), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (18) dan Jabatan Perikanan (16).

Ini diikuti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (16), Jabatan Pendaftaran Negara (13) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna(13).

"Antara aduan utama yang dikenal pasti ialah mengenai aduan atau laporan yang tidak diambil tindakan sewajarnya sehingga menyebabkan kekecewaan kepada pengadu iaitu 59 aduan, tindakan tidak mengikut prosesur operasi standard (37), salah guna kuasa (24), tiada klasifikasi/tiada salah laku (23) dan rasuah (19).

"Sejumlah 90 aduan sudah diambil tindakan dengan beberapa syor yang bersesuaian, termasuk mempercepatkan pemberhentian kerja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Koordinasi EAIC Bersama Ketua Jabatan Agensi Penguatkuasaan Seliaan 2024 yang dihadiri 21 agensi seliaan di sini, semalam.

Ismail berkata, EAIC akan mengukuhkan tindakan tatatertib, termasuk melaksanakan syor pembuangan kerja serta-merta sebelum pendakwaan berlangsung di mahkamah sekiranya pegawai dan anggota penguat kuasa selianya melakukan kecurangan integriti serius, terutama rasuah.

Beliau berkata, peraturan tatatertib di bawah P.U. (A) 395 Perlembagaan Persekutuan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 akan dicadangkan untuk ditambah baik bagi tujuan berkenaan.

Ditanya sama ada penguatkuasaan gagal membendung ketirisian, Ismail berkata penambahan bilangan anggota penguat kuasa tidak memadai sekiranya tanpa bantuan peralatan canggih seperti alat pengesan di pelabuhan dan pintu masuk negara.

Beliau berkata, kerajaan sedang mempertimbangkan untuk menambah alat pengesan dan memperkuuh penggunaan alatan di pintu masuk untuk mencegah salah guna kuasa dalam kalangan anggota.



# BERITA HARIAN

## 14.06.2024

### (JUMAAT)

## Mekanisme pelaporan rasuah bakal diperincikan

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali, serta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi meneiti kae-dah dalam mekanisme pelaporan rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam perkhidmatan awam.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Baki, berkata mekanisme berkenaan perlu diperincikan kerana ia membabitkan pelbagai peringkat dalam perkhidmatan awam.

"Kita akan berbincang dengan JPA dan KSN untuk melihat kae-dah dalam mekanisme pelaporan itu kerana bawah undang-undang, khususnya Akta SPM, ia menjadi kewajipan (untuk melaporkan salah laku dan rasuah), ini boleh menyebabkan (penjawat awam) dibuang kerja sekiranya didapati bersalah.

"Itu undang-undang tetapi dalam perancangan sekarang, kita perlu berbincang dengan JPA dan KSN terlebih dahulu," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran buku *The Sin Of Corruption - A Religious Perspective*, di sini, semalam.

Pada Isnin lalu, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menyampaikan amanat pada perhimpunan bersama warga Jabatan Perdana Menteri, mahu supaya tiada kenaikan pangkat bagi ketua jabatan jika wujud salah laku serta amalan rasuah penjawat awam di bawahnya tetapi tidak dilaporkan.

Perdana Menteri dipetik berkata, tindakan itu perlu dilaksanakan kerana agak mustahil ketua jabatan atau ketua unit 'tidak tahu' atau menutup mata me-

ngenai wujudnya kecurangan dalam pentadbiran masing-masing.

Mengulas lanjut, Azam berkata, saranan disuarakan Anwar itu jelas menunjukkan kepentingan akauntabiliti pada semua ketua jabatan dan unit dalam perkhidmatan awam.

"Sekiranya perkara ini tidak diambil berat, ia menyebabkan keruntuhan dalam penjawat awam. Justeru, perlu ada mekanisme pelaporan pada pelbagai peringkat. Ia bukan saja membabitkan ketua jabatan, juga penyelia kerana penyelia ada di banyak peringkat," katanya.



# SINAR HARIAN

## 15.06.2024

### (SABTU)

**'Orang tengah' sogok wang lindungi premis haram ditahan**



SPRM menahan seorang lelaki (baju lokap) pada Khamis kerana disyaki berperanan sebagai orang tengah mengumpul wang rasuah untuk diberikan kepada penguat kuasa PBT.

**KUALA LUMPUR** - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang lelaki disyaki berperanan sebagai 'orang tengah' yang mengumpul wang rasuah untuk diberikan kepada penguat kuasa.

Penahanan lelaki berusia lingkungan 60-an itu dibuat SPRM Kuala Lumpur kira-kira jam 6.45 petang, pada Khamis dan wang berjumlah hampir RM400,000 turut disita.

"Tangkapan ini juga adalah susulan penahanan empat individu termasuk seorang timbalan pengarah pihak berkuasa tempatan (PBT) pada 7 Jun lalu," katanya pada Jumaat.

Tambah sumber itu, perintah reman suspek selama empat hari sehingga 17 Jun ini telah dikeluarkan Majistret Noorelynna Hanim Abd Halim di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur.

"Suspek dipercayai menjadi 'orang tengah' atau perantara yang mengumpul wang rasuah daripada beberapa premis perniagaan haram seperti rumah urut dan pusat hiburan."

"Wang rasuah yang dikumpul kemudian akan diagihkan kepada pegawai serta anggota penguat kuasa pihak PBT se lain kepada anggota sebuah lagi agensi penguat kuasa lain."

"Wang rasuah itu bagi membolehkan premis perniagaan haram seperti rumah urut dan hiburan beroperasi tanpa di kenakan tindakan penguatkuasaan," jelas sumber itu.

Pengarah SPRM Kuala Lumpur, Datuk Mohamad Fauzi Husin ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan kes disiasat di bawah Seksyen 16(b)(A) Akta SPRM 2009.



# BERITA HARIAN

## 15.06.2024 (SABTU)

### SPRM siasat lebih 100 syarikat penghantaran



Azam diiringi Timbalan Pengarang Kumpulan BH, M Thillinadan (dua dari kiri); Pengarang Eksekutif (Kandungan) Harian Metro, Muhamad Safar Ahmad (kiri) dan Pengarang Kumpulan NST, Farrah Naz Karim melawat Balai Berita sempena program bual bicara terbitan NST di Kuala Lumpur, semalam.

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Lebih 100 syarikat penghantaran kini sedang dalam radar Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk disiasat berikut dikesan terbabit dalam penyaluduan barang import dengan membuat pengisytiharan cukai palsu.

Syarikat berkenaan berperanan sebagai orang tengah bagi pembayaran habuan kepada pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri, berkata siasatan dibuat susulan penahanan 34 anggota kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menerusi Ops Samba 2.0 serta terbaharu, 11 lagi pegawai kastam terkait dengan kes kontena terbang dalam operasi khas di Pelabuhan Klang.

Ia sebahagian siasatan badan antirasuah itu berkaitan keti-

Firma jadi orang tengah bayar habuan kepada anggota kastam di KLIA, Pelabuhan Klang

risan duti kastam dianggarkan RM3.5 billion yang dikesan di Pelabuhan Klang sejak 10 tahun lalu serta RM2 billion menerusi KLIA sebelum ini.

"Banyak (syarikat), kita ada senarai lebih 100 syarikat. Siasatannya sangat kompleks sebab ia melibatkan penyiasatan kewangan," katanya ditemui selepas menjadi tetamu program bual bicara terbitan New Straits Times (NST) di Balai Berita, di sini, semalam.

Azam menjelaskan, siasat SPRM menjurus kepada ejen penghantaran yang dipercayai orang tengah bagi pembayaran habuan kepada pegawai kastam tanpa melalui pengisytiharan serta pemeriksaan di pintu masuk negara.

#### Siasat kewangan syarikat

"Kita sedang menyiasat kewangan syarikat. Ini tindakan pengesahan seterusnya dan ke arah pertuduhan pada masa akan datang.

"Pengesahan ke atas syarikat ini berbeza berbanding siasatan ke atas pegawai kerajaan," kata dia.

Sehubungan itu, Azam berkata, SPRM akan membawa masuk pegawai kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam pasukan siasatan kerana membabitkan siasatan kewangan.

"Apa yang kita mahu jejak ialah berapa banyak yang mereka bayar untuk aktiviti haram ini.

"Contohnya, mereka bayar

RM10 juta, apa yang kita mahu mereka bayar semula RM10 juta ini kepada kerajaan, sebab mereka sudah lari daripada membayar cukai," katanya.

Mengenai penahanan 11 pegawai kastam serta rampasan RM4.4 juta wang tunai, kenderaan mewah, geran tanah dan motosikal baru-baru ini, Azam berkata, siasatan seterusnya bagi menjelaki dari mana harta dan wang berkenaan diperoleh.

"Pegawai penyiasat akan siasat lebih lanjut. Pertama, di mana harta yang lain. Kedua, daripada mana wang diperoleh untuk membeli aset ini.

"Ketiga, wang ini siapa yang memberi dan sebagainya. Dalam membuktikan kes rasuah, penting untuk tahu wang itu berasal daripada mana.

"Bila wang sebegini banyak, wujud satu lagi penyiasatan iaitu mereka kena perjelaskan daripada mana punca wang ini dan daripada mana mereka boleh ada kemewahan seperti ini," katanya.

Selain 11 pegawai kastam terbabit, enam individu iaitu pengarah, pekerja syarikat, seorang orang tengah dan kekasihnya turut ditahan SPRM selepas dikaitkan dengan sindiket berkenaan.

Dalam pada itu, Azam tidak juga menolak kemungkinan untuk mengarahkan semua yang ditahan membuat pengisytiharan harta dalam tempoh tertentu selaras Seksyen 36 Akta SPRM 2009.



# BERITA HARIAN

## 15.06.2024 (SABTU)

### Pegawai tertinggi kes rasuah RM1 juta daftar nikah dikesan

Kuala Lumpur: Seorang pegawai tertinggi agensi kerajaan disyaki antara yang menerima suapan lebih RM1 juta dalam pengurusan pendaftaran pernikahan di Perlis sejak 2022.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata individu terbabit sudah dikesan pihaknya dan kini bertugas di negeri lain.

"Kita sedang menyiapkan siasatan dan beliau antara yang akan dicadangkan untuk pertimbangan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) bagi pertuduhan (mahkamah).

"Setakat ini tiga pegawai jabatan agama ditahan dan seorang lagi akan dipanggil bagi membantu siasatan," katanya ditemui pemberita di Balai Berita NSTP, di sini, semalam.

Pada 5 Jun lalu, tiga individu, termasuk pegawai kanan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Perlis (JAIPs) dan imam sebuah masjid di Kangar, ditahan SPRM bagi membantu siasatan penerimaan suapan RM1.183 juta dalam pengurusan pendaftaran pernikahan di Perlis sejak April 2022 sehingga Jun

tahun lalu.

Ketiga-tiga suspek berusia antara 25 hingga 52 tahun direman sebelum dibebaskan dengan jaminan, semalam.

Mengulas lanjut, Azam berkata, siasatan mendapati pegawai JAIPs terbabit mengenakan caj tambahan yang lebih tinggi daripada bayaran sebenar terhadap individu berpoligami yang mendaftarkan pernikahan di negeri itu.

"Apa saya tahu untuk membuka fail pendaftaran pernikahan adalah RM750 tapi siasatan kita dapat pasangan dikenakan caj RM2,500 sehingga RM6,000.

"Jadi sudah ada bayaran tambahan daripada yuran ditetapkan kerajaan Perlis, ini yang kita sedang siasat," katanya.

Katanya, setakat ini, terdapat lebih 1,000 fail pasangan yang mendaftar pernikahan di negeri itu dan beliau sudah mengarahkan pegawai SPRM Perlis memanggil semua mereka bagi membantu siasatan.

Beliau tidak menolak kemungkinan aktiviti berkenaan sudah berlaku sekitar lama berdasarkan jumlah fail yang diterima.



SPRM kesan lebih 1,000 fail pasangan yang mendaftar pernikahan di Perlis.

(Foto hiasan)



# BERITA HARIAN

## 16.06.2024 (AHAD)

# Kastam tidak lindungi anggota terbabit rasuah

Salah laku cemar nama baik negara, jejas imej kakitangan jujur laksana tugas

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memberi amaran tidak akan berkompromi atau melindungi pegawai dan anggotanya jika terdapat dakwaan berasas berlaku salah laku dan terbabit rasuah.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin, berkata beliau tidak boleh memaafkan jika kesalahan itu terus dilakukan kerana bukan saja mencemaskan reputasi dan imej negara, malah menjelaskan sebilangan besar pegawai dan anggota yang jujur dan beramahah dalam melaksanakan tugas.

Kenyataan teges itu dipercayai pertama secara terbuka dibuat Anis Rizana sejak beberapa tangkap dan pendakwaan membabitkan pegawai dan anggota kastam dalam kes di pintu masuk negara.

Menurut Anis Rizana, pegawai dan anggota kastam yang berkhidmat di lapangan terbang dan pintu masuk negara, khususnya dalam memerangi aktiviti penyeludupan perlu sentiasa mendukung dan memantapkan nilai integriti.

"Saya menyeru seluruh warga kerja di KLIA (Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur) yang terlibat dengan pemberantasan penyeludupan ini agar menjauhi segala amalan yang tidak baik dan rasuah yang boleh menjelaskan imej diri serta memudaratkan negara."

"Salah laku yang boleh memperjudikan nama baik negara ji-



Anis Rizana menyaksikan Pengurus Besar Kanan Malaysia Airports Sepang, Mohd Arif Joafer meraikan sijil bagi dua orang pengesoh kepada Timbalan Ketua Pengarah (Konservasi) PERHILITAN Serembananjung Malaysia, Datuk Fakhruddin Masa (kiri) pada Majlis Kerjasama Agensi Pengurusan Kerajaan Bagi Membanteras Aktiviti Penyeludupan di KLIA, malam kelmarin.

(foto BERNAMA)

ka penguat kuasa terjebak dengan rasuah, membocorkan rahsia rasmi kerajaan, menggunakan kedudukan dan jawatan untuk kepentingan diri serta pelbagai lagi bentuk kesalahan," katanya berucap pada Majlis Kerjasama Antara Agensi Pengurusan Kerajaan bagi Membanteras Aktiviti Penyeludupan di KLIA, di sini, malam kelmarin.

Kebelakangan ini, nama jabatan itu mendapat perhatian susulan penangkapan anggota dan pegawai kastam yang disyaki terjebak rasuah, termasuk kes penyuhan cukai palsu dan aktiviti penyeludupan.

Terbaru, lebih 100 syarikat penghantaran kini dalam radar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas dikesan menyeludup barang import dengan membuat penyuhan cukai palsu dan menjadi orang tengah bagi mem-

bayar habuan kepada pegawai kastam di pintu masuk negara.

Siasatan SPRM dilakukan berikut dengan ketirisian dianggaran RM3.5 bilion di Pelabuhan Klang sejak 10 tahun lalu serta satu lagi kes ketirisian hasil cukai RM2 bilion di KLIA sebelum ini.

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri, berkata siasatan dibuat susulan penahanan 34 anggota JKDM di KLIA serta terbaharu, 11 lagi pegawai JKDM terkait kes kontena terbang di Pelabuhan Klang merupakan Ops Transit.

Mac lalu menerusi Ops Samba 2.0, seramai 34 anggota dan pegawai penguat kuasa berusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta daripada sindiket bagi memudahkan penyeludupan tembakau kunyah, rokok, arak, produk kesihatan dan alat ganti kendaraan.

Dari padan 176 aduan diterima tahun ini, aduan berkaitan imigresen sebanyak 38 kes diikuti JPJ (21), JKDM (18), Jabatan Perikanan (16), Agensi Pengurusan Maritim (16) dan Jabatan Pendaftaran Negara (13).

### Semarak integriti

Dalam ucapannya, Anis Rizana berkata, menerusi slogan 'Cekap, Tangkas dan Integriti' yang beliau perkenalkan, ia bertujuan menyemarakkan lagi semangat integriti dalam kalangan warga JKDM.

Justeru, beliau berkata, bagi meningkatkan lagi tahap kecekapan pemeriksaan barang dagangan bagi membanteras kegiatan penyeludupan, pihaknya mengambil langkah progresif untuk menggantikan mesin pengimbas lama sedia ada.

JKDM katanya, sudah membeti tujuh pengimbas baharu berteknologi kecerdasan buatan (AI) yang ditempatkan di pintu masuk negara.

Lima mesin pengimbas itu diletakkan di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), manakala dua lagi di Terminal 2 KLIA.

"Penempatan mesin pengimbas berteknologi terkini sejak awal tahun ini adalah sebahagian inisiatif JKDM meningkatkan tahap imbasan barang dagangan yang dibawa penumpang bagi menangani isu penyeludupan barang terlarang, termasuk narkotik," katanya.

Kelmarin, Pengurus Suruhanjaya Integriti Agensi Pengurusan (EAIC), Tan Sri Dr Ismail Bakar, turut menegaskan penjawat awam yang terhabit isu salah laku dan rasuah perlu dibuang daripada sistem perkhidmatan, termasuk ketua jabatan dan agensi penguat kuasa yang melindungi perbuatan itu.

Beliau turut menyentaraikan Jabatan Imigresen, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan JKDM antara paling banyak diadukan dalam isu salah laku dan integriti kepada EAIC.

Dari padan 176 aduan diterima tahun ini, aduan berkaitan imigresen sebanyak 38 kes diikuti JPJ (21), JKDM (18), Jabatan Perikanan (16), Agensi Pengurusan Maritim (16) dan Jabatan Pendaftaran Negara (13).



# BERITA HARIAN

## 16.06.2024 (AHAD)

### ‘Turunkan pangkat, tahan gaji kakitangan seleweng’

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen komited mencegah salah laku dan salah guna kuasa dengan sebarang perbuatan yang mencalar integriti dilakukan kakitangannya akan dikenakan tindakan sewajarnya.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ruslin Jusoh, berkata antara bentuk tindakan termasuk amaran, pemecatan, penurunan pangkat atau penahanan kenaikan gaji.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang memaklumkan menerima 176 aduan mengenai pelbagai jabatan penguat kuasa dengan paling banyak membabitkan Jabatan Imigresen.

Pengerusi EAIC, Tan Sri Dr Ismail Bakar, berkata antara aduan utama dikenal pasti adalah mengenai laporan tidak diambil tindakan sewajarnya iaitu 59 aduan, selain tindakan tidak mengikut prosedur operasi standard atau SOP (37), salah guna kuasa (24), tiada klasifikasi/tiada salah laku (23) dan rasuah (19).

Ruslin dalam pada itu memberi jaminan akan memberikan kerjasama penuh kepada EAIC dalam menangani 38 aduan kes yang membabitkan jabatan itu.

“Kami menunggu maklumat lengkap berkaitan aduan EAIC ini untuk menjalankan siasatan menyeluruh,” katanya.

Beliau memaklumkan pihaknya sudah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk usaha memperkemas aspek perkhidmatan termasuk menggabungkan aplikasi berdasarkan kecerdasan buatan (AI), selain aspek mengurangkan campur tangan manusia dalam operasi hariannya.



# BERITA HARIAN

## 17.06.2024 (ISNIN)

Tekad Azam Bakal dalam setahun

# ‘SPRM tidak bebas bawah Parlimen, gaji tinggi tak selesai isu rasuah’

- Meletakkan SPRM di bawah Parlimen tidak jamin kebebasan jika setiap siasatan perlukan kelulusan Dewan Rakyat
- Menaikkan gaji penjawat awam bukan penyelesaian kepada isu rasuah
- Integriti tinggi penjawat awam ketika bertugas adalah benteng utama rasuah, berbanding penggunaan pengimbas berteknologi canggih
- SPRM selamatkan lebih RM25 bilion wang kerajaan dalam perang terhadap rasuah, ketirisan sejak lima tahun lalu

→ Nasional 4, 5





# BERITA HARIAN

## 17.06.2024 (ISNIN)

# Pegawai JKDM perlu perbetulkan sikap, utamakan nilai integriti

Hasil siasatan SPRM dapati isu salah laku, rasuah disebabkan faktor manusia

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Penggunaan mesin pengimbas canggih berteknologi tinggi di pintu masuk negara tidak mencukupi untuk mengelak ketirisan atau menghalang salah laku, selagi petugas yang mengawalnya tidak menjunjung nilai integriti tinggi sepanjang menjalankan tugas.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, berkata siasatan SPRM mendedahkan sikap petugas seperti kakitangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) perlu diperbetulkan untuk memastikan mereka sentiasa mengutamakan integriti.

Beliau berkata, hanya dengan integriti, kakitangan bertugas boleh berfikir lalu bertindak waras, sama ada mahu atau menolak terjebak dengan salah laku dan rasuah yang secara terang-terang mencemarkan reputasi serta imej negara.

"Pandangan saya ini berdasarkan siasatan yang kita jalankan. Isu yang berlaku (kes penang-

kapan pegawai dan anggota JKDM) bukan masalah (mesin) pengimbas rosak, ada (mesin) pengimbas atau tidak.

"Kita dapati yang isu (salah laku dan rasuah) disebabkan faktor manusia (pegawai dan anggota JKDM itu sendiri).

"Kalau ada sistem yang dilengkapi dengan peralatan mencukupi sekali pun, misalnya kata kalau seorang manusia itu melanggar prosedur operasi standard (SOP) kalau ada pengimbas tetapi ditutup mesin itu,

"Ada ketika, tiba masa (pegawai dan anggota penguat kuasa) dia buka (laluan) untuk orang lalu (keluar masuk ketika mesin pengimbas dalam keadaan tidak berfungsi). Jadi ini adalah masalah manusia atau sistem bermasalah," katanya.

Azam berkata demikian ketika diajukan soalan mengenai adakah kecurangan segerintir pegawai dan anggota JKDM sehingga terjebak salah laku dan rasuah khususnya di KLIA, berpunca ketiadaan atau kerosakan mesin pengimbas kargo.

Beliau bagaimanapun tidak mengiya atau menafikan pembabitan pegawai dan anggota JKDM dalam salah laku dan rasuah di KLIA antaranya berpunca ketiadaan mesin pengimbas kargo di fasiliti berkenaan.

*BH* semalam, melaporkan JKDM membeli tujuh mesin pengimbas baharu yang dilengkapi teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk ditempatkan di pintu masuk negara, sebagai usaha me-



Penggunaan mesin pengimbas diyakini mampu memperkasa tahap keselamatan kawalan pintu masuk sempadan negara.  
(Foto hasan)

tingkatkan tahap pemeriksaan barang dagangan bertujuan membanterais kegiatan penyeludupan.

**Perkasa kawalan di sempadan**  
Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin, yang memaklumkan perkara itu, berkata lima daripada tujuh mesin pengimbas itu diletakkan di Terminal 1 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan dua lagi di Terminal 2 KLIA.

Dengan penempatan mesin pengimbas berteknologi tinggi itu, langkah itu dipercayai dapat memperkasakan lagi tahap keselamatan kawalan pintu masuk

sempadan khususnya di lapangan terbang antarabangsa utama.

Sejak kebelakangan ini, nama JKDM mendapat perhatian susulan penangkapan pegawai dan anggota kastam yang terjebak dengan rasuah.

Selain itu terdapat juga kakitangan JKDM disyaki terbabit kes pengisytiharan cukai palsu dan berkompromi dengan aktiviti penyeludupan.

SPRM dilaporkan sedang menyiasat lebih 100 syarikat forwarding yang dikesan terbabit dalam menyeludup barang impor dengan membuat pengisytiharan cukai palsu di pintu ma-

suk negara.

Siasatan dilakukan berkait kes rasuah membabitkan ketirisan dianggarkan berjumlah RM3.5 billion di Pelabuhan Klang sejak 10 tahun lepas serta satu lagi kes ketirisan hasil cukai sebanyak RM2 billion di KLIA, sebelum ini.

Siasatan dibuat susulan penahanan 34 anggota JKDM di KLIA serta terbaharu, 11 lagi pegawai JKDM terkait kes kontena terbang di Pelabuhan Klang.

Pada Mac lalu menerusi Op Samba 2.0, seramai 34 anggota dan pegawai penguat kuasa berrusia 30 hingga 50 ditahan dipercayai menerima wang rasuah lebih RM4.7 juta.



# BERITA HARIAN

## 17.06.2024 (ISNIN)

# SPRM bantu selamatkan RM25b wang kerajaan

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membantu menyelamatkan lebih RM25 billion wang kerajaan melalui usaha memerangi rasuah dan ketirisan sepanjang tempoh lima tahun lalu.

Ketua Pesuruhjayanya, Tan Sri Azam Bakri, berkata jumlah diselamatkan itu hasil daripada beberapa projek membabitkan nilai RM87 bilion, dengan tumpuan di berikan kepada usaha mendapatkan balik aset dicuri, selain menyiasat mereka yang terbabit dalam mencuri aset dan menghadapkan mereka ke muka pengadilan.

Beliau berkata, suruhanjaya itu juga berjaya mendapatkan kembali kira-kira 70 peratus daripada aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dicuri membabitkan nilai kira-kira

RM29 billion.

Kadar 70 peratus itu, katanya, jauh lebih tinggi berbanding 30 peratus purata global pemulangan semula.

Azam berkata, bagi meluaskan jangkauan dan keberkesanan, SPMR bekerjasama dalam pasukan petugas bersama dengan pihak berkuasa berkaitan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN); Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Bank Negara Malaysia (BNM), melalui perkongsian maklumat dan kepakanan.

"Ingin saya tegaskan bahawa kita bukan pemungut hasil, tetapi agensi penguat kuasa yang melihat ke arah kemajuan negara dan memantau isu rasuah serta salah guna kuasa.

"Sebagai contoh, dalam kes penyaludupan, kita akan dakwa se-

mua orang yang terlibat, tetapi kita juga akan bawa pulang aset yang dicuri.

"Saya nak bawa balik duit untuk kamu semua (rakyat), bukan untuk saya. Satu sen pun saya tak dapat," tambahnya.

Pada 6 Jun lalu, Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat (AS) memaklumkan sudah memulangkan tambahan AS\$156 juta (RM721.4 juta) dana berkaitan 1MDB yang diselewengkan kepada Malaysia.

Kenyataan distarkan di laman web DoJ itu berkata, ia menjadikan jumlah berjaya dikembalikan pulang ke Malaysia kira-kira AS\$1.4 bilion (RM6.6 bilion).

Ini peringkat keempat aset daripada DoJ dipindahkan kembali ke Malaysia daripada AS\$4.5 billion yang diseleweng dari pada dana 1MDB.

Sementara itu, Azam berkata peningkatan kedudukan CPI ne-

Dalam pada itu, Azam mengaku beliau secara peribadi tidak bersetuju dengan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) walaupun skor Malaysia meningkat daripada 61 pada 2022 kepada 57 tahun lalu.

"CPI berdasarkan persepsi. Jika anda tidak menyukai seseorang, maka anda akan melihatnya secara negatif.

"Sebagai contoh, dalam *Financial Secrecy Index* (FSI) negara jiran kita iaitu Singapura antara 10 teratas terbabit pengubahan wang haram. Kita (Malaysia) sebenarnya antara paling rendah," katanya mencadangkan CPI harus melihat juga markah lain kerana pengubahan wang haram dikaitkan dengan aktiviti rasuah.

"Pasukan petugas akan mewujudkan perbaikan berkaitan jurang yang dikenal pasti dalam perkhidmatan dan strategi untuk menonjolkan pencapaian sebenar negara dalam tadbir urus yang baik," katanya.

gara membuktikan kerajaan di terajui Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim amat komited dalam memerangi rasuah.

"Ini semua atas kehendak politik. Komitmen ini juga dicerminkan melalui penguatkuasaan berkesan yang kita lakukan sehingga kini," katanya.

Dalam meningkatkan indeks Malaysia, Azam berkata Kabinet bersetuju dengan cadangan SPRM untuk membentuk pasukan petugas khas mengenai CPI bagi mencadangkan strategi meningkatkan kedudukan negara.

"Pasukan petugas akan mewujudkan perbaikan berkaitan jurang yang dikenal pasti dalam perkhidmatan dan strategi untuk menonjolkan pencapaian sebenar negara dalam tadbir urus yang baik," katanya.



# BERITA HARIAN

## 17.06.2024

### (ISNIN)

# 3 bidang utama perkasa usaha banteras rasuah

SPRM turut tumpu kes berprofil tinggi, tarik perhatian umum

Oleh Hana Naz Harun  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Azam Bakri yang dilantik semula menerajui Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menegaskan tiga bidang utama menjadi tumpuan sebagai sebahagian ikrar memperkasa usaha membanteras salah laku berkaitan rasuah.

Beliau berkata, ia membabitkan penambahbaikan mekanisme penguatkuasaan, memastikan ketelusan dan akauntabiliti pemerolehan serta pembanterasan kes rasuah berskala besar.

Tiga bidang utama itu, katanya cukup penting memandangkan ia berkait rapat dengan keselamatan negara dan ekonomi.

Azam berkata, SPRM yang disokong pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan turut memberi tumpuan kepada kes berprofil tinggi dan menarik perhatian umum.

"Tindakan ini berterusan hingga 2025, terutama wujud keperluan untuk membantu negara menghasilkan pendapatan dan memperbaiki keadaan ekonomi.

"Selain kesannya kepada ekonomi, rasuah turut memberi impak kepada masyarakat. Kes rasuah dalam kalangan pihak berkuasa misalnya, ia akan mengakibatkan pelbagai implikasi termasuk penyeludupan dan aktiviti haram lain.



(Foto Aswadi Alias/BH)

"Kakitangan SPRM bekerja sepanjang masa, selain menjalin kerjasama dengan pasukan penguatkuasaan sektor lain bagi setiap operasi yang disasarkan," katanya ketika menjadi tetamu podcast *Beyond The Headlines* kelolaan *New Straits Times* (NST).

Azam dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM itu pada 2020 menggantikan penyandangnya, Latheefa Koya. Kontrak beliau yang dijadualkan tamat 12 Mei lalu, disambung setahun lagi dengan pengumumannya dibuat dua hari sebelum tempoh tamat.

**Tak setuju bawah Parlimen**  
Ditanya mengenai saranan supaya SPRM diletak di bawah bidang kuasa Parlimen bagi menjamin kebebasannya, Azam bagaimana pun tidak bersetuju.

Tegas beliau, SPRM satu-satunya agensi dipantau lima badan bebas berbanding Suruhanjaya Bebas Menentang Rasuah (ICAC) Hong Kong yang hanya dipantau empat badan pengawasan.

"Apa masalah dengan sistem sedia ada, terutama selepas kerajaan tubuhkan SPRM dengan struktur baharu, jawatankuasa bebas dan

lain-lain pada 2009. Tugas Ketua Pesuruhjaya (SPRM) tidak pernah sepi kerana perlu berdepan semua pengurus panel berkenaan.

"Jika diletakkan di bawah institusi berkenaan (Parlimen), SPRM sebaliknya perlu dapatkan kelulusan Parlimen sebelum memulakan apa-apa siasatan.

"Justeru, bagaimana SPRM akan dilihat sebagai badan bebas jika perlu mendapatkan kelulusan Parlimen sebelum memulakan siasatan, terutama jika ia membabitkan ahli politik atau Ahli Parlimen," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengulangi syor supaya jaminan ke atas tempoh perkhidmatan Ketua Pesuruhjaya SPRM dengan sebarang tindakan pemecatan perlu dibentangkan kepada tribunal yang dikemukakan pada 2019.

Beliau berkata, syor berkenaan bagi memastikan individu dilantik ke jawatan itu tidak akan digantikan dengan mudah, semata-mata kerana perubahan tam-puk pentadbiran negara.

Sehubungan itu, katanya, ia akan dibentangkan semula kepada Perdana Menteri pada mesyuarat bersama Jawatankuasa

Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) akan datang.

"Pelantikan kekal bergantung perkenan Yang di-Pertuan Agong sama seperti Ketua Hakim, tetapi pemecatan juga perlu diuruskan tribunal, seperti diamalkan bagi jawatan Ketua Hakim."

"Ini antara kaedah memastikan kerajaan sentiasa telus, selain menjadikan SPRM lebih bebas tanpa pengaruh mana-mana pihak," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, polis dan SPRM bebas siasat mana-mana kes atau individu tanpa mengira latar belakang politik mengikut Akta SPRM 2009 dan Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).

"Undang undang sudah ada. Ubah ketua pesuruhjaya jika tidak gemar orangnya, bukan sistemnya. Jika ketua pesuruhjaya tidak cukup efisien, pergi ke tribunal. Saya sangat terbuka."

"Saya tak akan tunggu (keputusan dimuktamadkan) tribunal, jika rasa diri sendiri sudah tidak efisien. Ketika itu, saya sendiri akan menghantar surat peletakan jawatan bagi memberi laluan kepada pengganti yang lebih baik," katanya.



# BERITA HARIAN

## 17.06.2024

### (ISNIN)

## ‘Ubah persepsi bukan mudah’

**Kuala Lumpur:** Tan Sri Azam Bakri berkata, mengubah persepsi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) digunakan sebagai senjata politik bukan mudah.

Ketua Pesuruhjaya SPM itu berkata, masyarakat awam seharusnya faham tugas SPM untuk menyiasat aduan atau tuntutan rasuah diterima, tidak kira daripada individu atau organisasi, dengan SPM tidak boleh wujudkan apa-apa kes begitu sahaja.

“Persepsi ini sukar diubah... ia memerlukan masyarakat terpelajar dan matang untuk fahami proses perundangan itu.

“Saya pernah beritahu kita ada pengasingan kuasa di negara ini iaitu eksekutif (pentadbiran), perundangan (Parlimen) dan kehakiman.

“Saya juga beritahu kita hanya siasat apabila ada aduan, namun adakah anda fikir rakyat percaya,” katanya mengulas dakwaan pembangkang bahawa SPM digunakan sebagai alat politik.

Azam berkata, rekod menunjukkan siasatan SPM membabitkan kedua-dua belah parti politik dengan memberi contoh seperti projek terowong dasar laut Pulau Pinang, program Jana Wibawa serta skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

“Tiga (kes) ini saya rasa sudah memadai untuk tunjukkan tekanan yang saya hadapi sejak 2015,” katanya berseloroh.

“Sejak 2009 kami sudah dipantau lima badan pengawasan dan kami ada struktur baharu untuk dilihat sebagai badan bebas.

“SPRM selesaikan siasatan dan kes kemudian dirujuk Jabatan PEGUAM NEGARA (AGC) untuk tinjakan lanjut... tanpa fakta, saksi serta bukti tepat untuk sokong dakwaan rasuah, kita tak akan dapat kebenaran AGC untuk mendakwa,” katanya.



# BERITA HARIAN

## 17.06.2024

### (ISNIN)

## Naikkan gaji bukan jaminan bendung penularan

**Kuala Lumpur:** Menaikkan gaji penjawat awam tidak semestinya berkesan membendung penularan rasuah dalam struktur kerajaan, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Bakri.

Berdasarkan pengalaman hampir 41 tahun berkhidmat dalam Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan kini dikenali SPRM, beliau melihat kadar gaji rendah atau kemiskinan bukan alasan utama wujudnya rasuah dalam sistem.

"Ia (rasuah) disebabkan sifat tamak dan peluang (yang terhi-

dang). Misalnya, orang politik (terbabit rasuah) adakah mereka ini miskin? (Bagaimana pula) menteri Kabinet, ketua setiausaha kementerian, timbalan ketua setiausaha?

"Jika saya bercakap mengenai (rasuah) dalam sektor swasta, apa boleh saya katakan (kebanyakannya terjebak) pegawai bank... adakah mereka ini miskin.

"Jadi, jangan asyik fikir naik gaji semata-mata (dengan) memikirkan ia mengurangkan rasuah. Walhal banyak lagi faktor perlu dilihat... contohnya mengenai sifat tamak, peluang, sistem, prosedur

dan isu tadbir urus," katanya

Berkongsi kes pernah dikenalikan BPR yang ditubuhkan pada 1967, Azam berkata, kebanyakannya siasatan kes rasuah ketika itu tertumpu agensi penguasaan dan orang politik.

Azam menegaskan, kerajaan mestilah terus memperhalusi proses serta mengamalkan tadbir urus terbaik seperti di praktik negara seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK).

Untuk menangani rasuah secara bersepada, Azam berkata, pihaknya menggarap mekanisme lain sedia ada dalam pelbagai

agenzia penguasaan seperti Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketika lawatan ke Jabatan Polis New York (NYPD) pada 2011, katanya, agensi itu menggunakan kaedah 'menyamar' untuk mengesan polis rasuah.

Oleh itu, beliau sarankan JIPS mempertimbang model sama, malah beliau turut cadangkan kepada Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainuddin supaya menggunakan kepakaran SPRM dalam perkara ini.

"Kami ada banyak projek pe-

nyamaran yang boleh kami kongsikan dan menunjukkan bagaimana boleh menggunakan mekanisme serta pendekatan ini, dalam mengesan pegawai penguasa undang-undang korup.

"Ada banyak cara, tetapi saya harus katakan bahawa ramai ketua jabatan tidak begitu proaktif dan sangat konvensional dalam pendekatan mereka.

"Mereka mestilah memantau kekayaan pegawai di bawah mereka. Jangan hanya letakkan kesalahan kepada mereka tanpa meletakkan kesalahan kembali kepada anda," tegasnya.



# BERITA HARIAN

## 18.06.2024 (SELASA)

### Penjawat awam lapor kes rasuah diberi hadiah

**Kuala Lumpur:** Penjawat awam yang melaporkan kes rasuah sehingga membawa kepada sabitan boleh diberi ganjaran wang, kata Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Tan Sri Azam Bakri.

Beliau berkata, pemberi maklumat kepada kerajaan akan diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan kerana mereka membantu dalam membanteras kegiatan rasuah.

"Ja ringgit untuk ringgit, jika anda ditawarkan RM100, kerajaan akan beri anda RM100. Jika anda ditawarkan RM1 juta, kerajaan akan kembalikan RM1 juta kepada anda," katanya ketika menjadi tetamu program audio siar *Beyond the Headlines* kendalian New Straits Times (NST).

Tambahnya, melalui dasar se-  
dia ada, seramai 514 penjawat awam sudah diberi ganjaran ber-  
jumlah lebih RM1 juta antara  
2012 hingga 2023 kerana mend-  
dah serta melaporkan kes rasuah  
yang membawa kepada sabitan.

Di bawah Strategi Pencegahan Rasuah Kebangsaan 2024-2028 yang baru diumumkan Mei lalu, Azam menjelaskan, skim sama boleh diperluaskan kepada ma-  
syarakat umum, namun ia masih dalam peringkat cadangan.



Penjawat awam digalakkan membantu kerajaan dalam menangani ketirisan dan rasuah.

(Foto hiasan)

"Perkara itu masih dalam ca-  
dangan, prosedur khusus dan op-  
timum bersama agensi peneraju  
masih belum diputuskan. Itu di-  
bawah Bahagian Hal Ehwal Un-  
dang-Undang (BHEUU) Jabatan  
Perdana Menteri (JPM).

"Pertama sekali, Akta Perlin-  
dungan Pemberi Maklumat 2010  
perlu diperbaharui dan kami ber-  
setuju, BHEUU kini sedang da-  
lam proses meminda undang-un-  
dang," katanya.

Katanya, SPM satu-satunya  
agensi penguat kuasa yang meng-  
gunakan sepenuhnya undang-un-  
dang itu dan sejak tujuh tahun  
lalu, sudah mempromosikannya  
kepada orang ramai bahawa me-  
reka harus menjadi pemberi  
maklumat.

"Ada tiga kategori yang tampil  
ke SPM, iaitu pengadu, pemberi  
maklumat dan *informan*. Penga-  
du sebagai contoh, perlu ke mah-  
kamah, namun saya boleh ka-

takan kurang daripada lima pe-  
ratus mereka yang tampil ingin  
membuat aduan bersedia untuk  
beri keterangan di mahkamah.

"Bagi pemberi maklumat dan  
*informan*, identiti mereka dilin-  
dungi dengan baik. Sekarang,  
BHEUU ingin memberi ganjaran  
kepada mereka dan saya fikir ia  
idea yang baik, boleh mengga-  
lakkan lebih ramai tampil mem-  
buat aduan, terutama kepada  
SPRM," katanya.



# BERITA HARIAN 18.06.2024 (SELASA)

# Pendekkan tempoh bertugas bagi jawatan kritikal kastam

Cadangan MCW tutup ruang undang salah laku jejas integriti kakitangan JKDM

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
[yusri.muzamir@bh.com.my](mailto:yusri.muzamir@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Tempoh penugasan dan penempatan bagi perjawatan kritikal Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) wajar dipendekkan selepas terpalit pelbagai krisis membabitkan tahap integriti kakitangannya.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, berkata ia bagi mengurangkan pengaruh dan hubungan yang mungkin terbentuk, selain wajar dilaksanakan susulan tahap integriti kakitangan JKDM dikatakan pada tahap kritis.

Beliau berkata, isu integriti kakitangan JKDM turut didorong pendedahan sindiket kontena larik cukai (kontena terbang) serta pelbagai kes terkini yang masih dalam siasatan pihak berkuasa.

Katanya, tindakan tegas yang konsisten dan adil terhadap pelaku kesalahan mampu memperbaiki imej dengan menunjukkan komitmen untuk menegakkan integriti dan memulihkan kepercayaan awam terhadap JKDM.

"MCW berpendapat, terdapat hubungan erat di antara rasuah



dan penguat kuasa ekoran kuasa dan tanggungjawab besar dimiliki mereka.

"Kes rasuah membabitkan penguat kuasa menunjukkan kelemahan dalam sistem pengawasan negara dan perlunya reformasi integriti dilaksanakan segera.

"JKDM juga wajar memperketatkan prosedur pengawasan dan audit dalaman, meningkatkan penggunaan teknologi untuk memantau aktiviti harian, menyediakan latihan berterusan mengenai etika dan integriti.

"Selain itu, jabatan berkenaan wajar mengenakan hukuman tegas terhadap kakitangannya yang disabitkan bersalah," katanya kepada BH.

Beliau mengulas penegasan JKDM yang tidak akan berkompromi dan melindungi mana-mana pihak jika terdapat dakwaan berasas yang terbukti benar berlaku salah laku membabitkan pegawai dan anggotanya.

Minggu lalu, tujuh individu termasuk pegawai JKDM terbabit dalam kes kontena terbang yang bergiat aktif di Pelabuhan Klang, Selangor ditahan dalam Op Transit.

Semua yang ditahan disyaki

bersekongkol dengan sindiket penyaluduan barang import di Pelabuhan Klang, mengakibatkan ketirisan cukai, dianggarkan bernilai RM3.5 bilion.

Hasil operasi dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan JKDM itu menahan 19 kontena yang mengandungi pelbagai barang import.

Susulan itu, SPM menghubungi Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) Singapura dalam usaha menjelak seorang warga negara berkenaan yang disyaki adalah utama kes terbabit.

Jumaat lalu, Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri, berkata SPM sedang menyiasat lebih 100 syarikat penghantar yang dikesan terbabit dalam menyaludup barang import.

Syarikat terbabit disyaki membuat pengisytiharan cukai palsu susulan tangkapan kes rasuah di Pelabuhan Klang serta satu lagi kes ketirisan hasil cukai sebanyak RM2 bilion di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sebelum ini.

## Mesej jelas atas rasuah

Sementara itu, Jais berkata, komitmen Jabatan Imigresen Malaysia mengenakan tindakan pecat, turun pangkat atau tahan gaji jika kakitangan terbabit salah laku integriti adalah mesej jelas agensi itu bagi mengatasai isu terbabit.

"Tindakan sedemikian mahupun pendakwaan di mahkamah mempunyai kelebihan masing-masing.

"Tindakan dalaman seperti pemecatan atau penurunan pang-

JKDM juga wajar memperketatkan prosedur pengawasan dan audit dalaman, meningkatkan penggunaan teknologi untuk memantau aktiviti harian, menyediakan latihan berterusan mengenai etika dan integriti



Jais Abdul Karim,  
Presiden MCW

kat boleh diambil dengan lebih cepat dan memberikan kesan segera.

"Bagaimanapun, pendakwaan di mahkamah penting untuk memberi kesan jangka panjang dan memastikan pelaku mendapat hukuman setimpal dengan kesalahan mereka.

"Gabungan kedua-dua pendekatan tindakan punitif itu adalah yang terbaik untuk menangani isu integriti secara menyeluruh," katanya.



# BERITA HARIAN

## 18.06.2024 (SELASA)

# ‘Sikap tamak pendorong amalan rasuah’

**Kuala Lumpur:** Kesatuan Perkhidmatan Imigresen Semenanjung Malaysia (KPISM) mengakui kenaikan gaji bukan jaminan untuk membendung gejala rasuah.

Presidennya, Ajeet Singh Gurbax Singh, berkata ini dibuktikan apabila kegiatan rasuah turut dilakukan penjawat awam ber pangkat tinggi dan bergaji besar.

Katanya, faktor utama berlaku gejala rasuah didorong keinginan untuk memuaskan nafsu yang tinggi dan sikap tamak haloba.



Ajeet Singh

“Oleh itu, pendidikan moral dan agama perlu dipertingkat dan diberi perhatian segera. Pendidikan ini perlu di perkenalkan pada peringkat sekolah rendah dan diingatkan secara berterusan di semua peringkat (pendidikan).

“KPISM tidak akan berkompromi berkaitan isu salah

guna kuasa kuasa atau rasuah dalam kalangan pegawai Imigresen,” katanya kepada *BH*.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Tan Sri Azam Bakri

memaklumkan bahawa dengan menaikkan gaji penjawat awam tidak semestinya berkesan dalam membendung penularan rasuah dalam struktur kerajaan.

#### Kemiskinan bukan alasan

Katanya, berdasarkan pengalaman hampir 41 tahun berkhidmat dalam Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan kini dikenali SPRM, beliau melihat kadar gaji rendah atau kemiskinan bukan alasan utama wujudnya rasuah dalam sistem.

“Ia (rasuah) disebabkan sifat tamak dan peluang (yang terhadang). Misalnya, orang politik (terbabit rasuah) adakah mereka ini miskin? (Bagaimana pula) menteri Kabinet, ketua setiausa-

ha kementerian, timbalan ketua setiausaha?

“Jika saya bercakap mengenai (rasuah) dalam sektor swasta, apa boleh saya katakan (kebanyakannya terjebak) pegawai bank... adakah mereka ini miskin.

“Jadi, jangan asyik fikir naik gaji semata-mata (dengan) memikirkan ia mengurangkan rasuah.

“Walhal banyak lagi faktor perlu dilihat... contohnya mengenai sifat tamak, peluang, sistem, prosedur dan isu tadbir urus,” katanya seperti dilaporkan.

Bagaimanapun, Ajeet Singh, berkata kesatuannya tetap bersatuju ganjaran upah perlu setimpal dengan beban tugas serta selaras kenaikan harga barang asas.



# SINAR HARIAN 19.06.2024 (RABU)

19.06.2024

(RABU)

Pemberi maklumat kepada kerajaan bakal diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan diterima

Oleh AISYAH BASARUDDIN  
SHAH ALAM

Pengadu atau pemberi maklumat mengenai rasuah akan menerima ganjaran yang sama nilai dengan jumlah wang yang terlibat dalam kes tersebut.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki berkata, pemberi maklumat kepada kerajaan bakal diberi ganjaran sama seperti tawaran suapan yang diterima kerana membantu dalam membantarkan jenayah tersebut.

"Ia ringgit untuk ringgit. Jika anda ditawarkan RM100, kerajaan akan beri RM100. Jika anda ditawarkan RM1 juta, kerajaan akan kembalikan RM1 juta ke-

pada anda," katanya ketika satu program audio siar pada Isnin.

Azam berkata, ketika ini seramai 514 penjawat awam sudah diberi ganjaran berjumlah lebih RM1 juta antara tahun 2012 hingga 2023 kerana melapor dan mendedahkan kes rasuah yang membawa kepada sabitan.

Beliau memaklumkan, menerusi Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028 yang diumumkan pada Mei lepas, skim sama boleh diperluaskan kepada masyarakat, namun ia masih di peringkat cadangan.

"Perkara itu masih dalam cadangan, prosedur khas dan optimum bersama agensi perenajau masih belum diputuskan kerana ia di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri.

"Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 perlu diperbaharui dan kami bersetuju, BHEUU kini sedang dalam proses memindahkan undang-undang," ujar beliau.

Tambahnya, SPM merupakan satu-satunya agensi penguatkuasaan yang menggunakan undang-undang berkenaan

dan giat mempromosinya kepada orang awam sejak tujuh tahun lalu.

"Ada tiga kategori yang tampil ke SPM iaitu pengadu, pemberi maklumat dan informan. Sebagai contoh, pengadu perlu ke mahkamah, namun boleh dikatakan kurang daripada lima peratus yang ingin membuat aduan bersedia untuk ber-

keterangan di mahkamah.

"Bagi pemberi maklumat dan informan, identiti mereka dilindungi dengan baik. Sekarang BHEUU ingin beri ganjaran dan saya fikir ia idea yang baik kerana boleh menggalakkan lebih ramai tampil membuat aduan terutama kepada SPM," jelasnya.

## Lapor rasuah: Ringgit untuk ringgit



AZAM



Seramai 514 penjawat awam sudah diberi ganjaran berjumlah lebih RM1 juta kerana melapor dan mendedahkan kes rasuah yang membawa kepada sabitan. Gambar hiasan.



# BERITA HARIAN

## 19.06.2024 (RABU)

# CUEPACS tidak senada SPRM isu penjawat awam, rasuah

Gaji rendah bukan punca utama, faktor dalaman wujud peluang lakukan jenayah

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: CUEPACS tidak bersetuju dengan pandangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kaitan penjawat awam dan rasuah.

Presiden CUEPACS, Datuk Adnan Mat, berkata iring kerana beliau melihat pandangan SPRM mengenai perkara itu memberi gambaran bahawa faktor utama kerajaan menaikkan gaji penjawat awam adalah untuk memerangi rasuah.

Beliau berkata, gaji yang rendah walaupun menjadi antara punca rasuah, ia bukanlah penyebab utama, sebaliknya faktor dalaman menyebabkan seseorang itu melakukan jenayah terbabit adalah kerana wujudnya peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti.

"CUEPACS tidak bersetuju apabila konteks kenaikan gaji penjawat awam itu dilihat daripada sudut tertentu sahaja seperti untuk membendung gejala rasuah.

"Laporan media setiap hari membuktikan penjenayah rasuah terdiri pelbagai kumpulan masyarakat dan rata-ratanya mempunyai jawatan, keduduan

tertentu dan tidak hanya terdiri daripada penjawat awam," kata nya dalam kenyataan, semalam.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri, dilaporkan berkata, dengan meningkatkan gaji penjawat awam tidak semestinya berkesan dalam membendung penularan gejala rasuah dalam struktur kerajaan.

Pada masa sama, Adnan berkata, pihaknya mencadangkan pihak berkuasa mengubah pendekatan dalam tindakan dengan memberi fokus kepada punca gejala rasuah di peringkat akar umbi iaitu pemberi rasuah.

### Tumpas sumber rasuah

Beliau berkata, jenayah rasuah tidak akan dapat dibanteras sepenuhnya jika agensi penguasaan tidak menumpaskan sumber atau akar umbi kepada punca gejala itu.

"Amat mengecewakan apabila pemberi rasuah tidak didakwa, malah dijadikan saksi untuk mendakwa penerima. Ketika ini kita banyak didekah dengan tangkapan individu yang menerima rasuah sahaja hingga ramai yang mempersoalkan ke mana hilangnya pemberi rasuah."

mendakwa penerima. Ketika ini kita banyak didekah dengan tangkapan individu yang menerima rasuah sahaja hingga ramai yang mempersoalkan ke mana hilangnya pemberi rasuah.

"Pemberi rasuah ini akan mencari pelbagai jalan untuk mencari mangsa mereka bagi mendapatkan keuntungan daripada transaksi yang dilakukan.

"Jika kita putuskan rantaian pemangsa ini, sudah tentu rasuah dapat ditangani dengan lebih berkesan dan masyarakat akan lebih takut untuk terbabit dalam salah laku itu," katanya.

Beliau berkata, tindakan segelintir penjawat awam yang terbabit dalam gejala rasuah tidak mencerminkan keseluruhan integriti dan akauntabiliti penja-

wat awam negara.

Katanya, pembabitan dalam rasuah dan salah laku adalah tindakan sebilangan kecil penjawat awam yang tidak mewakili 1.7 juta warga penjawat awam.

"Kita akui SPRM sudah berusaha dengan sebaiknya dalam menguatkuasakan undang-undang dan CUEPACS bersama penjawat awam sedia bersama-sama dengan agensi itu dalam memastikan usaha terbabit terus dipergiatkan.

"Namun, CUEPACS menyeru semua pihak, termasuk masyarakat awam memberi sokongan kepada perkhidmatan awam," katanya.

Adnan berkata, pihaknya peraya keputusan kerajaan meningkatkan gaji penjawat awam baru-baru ini adalah usaha untuk merapatkan jurang pendapatan dengan kos sara hidup yang tinggi ketika ini dan bukannya hanya disebabkan faktor rasuah.

Katanya, ia juga adalah usaha kerajaan untuk mengimbangi pendapatan antara pekerja gred rendah dan tinggi yang terlalu besar jurangnya serta tidak mencerminkan situasi sebenar pendapatan purata isi rumah di peringkat nasional.

"Kenaikan gaji yang bakal dinikmati penjawat awam ini perlu bergerak seiring dengan kualiti kerja yang lebih baik bagi memastikan impak kepada kenaikan itu dapat membantu perkembangan ekonomi.

"Hal ini termasuklah dengan melaksanakan kerja dengan penuh tanggungjawab dan mengelakkan perkara yang melanggar tadbir urus dan penyelewengan," katanya.





# SINAR HARIAN

## 21.06.2024

### (JUMAAT)

#### Majikan ditahan cuba rasuah polis RM18,000 dalam serbuan arak

**JOHOR BAHRU** - Cubaan seorang majikan memberi rasuah sebanyak RM18,000 kepada polis, dalam serbuan minuman keras tidak bercukai di sebuah rumah di Kawasan Taman Air Biru, Pasir Gudang di sini pada Rabu tidak berjaya.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintenden Mohd Sohaimi Ishak berkata, wang tunai itu cuba diberikan beberapa kali oleh lelaki berusia 51 tahun, bagi melepaskan perkerjanya, warganegara Nepal berusia 48 tahun yang ditahan dalam serbuan terbabit.

Bagaimanapun, selepas beberapa kali diberikan amaran supaya tidak berbuat demikian akhirnya majikan yang juga warga tempatan itu ditahan kerana menawarkan wang tunai kepada pihak berkuasa.

"Tangkapan (majikan) kita serahkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan lanjut. Kes disiasat di bawah seksyen 17 (b) Akta SPMR 2009," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Seri Alam di sini pada Khamis.

Terdahulu, Mohd Sohaimi memberitahu, dalam serbuan kira-kira jam 2 petang itu, anggota dari Pasukan Polis Marin Wilayah Dua membuat serbuan di lokasi yang dijadikan tempat penyimpanan minuman keras dipercayai tidak bercukai.

"Dalam serbuan itu, 60 kotak pelbagai minuman keras dirampas dengan nilai rampasan RM67,791 termasuk cukai. Kes disiasat di bawah seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967.

"Pekerja terbabit adalah penjaga stor. Dalam rampasan terbabit turut ditemui pembungkusan baru arak dengan paket seperti air minuman kanak-kanak.

"Rumah yang menjadi lokasi penyimpanan pula adalah milik keluarga majikan terbabit, dan bukan rumah sewa.

"Pekerja itu kemudian ditahan reman di bawah Seksyen 116 C Akta Kastam 1967 selama lima hari, bermula hari ini (Khamis) hingga 24 Jun depan," katanya.

Beliau berkata, pekerja itu juga tiada rekod jenayah lampau namun majikannya mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan kes memiliki arak tidak bercukai pada 2022.

"Sementara hasil saringan air kencing mendapati kedua-dua suspek negatif dadah," katanya.



# HARIAN METRO 21.06.2024 (JUMAAT)

## Terima RM40k tanpa balasan

Bekas pegawai kanan polis berpangkat ASP mengaku salah, kena denda RM8,000

Oleh Siti Aminah  
Mohd Yusof  
am@hmetro.com.my

### Butterworth

**S**eorang bekas pegawai kanan polis berpangkat asisten superintendant (ASP) di denda RM8,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam kerana menerima wang suapan RM40,000 pada 2018.

Hakim Zulhazmi Abdul-lah menjatuhkan hukuman itu terhadap Ameyrudin Ahmad Zuki, 43, selepas tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan pilihan yang dibacakan ter-

hadapnya.

Mahkamah memerintahkan Ameyrudin dipenjara tiga bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Berdasarkan pertuduhan pilihan, tertuduh menerima untuk dirinya wang tunai RM40,000 tanpa balasan daripada seorang individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasminya.

Tertuduh pada ketika itu bertugas di Jabatan Siasatan Perundangan Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah, Seberang Perai Tengah didapati melakukan kesalahan tersebut di lot parkir

Restoran Midtown Perda, Bukit Mertajam pada 3 Ogos 2018, jam 1 tengah hari.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

(SPRM), Maziah Mohaideen dan tertuduh diwakili peguam, Y Yogeswaran.

Terdahulu, Maziah memohon hukuman setimpal dikenakan bagi memberi pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat selain menyifatkan kesalahan itu memberi imej buruk bukan sahaja kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) malah memberi tanggapan negatif terhadap pegawai penguasa.

Pihak pendakwaan turut memohon wang tunai

RM20,000 yang disita selepas dirampas sebagai barang bukti dilucutkan di bawah Seksyen Seksyen 40(1) (a) Akta SPM 2009 kepada Kerajaan Malaysia.

Sementara itu, Yogeswaran memohon hukuman denda minimum memandangkan anak guamnya kini tidak bekerja dan tiada pendapatan selain perlu menanggung tiga anak yang masih bersekolah.

Katanya, tertuduh turut perlu menjaga ibu berusia 80 tahun dan berada dalam keadaan uzur.

"Tertuduh tiada rekod kesalahan lampau dan ini kesalahan pertama dilaku-

kannya. Dia insaf selain pernah direman sebelum ini," katanya.

Difahamkan tertuduh membayar denda tersebut.

Sementara itu, usaha pemberita merakam foto tertuduh yang hadir ke mahkamah dengan memakai baju kemeja biru muda serta pelitup muka hitam tidak berhasil apabila dia menghilangkan diri sebaik sahaja prosiding mahkamah selesai.

Beberapa individu turut dilihat mundar-mandir di pekarangan mahkamah dipercayai 'mengiringi' tertuduh dengan menaiki beberapa kenderaan.

“  
Tertuduh tiada rekod kesalahan lampau dan ini kesalahan pertama dilakukannya  
Yogeswaran



# SINAR HARIAN 22.06.2024 (SABTU)

amah  
ayah

## Rasuah: Timbalan pendakwa raya dijel setahun

TAWAU - Seorang timbalan pendakwa raya dijatuhi hukuman penjara setahun dan denda RM250,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, pada Jumaat, selepas didapati bersalah atas pertuduhan meminta suapan untuk menyelesaikan kes mahkamah, sembilan tahun lepas.

Hakim Jason Juga membuat keputusan itu selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap Kamalia Yahdi, 41, di akhir kes pembelaan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dikenakan hukuman 24 bulan penjara jika gagal membayar denda itu.

Bagaimanapun, tertuduh memperoleh penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Mengikut pertuduhan, Kamalia yang bertugas di Jabatan Peguam Negara Sabah Cawangan Tawau didakwa me-

minta suapan RM50,000 daripada dua individu sebagai dorongan menarik balik kes TWU-83-54/3-2015 dan TWU-83-76/4/2015 yang dibicarakan di Mahkamah Majistret Tawau.

Kesalahan itu dilakukan di Cafe@7 Hotel Promenade, Tawau, pada 15 Mei 2015, mengikut Seksyen 16(a)(B), Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Kesalahan di bawah seksyen tersebut memperuntukkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Natrah Fareha Rahmat serta Siti Amirah Muhammad Ali manakala tertuduh diwakili peguam Arthur Bonne.- Bernama



# SINAR HARIAN 22.06.2024 (SABTU)

Kempen menjelang pengenalan SIGNAL dengan kerjasama pengendali telekomunikasi terulung Malaysia

Oleh NOR SYAMIRA LIANA  
NOR ASHAHA  
SHAH ALAM

MySignal menjalin kerjasama dengan Rasuah Busters menerusi kempen prapelancaran menjelang pengenalan SIGNAL iaitu satu siri pelan mudah alih pasca bayar yang dibangunkan bersama pengendali telekomunikasi terulung Malaysia.

Jurucakap MySignal berkata, kempen prapelancaran itu bertemakan 'Sokong perjuangan menentang rasuah dengan setiap langgaran'.

Menurutnya, kerjasama itu menekankan komitmen MySignal

Sinar Harian - 22/6/24 - Sabtu



Kerjasama menekankan komitmen MySignal bukan sahaja kepada teknologi inovatif malah kepada tanggungjawab sosial melalui perkongsian dengan Rasuah Busters.

bukan sahaja kepada teknologi inovatif malah kepada tanggungjawab sosial melalui perkongsian dengan Rasuah Busters.

"Kami komited untuk menyokong usaha memerangi rasuah dan secara aktif menyokong pembaharuan. Kerjasama dengan Rasuah Busters menekankan dedikasi kami (MySignal) terhadap amalan perniagaan ber-

etika dan ketelusan.

"Kami menggalakkan lebih banyak syarikat berganding bahu bersama Rasuah Busters untuk mengukuhkan usaha kolektif menentang rasuah bagi memastikan persekitaran perniagaan adil dan saksama," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Sementara itu, Ketua Pasukan Rasuah Busters, Datuk

Hussamuddin Yaacub berkata, kerjasama bersama MySignal mewakili kemajuan penting dalam misi antirasuah.

"Kami yakin inisiatif yang dipacu teknologi seperti SIGNAL bukan sahaja memperkayakan penawaran pengguna tetapi memainkan peranan yang besar dalam memupuk ketelusan dan tadbir urus beretika," ujarnya.

MySignal dalam kenyataan turut menjemput pengguna awal mendaftar dan menikmati faedah menarik seperti data tambahan, waived deposit serta peluang menyumbang kepada



HUSSAMUDDIN

usaha pencegahan rasuah dengan setiap pendaftaran.

Kempen prapelancaran berakhir 30 Jun dan mana-mana individu serta perniagaan yang berminat digalakkan melayari [www.axxess.com.my/mysignal](http://www.axxess.com.my/mysignal) untuk mengetahui lebih lanjut.

Tambah kenyataan itu, pelancaran rasmi MySignal dijadualkan pada Julai atau Ogos depan dengan menggabungkan perkhidmatan telekomunikasi yang mantap dengan perlindungan insurans yang komprehensif.

Ia juga merangkumi perlindungan perubatan, rumah, kematangan diri dan gaya hidup termasuk pembayaran balik klinikal pesakit luar.



# HARIAN METRO

## 22.06.2024

### (SABTU)

#### **Bekas pengarah syarikat didakwa palsu dokumen subsidi upah Perkeso**

**Kuala Lumpur:** Bekas pengarah syarikat membaiki barang elektrik didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan pemalsuan dokumen terhadap Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) berhubung subsidi upah bernilai lebih RM88,000.

Bagaimanapun, tertuduh, Muhammad Asyraf Rizal, 26, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Azrul Darus.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Asyraf didakwa menggunakan satu dokumen iaitu borang permohonan program subsidi upah atas nama sebuah syarikat berjumlah RM88,200 apabila tertuduh tahu dokumen itu palsu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bahagian Insurans Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) di Putrajaya pada 16 Jun 2020.

Justeru pertuduhan dikemukakan Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun, atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Terdahulu Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rais Adha Ramli menawarkan jaminan RM80,000 serta syarat tambahan tertuduh perlu

hadir di Pejabat SPMR di Johor Bahru sebulan sekali sehingga kes selesai.

Bagaimanapun peguam Siti Nabila Hamzah yang mewakili Muhammad Asyraf memohon jaminan rendah berikutan anak guamnya penanggung utama keluarga yang kini bekerja di Singapura selain menanggung kos perubatan datuk dan neneknya.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Azrul membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan seperti dipohon pihak pendakwaan.

*Mahkamah juga menetapkan 2 Ogos ini sebutan semula kes.*



MUHAMMAD  
ASYRAF mengaku tidak bersalah.



# SINAR HARIAN 22.06.2024 (SABTU)

## Bekas pengarah didakwa palsukan tuntutan PERKESO

KUALA LUMPUR

**S**eorang bekas pengarah syarikat membaiki barang elektrik meningaku tidak bersalah memalsukan dokumen kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat.

Tertuduh, Muhammad Asyraf Rizal, 26, didakwa menggunakan borang permohonan program subsidi upah atas nama Syarikat Maar Engineering Services bertarikh 16 Jun 2020 berjumlah RM88,200 yang mana tertuduh tahu bahawa dokumen tersebut adalah palsu.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Bahagian Insurans Pekerjaan, PERKESO Putrajaya pada hari sama.

Dia dituduh mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum dibawah Seksyen 465 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rais Adha Ramli menawarkan jaminan RM80,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu hadir di Pejabat SPRM di Johor Bahru sebulan sekali sehingga kes selesai.

Namun, Peguam Siti Nabilah Hamzah yang mewakili Muhammad Asyraf memohon jaminan dikurangkan atas alasan tertuduh kini bekerja di Singapura sebagai juruteknik selain penanggung tunggal keluarga dan membayai kos perubatan datuk serta neneknya yang menghidap kanser paru-paru tahap empat.

Hakim Azrul Darus membenarkan ter-



Muhammad Asyraf (kiri) dibawa ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Jumaat.

“

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Bahagian Insurans Pekerjaan, PERKESO Putrajaya pada hari sama.”

tuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan dan menetapkan 2 Ogos depan untuk sebutan semula kes berkenaan. - Bernama



# HARIAN METRO

## 22.06.2024

### (SABTU)

## Ketua Pesuruhjaya SPRM henti saman fitnah penulis artikel

**Kuala Lumpur:** Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki, memberhentikan saman dikemukakan beliau terhadap *whistleblower* Penyelidik Kanan Pusat Meranggi Kronisme dan Korupsi (C4), K Lalitha.

Tuntutan saman fitnah itu berhubung penerbitan artikel *Business Ties Among MACC Leadership: How Deep Does It Go?* berkaitan pembelian saham disiaran portal agensi berita Independent News Service (INS).

Berdasarkan Notis Pemberhentian bertarikh 11

Jun lalu, Azam memberhentikan tindakan saman berkenaan yang difaikkan pada 12 Januari 2022 atas dasar tanpa prejdis dan tanpa pengakuan kedua-dua pihak.

Menurut notis itu, pemberhentian saman itu juga dibuat tanpa kebebasan memfaikkan semula dan tanpa perintah terhadap kos.

Notis terbabit difaikkan peguam cara Azam, daripada firma guaman Tetuan Zain, Megat & Murad, dan ditandatangani secara bersama oleh peguam Lalitha daripada firma guaman Tetuan Khairuddin,

**RM10j**

Jumlah ganti rugi am yang diminta plaintif

*MACC Leadership: How Deep Does It Go?* (Bahagian 1) dan *Business Ties Among MACC Leadership: How Deep Does It Go?* (Bahagian 2).

Ia pertama kali diterbitkan dalam INS pada 26 Oktober 2021 sebelum kedua-dua artikel diterbitkan semula pada 15 Disember tahun sama.

Plaintif mendakwa Lalitha selaku defendant turut berkongsi pautan artikel itu di laman Twitternya atas nama @LalithaVelvet untuk disebarluaskan kepada umum dan pautan kepada kedua-dua artikel masih boleh di-

ses sehingga kini.

Dakwa Azam, tajuk artikel itu sensasi, bersifat skandal dan menjengkelkan kerana ia dikarang dan diterbitkan semula dengan niat jahat.

Beliau mendakwa, ia berniat jahat bagi memberi kesan serta gambaran amat buruk kepada pembaca bahawa plaintif seorang penjawat awam yang korup atau menyalahgunakan kedudukannya sebagai pegawai tinggi SPRM untuk kepentingan sendiri atau adik-beradiknya.

Azam mendakwa penerbitan fitnah itu menyebabkan nama dan reputasinya

tercemar dan oleh itu, beliau menuntut perintah bagi menghalang Lalitha atau ejennya daripada membuat, menerbitkan atau menyebabkan kenyataan berbaur fitnah tersebut diterbitkan semula.

Plaintif memohon defendan memadam artikel dan ciapan dalam tempoh tiga hari penghakiman dibuat serta permohonan maaf dalam akhbar atau media sosial pilihan plaintif.

Turut dituntut ganti rugi am RM10 juta dan ganti rugi teruk, kos serta relif lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Ngiam & Tan.

Pada pengurusan kes saman itu di Mahkamah Tinggi semalam, Hakim Datuk Akhtar Tahir melapangkan tarikh perbincaraan yang dijadualkan bermula pada 9 Julai ini.

Dalam pernyataan tunutan, Azam selaku plaintif mendakwa Lalitha mengarang dua artikel bertajuk *Business Ties Among*



# BERITA HARIAN

## 22.06.2024 (SABTU)

Tertuduh mengaku tidak bersalah guna dokumen palsu buat tuntutan lebih RM88,000

Oleh Suraya Roslan  
surayaroslan@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas pengarah syarikat membaiki barang elektrik didakwa di Mahkamah Sesyen semalam atas pertuduhan pemalsuan dokumen terhadap PERKESO berhubung subsidi upah bernilai lebih RM88,000.

Bagaimanapun, tertuduh, Muhammad Asyraf Rizal, 26, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Azrul Darus.

Mengikut pertuduhan, Muhammad Asyraf didakwa meng-

gunakan satu dokumen iaitu borang permohonan program subsidi upah atas nama sebuah syarikat berjumlah RM88,200 dimana tertuduh tabu bahawa dokumen itu adalah palsu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Bahagian Insurans Perkerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), di Putrajaya pada 16 Jun 2020.

Justeru pertuduhan dikemukakan Seksyen 471 Kanun Keseksian dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

### Iklai jamin RM15,000

Terdahulu Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rais Adha Ramli menawarkan jaminan RM80,000 berserta syarat tambahan tertuduh perlu hadir di Pejabat SPM di Johor Bahru sebulan sekali sehingga kes selesai.

Muhammad Asyraf didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Aswadi Alias/BH)

# Bekas pengarah didakwa tipu subsidi upah PERKESO

Bagaimanapun peguam Siti Nabila Hamzah yang mewakili Muhammad Asyraf memohon jaminan rendah berikutkan anak guamnya penanggung utama keluarga yang kini bekerja di Singapura, selain menanggung kos perubatan datuk dan neneknya.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Azrul membentarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan seperti dipohon pihak pendakwaan.

Mahkamah juga menetapkan 2 Ogos ini sebutan semula kes.





# BERITA HARIAN

## 23.06.2024

### (AHAD)

# Penguatkuasaan kes rasuah perlu sasar pemberi, penerima

Dr Tricia Yeoh

Ketua Pegawai Eksekutif  
IDEAS Malaysia

**Soalan (S):** Kerajaan mempunyai pelbagai garis panduan, pekeliling dan menubuhkan unit integriti di jabatan atau agensi, mengapa kes rasuah penjawat awam tetap berlaku?

**Jawapan (J):** Walaupun ada garis panduan, pekeliling dan menubuhkan unit integriti, rasuah boleh terus berlaku kerana beberapa sebab antaranya penguatkuasaan tidak mencukupi, kekurangan sumber, latihan yang kurang dan penerimaan budaya amalan rasuah dalam sistem sedia ada. Penambahbaikan berasaskan teknologi dalam hal bersama dengan tekad politik kuat, amat penting untuk memerangi rasuah dengan berkesan.

Timbul persoalan adakah reformasi institusi kerajaan mendorong banyak penjawat awam didakwa di mahkamah kerana rasuah. Dalam hal ini, usaha untuk mereformasi institusi sering kali mendahului penyelewengan sedia ada, termasuk rasuah dalam kalangan penjawat awam.

Namun, lebih baik jika reformasi institusi turut mendahului penyelewengan di sektor lain. Penting untuk difahami tujuan reformasi institusi bukan semata-mata mendahului penyelewengan, tetapi bertujuan meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan tadbir

urus. Salah satu manfaatnya ialah mengurangkan aktiviti rasuah.

**S: Mampukah tindakan buang kerja penjawat awam terbukti salah menerima rasuah dapat membendung gejala rasuah agensi awam?**

**J:** Memecat penjawat awam yang terbukti bersalah menerima rasuah adalah salah satu cara boleh diguna pakai sebagai langkah pencegahan yang kuat tetapi untuk menjadikannya lebih berkesan, langkah ini perlu diperkuat dengan strategi lebih luas merangkumi mekanisme pengesanan kukuh, penguatkuasaan undang-undang antirasuah tegas, pemantauan berterusan dan menggalakkan budaya integriti dalam perkhidmatan awam.

Rasuah adalah jenayah sukar diukur dan dikenali pasti tahap impaknya. Indeks persepsi adalah salah satu cara untuk mengenal pasti gejala berkenaan dan sepatutnya menjadi amaran kepada pihak berkaitan untuk menanga-

ni sektor dianggap sebagai sektor yang tinggi amalan rasuahnya.

Pada 2020, Transparency International (TI) melalui satu kajian mengenai persepsi masyarakat ke atas rasuah membabitkan 20,000 orang dari 17 negara. Dalam konteks Malaysia, kaji selidik itu mendedahkan 30 peratus rakyat Malaysia menganggap polis sebagai institusi paling korup selepas ahli politik (36 peratus) manakala pegawai kerajaan (28 peratus). Persepsi ini menunjukkan usaha reformasi perlu menyeluruh dan menangani punca utama rasuah, termasuk meningkatkan pemantauan, ketelusan, dan akauntabiliti dalam agensi terbabit.

**S: Boleh dilihat hanya penerima rasuah dikenakan tindakan sebaliknya pemberi terlepas?**

**J:** Langkah antirasuah yang berkesan harus menyasar kedua-dua pihak iaitu penerima dan pemberi rasuah, sekali gus mewujudkan kesan pencegahan ketara



dan memastikan keadilan. Mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), ia mengenakan perintah kepada kedua-dua pihak iaitu pemberi dan penerima rasuah. Oleh itu, usaha harus dibuat untuk menunjukkan bahawa tindakan diambil terhadap kedua-dua pihak ini. Ketidakseimbangan dalam penguatkuasaan boleh merosakkan kepercayaan dalam sistem melawan rasuah dan akan melemahkan semangat penjawat awam yang jujur.

Selain itu, perlu ada usaha untuk menunjukkan tindakan penguatkuasaan tidak dilakukan secara bermusim dan bersasar, sebaliknya perlu menyeluruh dan konsisten di

semua agensi.

Persepsi penguatkuasaan terpilih boleh melemahkan usaha keseluruhan memerangi rasuah. Sebab itu, SPRM perlu beroperasi secara bebas tanpa campur tangan politik untuk memerangi rasuah dengan berkesan. Kebebasan menjamin siasatan dan tinjakan penguatkuasaan adil, tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak.

**S: Sejauh mana kenaikan gaji mampu menangani isu rasuah penjawat awam?**

**J:** Menaikkan gaji penjawat awam dilihat sebagai satu cara untuk mengurangkan go-daan penjawat awam terhadap dalam rasuah dengan memastikan mereka diberi ganjaran mencukupi.

Namun, kenaikan gaji sahaja mungkin tidak mencukupi. Perlu ada usaha selari dalam meningkatkan kepuasan dan kesadaran di tempat kerja serta langkah antirasuah kukuh dengan perlindungan pemberi maklumat yang betul. Harapannya ialah dengan gaji lebih baik, penjawat awam akan kurang terdedah kepada rasuah, tetapi ia juga bergantung kepada soal integriti.



“ Persepsi penguatkuasaan terpilih boleh melemahkan usaha keseluruhan memerangi rasuah. Sebab itu, SPRM perlu beroperasi secara bebas tanpa campur tangan politik untuk memerangi rasuah dengan berkesan ”



# BERITA HARIAN

## 23.06.2024

### (AHAD)

**Datuk Dr Adnan Mat**  
President CUEPACS

**Kedah 1:** Adakah CUEPACS bersama-sama penjawat awam sering dituding jari dalam isu rasuah? Jawapannya: Perkhidmatan awam adalah seni sektor pekerjaan yang mempunyai pekerja paling ramai di negara ini mencapai kira-kira 1.6 juta orang. Dengan sumber manusia seramai ini, sudah tentu perkhidmatan awam sentiasa menghadapi tumpuan masyarakat terutama mereka yang mahu mendapatkan perkhidmatan kerjaya. Dalam mengeuruskkan sumber manusia seramai ini, sudah tentu ada segelintir miskalukan kesalahan, sama ada secara seder atau tidak. Namun, tidak sulit untuk meletakkan kesalahan dilakukan segelintir individu ini kepada seluruh warga perkhidmatan awam. Jumlah mereka dilakukan tindakan tazkirah terlalu sedikit, berbanding kira-kira jumlah jataan penjawat awam ketika itu.

Hakikat yang tidak diketahui umum, bahagian integriti penjawat awam ketika itu semakin bertambah baik, seterusnya keadaan meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan awam. Usaha meningkatkan integriti dan disiplin ini juga diakong sepenuhnya penjawat awam melalui dasar reformasi perkhidmatan awam seperti reformasi institusi dilakukan kerajaan bagi mewujudkan perkhidmatan berkualiti.

**2:** Kebelakangan ini negara begitu ‘meriah’ dengan isu penjawat awam terbabit rasuah. Apakah ada kaitan dengan agenda reformasi institusi?

J: Perkhidmatan awam dari masa ke masa sentiasa melakukan reformasi atau transformasi dalam institusi. Perkara ini suatu keperluan bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada pada tahap terbaik dan sentiasa relevan dengan kebutuhan rakyat serta sektor ekonomi. Agenda reformasi ini juga membentuk elemen semak dan imbang dalam perkhidmatan awam.

Semak dan imbang adalah elemen sentiasa denarkan berperlembagaan menghalang penggunaan kuasa tanpa batasan, meningkatkan kualiti dan memastikan mekanisme wajad untuk mencegah atau menghalang kelakuan tidak beretika. Menerusi semak dan imbang berkesan sudah tentu penyelenggaraan serta penyalihgunaan kuasa serta kedudukan dapat dihalang dalam pentadbiran kerajaan.

**Kedah 2:** Adakah CUEPACS bersama-sama penjawat awam sering dituding jari dalam isu rasuah? Jawapannya: Perkhidmatan awam adalah seni sektor pekerjaan yang mempunyai pekerja paling ramai di negara ini mencapai kira-kira 1.6 juta orang. Dengan sumber manusia seramai ini, sudah tentu perkhidmatan awam sentiasa menghadapi tumpuan masyarakat terutama mereka yang mahu mendapatkan perkhidmatan kerjaya. Dalam mengeuruskkan sumber manusia seramai ini, sudah tentu ada segelintir miskalukan kesalahan, sama ada secara seder atau tidak. Namun, tidak sulit untuk meletakkan kesalahan dilakukan segelintir individu ini kepada seluruh warga perkhidmatan awam. Jumlah mereka dilakukan tindakan tazkirah terlalu sedikit, berbanding kira-kira jumlah jataan penjawat awam ketika itu.

Hakikat yang tidak diketahui umum, bahagian integriti penjawat awam ketika itu semakin bertambah baik, seterusnya keadaan meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan awam. Usaha meningkatkan integriti dan disiplin ini juga diakong sepenuhnya penjawat awam melalui dasar reformasi perkhidmatan awam seperti reformasi institusi dilakukan kerajaan bagi mewujudkan perkhidmatan berkualiti.

**3:** Kebelakangan ini negara begitu ‘meriah’ dengan isu penjawat awam terbabit rasuah. Apakah ada kaitan dengan agenda reformasi institusi?

J: Perkhidmatan awam dari masa ke masa sentiasa melakukan reformasi atau transformasi dalam institusi. Perkara ini suatu keperluan bagi memastikan mutu penyampaian perkhidmatan awam sentiasa berada pada tahap terbaik dan sentiasa relevan dengan kebutuhan rakyat serta sektor ekonomi. Agenda reformasi ini juga membentuk elemen semak dan imbang dalam perkhidmatan awam.

Semak dan imbang adalah elemen sentiasa denarkan berperlembagaan menghalang penggunaan kuasa tanpa batasan, meningkatkan kualiti dan memastikan mekanisme wajad untuk mencegah atau menghalang kelakuan tidak beretika. Menerusi semak dan imbang berkesan sudah tentu penyelenggaraan serta penyalihgunaan kuasa serta kedudukan dapat dihalang dalam pentadbiran kerajaan.

**Kedah 3:** Adakah CUEPACS bersama-sama penjawat awam sering dituding jari dalam isu rasuah? Jawapannya: Perkhidmatan awam adalah seni sektor pekerjaan yang mempunyai pekerja paling ramai di negara ini mencapai kira-kira 1.6 juta orang. Dengan sumber manusia seramai ini, sudah tentu perkhidmatan awam sentiasa menghadapi tumpuan masyarakat terutama mereka yang mahu mendapatkan perkhidmatan kerjaya. Dalam mengeuruskkan sumber manusia seramai ini, sudah tentu ada segelintir miskalukan kesalahan, sama ada secara seder atau tidak. Namun, tidak sulit untuk meletakkan kesalahan dilakukan segelintir individu ini kepada seluruh warga perkhidmatan awam. Jumlah mereka dilakukan tindakan tazkirah terlalu sedikit, berbanding kira-kira jumlah jataan penjawat awam ketika itu.

Hakikat yang tidak diketahui umum, bahagian integriti penjawat awam ketika itu semakin bertambah baik, seterusnya keadaan meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan awam. Usaha meningkatkan integriti dan disiplin ini juga diakong sepenuhnya penjawat awam melalui dasar reformasi perkhidmatan awam seperti reformasi institusi dilakukan kerajaan bagi mewujudkan perkhidmatan berkualiti.

**4:** Timbul persoalan mengapa hanya penerima rasuah sahaja dikenakan tindakan sebaliknya pemberi terus teriges, apa pandangan CUEPACS?

J: Keadaan pemberi adalah sama dengan menerima rasuah dan jika dilaksanakan segerang itu akan berhadapan hukuman berat termasuk dipenjar dan diidam. Dalam hal membatalkan rasuah dan salah guna kuasa, sudah tentu CUEPACS sama sekali tidak menyokong mana-mana pihak termasuk penjawat awam itu sendiri. Apa yang salah tetap salah dan sesajahnya diberikan.

**5:** Kesanlah rasuah tidak akan berlaku jika ia berseorang, tetapi meneroka pembentahan pihak A, B dan C. Apakah watak penasaran atau pemberi rasuah, B adalah orang tengah dan C pula sebagai penerima rasuah. A berjumpsa B dan B maklum kepada C, maka berlaku-

Walaupun kita berada dalam setimpal supaya menjadi pengawal kepada semua pihak. Akan tetapi dalam itu ini kita sering kali mendengar hanya penerima rasuah sahaja dinangkap dan dilaksana, manakala pihak manajer rasuah tidak dilaksanakan sebarang tindakan. Sedangkan untuk mewujudkan transaksi rasuah itu perlu adanya satu pihak yang memberi dan satu pihak lagi yang menerima. Malah, ada kes tertentu pemberi rasuah tersebut apabila mereka dijadikan sakai untuk mematahkan pendakwaan berhadipan dengan lemah berkesan. Jika wangsai membuat pemberi rasuah diperolehkan, CUEPACS yakni masyarakat akan lebih takut terhadap dalam salah laku berkenaan.

**6:** Mampukah tindakan buang kieje penjawat awam terbabit salah menerima rasuah dapat

ialah transaksi rasuah itu. Tetapi dalam kas ini hanya C dilaksana, manakala A dan B teriges sebagai soksi berpada menjalani terbabit.

J: Sesungguhnya dalam perkhidmatan awam sudah ada peraturan menjadikan panduan atau rujukan bagi tujuan tindakan tazkirah sekiranya penjawat awam itu terbabit dalam suatu perkara melanggar undang-undang laju Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelebihan dan Tazkirah) 1996.

Seseorang penjawat awam boleh dikemasukan lima dalan atau hukuman seperti amaran, denda, lurut hak emohamen, tanggap peristikiran gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kieje jika dijdugti bersalah kerana melanggar mana-mana peruntukan dalam peraturan ditetapkan. Walupun peraturan ini serta undang-undang sedia ada susah menjenaka hukuman berat, masih juga terdapat segelintir penjawat awam bersatu melanggar undang-undang.

Pandangan CUEPACS jelas, iaitu faktor dalaman adalah punca utama menyebabkan seseorang itu terbabit dalam pelanggaran peraturan kerana wujud peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti. Jika kita lihat di luar sana masih ada kes pengedaran diantara berlaku walupun bukunya dikenakan boleh meroboh ke tali gantung. Ia adalah soal dalam individu terbabit yang hanya memiliki kepentingan peribadi tanpa melihat kesan buruk.

**Pandangan CUEPACS jelas, iaitu faktor dalaman adalah punca utama menyebabkan seseorang itu terbabit dalam pelanggaran peraturan kerana wujud peluang, kelemahan peribadi dan tidak berintegriti.**

# Integriti, disiplin penjawat awam semakin baik seiring agenda reformasi

Kebelakangan ini, negara dilihat begitu ‘meriah’ dengan penjawat awam didakwa di mahkamah atas pertuduhan rasuah. Namun, timbul persoalan tidak banyak pemberi rasuah didakwa di mahkamah, seolah-olah jenayah ini dilakukan sebelah pihak sahaja. Ia menitibulkan persepsi hanya penjawat awam rakus dan tidak berintegriti, manakala pemberi pula dilihat ‘suci’ serta bebas daripada undang-undang.



Oleh Suzalina Halid  
suzalina@b.com.my



# SINAR HARIAN

## 24.06.2024

### (ISNIN)

# Rasuah: Institut memandu berdepan pembatalan lesen

Peringatan berterusan bagi meningkatkan integriti proses penilaian sesuai dengan pelaksanaan sistem eTesting

Oleh NORAFIDAH ASSAN  
SEREMBAN

Institut memandu yang dikesan terlibat dalam gejala rasuah pengujian memandu termasuk sindiket lesen terbang atau lesen 'kopi o' berdepan tindakan pembatalan permit pengoperasian.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, ia merupakan peringatan berterusan kepada pihak berkenaan sekali gus dapat meningkatkan integriti proses penilaian sesuai dengan pelaksanaan Sistem Latihan dan Pengujian Memandu Secara Elektronik (eTesting).

"Kita bersungguh-sungguh untuk melaksanakan sistem eTesting supaya dapat memastikan satu sistem lebih berintegriti kerana gejala lesen kopi o atau lesen terbang dah lama kita dengar, dan saya lihat sekarang ada perkembangan positif, amat kurang (kes tersebut).

"Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan mungkin ada lagi sindiket-sindiket yang cuba mengambil kesempatan dan kita akan banterasnya bersungguh-sungguh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas selesai majlis sambutan ulang tahun ke-10 RDS Driving Academy



Anthony ketika merasmikan kendaraan dipasang eTesting di Seremban pada Ahad.

Sdn Bhd & Projek L 'OA' serta perasmian bilik ujian KPP01 dan sistem eTesting dekat sini pada Ahad.

Media sebelum ini melaporkan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia memperkenalkan eTesting bermula April lalu.

Pelaksanaan sistem itu akan membolehkan calon menjalani ujian tanpa pegawai JPJ di dalam kendaraan manakala prestasi calon diukur menggunakan alat pengesan dan kamera.

Dalam pada itu, Anthony mengingatkan orang ramai bahawa mana-mana pihak yang cuba mengiklankan dalam media sosial dengan menawarkan sesuatu bayaran tanpa melalui proses pengujian ia merupakan sindiket penipuan.

"Scammer ini kadang-kadang bukan melibatkan institut memandu... jangan

biarkan diri ditipu. Mana ada sistem yang boleh terus dapat lesen tanpa melalui proses pengujian, ini betul-betul penipuan besar.

"Kegiatan rasuah dalam industri pengujian pemanduan perlu dihapuskan kerana tindakan tersebut akan membahayakan nyawa pengguna jalan raya terutamanya golongan muda," kata beliau.

Sementara itu, Anthony berkata, pihaknya menerima banyak permohonan daripada institut memandu berhubung pelaksanaan eTesting sejak ia diperkenalkan.

"Kumpulan pertama akan mendapat surat (kelulusan) tidak lama lagi. Saya difahamkan JPJ telah proses permohonan mereka, selepas itu mereka boleh memulakan pengambilan pelajar menggunakan sistem eTesting," ujarnya.



# HARIAN METRO

## 25.06.2024

### (SELASA)

**Kota Bharu:** Seorang pembantu belia dan sukan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas enam pertuduhan menipu dua individu dengan kerugian RM64,200 pada 2019 dan 2022.

Tertuduh, Muhammad Alif Heikal Samsol, 35, membuat pengakuan itu selepas kertas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan pertama, lelaki itu didakwa memperdaya Azhar Derman, 53, bagi menyerahkan RM25,000 sebagai balasan melantik menjadi kontraktor projek membaik pulih gelanggang futsal di bawah seliaan Pejabat Belia dan Sukan daerah Bachok bertarikh 6 Oktober 2019 yang sebenarnya tidak wujud.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah restoran makanan segera di Pantai Irama, Bachok pada 16 Oktober 2019.

Bagi pertuduhan kedua hingga keenam, tertuduh didakwa memperdaya seorang wanita, Nur Baiti Yusof, 38, untuk menyerah-

## *Pembantu belia dan sukan hadapi enam pertuduhan menipu babit kerugian RM64,200*

kan wang tunai berjumlah RM39,200 dan membekalkan masing-masing 80 kotak makanan kering, paket barang keperluan wanita dan selimut.

Tertuduh memperdaya mangsa dengan mempercayai dilantik sebagai pembekal Program Pasca Bencana Banjir di Bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan dan Program Kursus Kesukarelawan Satria Rakan Muda di bawah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan bertarikh November 2022.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah stesen minyak di Panji dan sebuah hotel di Tunjong antara 9 November hingga 24 November 2022.

Kesemua pertuduhan itu didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara minimum satu tahun sehingga 10 tahun dan sebatan, dan boleh juga

didenda.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mariah Omar dan Ermi Yasmin Abd Momen, manakala tertuduh diwakili peguam Azura Ghazali.

Terdahulu, Mariah mencadangkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPMR dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Azura memohon supaya mahkamah mengurangkan jumlah jaminan kepada RM10,000 bagi kesemua kes memandangkan anak guamnya adalah penerima Anugerah Khidmat Cemerlang pada 2016 dan tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib dalam jabatan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dan menetapkan 28 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



MUHAMMAD Alif nafi bersalah di Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas enam pertuduhan menipu dua individu dengan kerugian RM64,200. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



# HARIAN METRO 25.06.2024 (SELASA)

BEBAS 3 LELAKI BERKAIT KES DADAH

## Dua pegawai direman 5 hari

Oleh Nazdy Harun  
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Dua pegawai kanan sebuah agensi penguat kuasa direman selama lima hari bagi membantu siasatan selepas disyaki terbabit membantu membebaskan tiga lelaki berkaitan kes dadah.


Turut direman selama empat hari ialah isteri kepada salah seorang pegawai berkenaan yang berusia 36 tahun.

Perintah reman terbaik suami isteri berusia 36 tahun dan seorang lagi suspek berusia 41 tahun dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Kuala Terengganu, Yuhannis Mohd Roslan semalam.

Siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Mereka ditahan antara jam 2 hingga 5.30 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Terengganu.

Ketiga-tiga suspek disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah kira-kira RM30,000 daripada seorang lelaki bagi melepaskan rakan yang ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta Dadah Ber-



ANGGOTA SPRM mengiringi dua pegawai kanan agensi penguat kuasa untuk direman. Gambar NSTP/GHAZALI KORI

bahaya (ADB) 1952.

Perbuatan terbabit dilakukan pada tahun 2021 dan ketika itu dua pegawai penguat kuasa kanan terbabit bertugas di sebuah daerah di Terengganu.

Wang rasuah terbabit juga disyaki digunakan

seorang suspek yang kini bertugas di sebuah daerah di Kedah dan isterinya untuk pelaburan judi secara dalam talian.

Hasil siasatan SPRM mendapati wang terbabit pada awalnya dipercayai dimasukkan ke dalam akuan pihak ketiga sebelum dipindahkan ke akaun milik isteri suspek.

Ketiga-tiga suspek diwakili peguam Muhamad Ramlam Taib manakala permohonan reman dikendalikan pegawai penyiasat SPRM.



# BERITA HARIAN

## 26.06.2024

### (RABU)

# Lapan direman kes terima rasuah projek dua lebuh raya

**Putrajaya:** Seramai lapan individu termasuk seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) dan dua pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuh raya direman selepas disyaki meminta serta menerima rasuah bernilai lebih RM1.6 bilion membabitkan pembinaan dua projek lebuh raya di Lembah Klang.

CEO bergelar Datuk bersama dua pengurusan tertinggi syarikat konsesi itu direman empat hari sehingga Jumaat ini manakala lima lagi individu yang juga pemilik sebuah syarikat direman selama tiga hari sehingga Khamis ini.

Perintah reman itu dikeluaran Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semalam.

Menurut sumber, tiga suspek daripada syarikat konsesi berkenaan membabitkan dua lelaki dan seorang wanita, manakala

pemilik syarikat itu pula membabitkan lima lelaki yang semuanya berusia sekitar 40 hingga 50-an.

Mereka ditahan menerusi Ops Lintas antara jam 8 hingga 11 malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

"Tiga suspek yang berkhidmat di syarikat konsesi lebuh raya ini disyaki meminta dan menerima rasuah daripada pemilik syarikat berkenaan sebagai balasan bagi mendapat kontrak mengambil alih kerja pembinaan yang sebelum ini dijalankan satu syarikat lain bernilai lebih RM1 bilion.

"Selain itu, mereka juga dipercayai meminta dan menerima rasuah membabitkan pembinaan satu seksyen projek lebuh raya lain di Lembah Klang bernilai kurang RM670 juta.

"Keseluruhan nilai kedua-dua projek itu adalah berjumlah RM 11 bilion," katanya.



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk perintah reman.  
(Foto Ihsan SPRM)



# BERITA HARIAN

## 26.06.2024 (RABU)

Kes kontena terbang



Warga Singapura dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto ihsan SPRM)

### SPRM tahan dalang utama

**Putrajaya:** Warga Singapura yang disyaki merasuh pegawai penguat kuasa di Pelabuhan Klang, Selangor hingga menyebabkan ketirisan duti kastam dianggarkan berjumlah RM3.5 bilion kepada negara, akhirnya ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Susulan tangkapan itu, lelaki terbabit direman untuk siasatan kerana disyaki membayar rasuah kepada pegawai penguat kuasa sebagai balasan membantu melepaskan barang diimport syarikat miliknya tanpa tidak dikenakan cukai.

Sumber berkata, suspek berusia lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 5 petang kelmarin, ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Putrajaya.

Susulan penahanan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, pagi semalam sebelum dikenakan perintah reman selama enam hari sehingga 30 Jun ini oleh Majistret, Irza Zulaikha Rohanuddin.

"Suspek disyaki melakukan perbuatan rasuah itu antara 2022 hingga 2024. Siasatan awal mendapati wang suapan itu diberikan secara tunai kepada semua pegawai penguat kuasa.


"Sehingga kini dipercayai seramai 11 pegawai penguat kuasa yang terbabit," kata sumber itu.

Sementara itu, Pengarah Kannan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hasim, ketika mengesahkan penahanan itu, berkata lelaki berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009.

SPRM sebelum ini mengesan lebih 100 syarikat disyaki terbabit sindiket 'kontena terbang' yang merasuh pegawai penguat kuasa bagi melicinkan proses penyeludupan tanpa melalui pengisytiharan serta pemeriksaan di pintu masuk negara.



**HARIAN METRO**  
**26.06.2024**  
**(RABU)**



**Bos syarikat konsesi disyaki rasuah ditahan**

*Suspek dipercayai minta habuan untuk kontrak bina lebuh raya*

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin  
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**etua pegawai eksekutif kumpulan sebuah syarikat konsesi lebuh raya terkemuka di Lembah Klang diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menerima rasuah.

Suspek berusia 50-an ditahan SPRM antara jam 8 malam hingga 11 malam kelmarin bersama dua lagi individu yang juga pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuh raya itu.

Sumber berkata, suspek diberkas susulan maklumat berlaku perbuatan suapan dan meminta rasuah daripada syarikat kontraktor dilantik.

"Difahamkan ia sebagai balasan lantikan dan mendapatkan kontrak bagi menyiapkan projek penswastaan lebuh raya bertingkat dalam pembinaan di Lembah Klang.

"Berdasarkan maklumat, projek pertama membabitkan peruntukan sebanyak RM1 bilion, manakala projek pembinaan kedua membabitkan anggaran kos RM650 juta. Bagaimanapun, jumlah suapan diterima tiga suspek terbabit masih dalam siasatan," katanya.

Menurutnya, susulan penahanan itu, lima individu membabitkan pemilik dan pengurusan syarikat kontraktor berkenaan turut ditahan pegawai SPRM semalam.

"Semua suspek sudah dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam. Tiga pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuh raya itu direman empat hari sehingga Jumaat ini."

**“Projek itu membabitkan peruntukan sebanyak RM1 bilion**

Sumber

**SUSPEK** kes suapan terhadap pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuh raya dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk perintah reman.



# HARIAN METRO

## 26.06.2024

### (RABU)

**Putrajaya:** Dalang individu warga Singapura yang disyaki merasuh pegawai penguat kuasa di pelabuhan Klang, Selangor menyebabkan ketirisan duti kastam dianggarkan berjumlah RM3.5 billion kepada negara akhirnya berjaya diberkas.

Susulan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan reman suspek yang disyaki membayar rasuah kepada pegawai penguat kuasa sebagai balasan membantu melepaskan barang-barang yang diimport oleh syarikat-syarikat miliknya untuk tidak dikenakan bayaran cukai.

Sumber berkata, suspek yang juga seorang lelaki berusia 40-an ditahan kira-kira jam 5 petang kemarin ketika diminta hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Putrajaya.

Susulan penahanan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya di sini, pagi semalam untuk mendapat perintah reman selama enam hari sehingga 30 Jun ini.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin.

"Suspek disyaki melakukan perbuatan rasuah itu antara tahun 2022 hingga tahun ini. Siasatan awal mendapati wang suapan itu di-



SUSPEK (berbaju oranye) dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk mendapat perintah reman selama enam hari.

#### KETIRISAN DUTI RM3.5 BILION

## *Warga Singapura dalang rasuah diberkas SPRM*

berikan secara tunai kepada semua pegawai penguat kuasa.

"Sehingga kini dipercuryai seramai 11 pegawai penguat kuasa yang terbabit," kata dia.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16(a) dan 17(a)

Akta SPRM 2009.

SPRM sebelum ini mengesan lebih 100 syarikat disyaki terbabit sindiket 'kontena terbang' yang merasuh pegawai penguat kuasa bagi melincinkan proses penyeludupan tanpa melalui pengisytiharan serta pemeriksaan di pintu masuk negara.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri berkata, syarikat berkenaan berperanan sebagai fo-

rwarding agent sebagai orang tengah bagi pembayaran habuan kepada pegawai Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Beliau berkata, ia susulan penahanan 34 pegawai kastam di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menerusi Op Sambo 2.0 dan 11 pegawai di Pelabuhan Klang, Selangor yang ditahan menerusi operasi khas baru-baru ini.

Hasil siasatan setakat ini, SPRM merampas wang tunai sejumlah RM4.4 juta dipercayai diperoleh secara rasuah oleh pegawai kastam terbabit.

**Suspek disyaki melakukan perbuatan rasuah itu antara tahun 2022 hingga 2024**

Sumber



# HARIAN METRO

## 26.06.2024

### (RABU)

## Empat penjawat awam disyaki minta ‘pengeras’ lulus projek

**Seremban:** Empat penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki meminta dan menerima rasuah berjumlah RM3,630.

Menurut sumber, semua suspek membabitkan dua lelaki serta dua wanita berusia 30-an dan 40-an itu ditahan ketika hadir di Pejabat SPM Negeri Sembilan, di sini, kira-kira jam 4.30 petang kelmarin.

“SPRM menahan empat penjawat awam kerana disyaki meminta dan menerima wang rasuah berjumlah RM3,630 dipercaiyai berlaku sekitar tahun lalu hingga tahun ini.

“Ia sebagai dorongan untuk mendapatkan projek pembekalan dan perkhidmatan,” katanya ketika di-

hubungi semalam.

Tambahnya, susulan penahanan itu, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Sivil, di sini, pagi semalam.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Syed Mohd Farid Syed Ali selama tujuh hari sehingga 1 Julai depan.

“Semua suspek diwakili Peguam Mohd Redzuan Hakiim Sulaiman dari Yaysan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK),” katanya.

Sementara itu, Pengarah SPM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan terhadap suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPM 2009.



EMPAT penjawat awam dibawa ke Mahkamah Majistret Sivil untuk perintah reman selama tujuh hari.



SINAR HARIAN  
26.06.2024  
(RABU)

# Penolong pengurus didakwa minta rasuah

Bantu dapatkan kelulusan Geran Dana Kandungan Digital penganjuran Konsert *Double Trouble 2*

Oleh NOOR AZLIDA ALIMIN  
KUALA LUMPUR

**S**orang bekas penolong pengurus sebuah agensi kerajaan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa, atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung penganjuran Konsert *Double Trouble 2* tahun lalu.

Noorfadhilah Mohd Idris, 37,



yang hamil lapan bulan, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Suzana Hussin.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa meminta suapan RM30,000 daripada seorang lelaki, sebagai upah membantu mendapatkan kelulusan Geran Dana Kandungan Digital bagi sebuah syarikat untuk penganjuran konsert tersebut.

Bagi pertuduhan kedua, wanita itu didakwa menerima suapan iaitu cek bernilai RM13,900 daripada akaun bank milik satu lagi syarikat lain, sebagai upah membantu mendapatkan kelulusan geran sama bagi konsert itu.

Kesalahan didakwa dilakukan di ibu negara antara Januari dan 11 September 2023.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali mencadangkan tertuduh diberikan ikat jamin

FOTO: BERNAMA



Tertuduh (kiri) mengaku tidak bersalah atas pertuduhan rasuah berhubung penganjuran Konsert *Double Trouble 2* tahun lalu.

sebanyak RM20,000.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM13,000 dan menetapkan sebutan semula kes pada 9 Ogos depan.



# SINAR HARIAN

## 26.06.2024

### (RABU)

## Empat penjawat awam direman disyaki terima rasuah



Suspek lelaki dan wanita diiring pegawai SPRM ketika hadir ke mahkamah.

**SEREMBAN** - Empat penjawat awam direman tujuh hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta dan menerima rasuah sebagai dorongan mendapatkan projek pembekalan dan perkhidmatan.

Perintah reman terhadap suspek lelaki dan wanita berusia antara 30 ke 40-an itu dikeluarkan oleh Majistret, Syed Mohd Farid Syed Ali di Mahkamah Majistret Sivil di sini pada Selasa selepas permohonan reman dibuat.

Kesemua suspek diwakili peguam dari

Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan, Redzuan Hakim Sulaiman.

Menurut sumber, suspek telah meminta dan menerima wang rasuah berjumlah RM3,630.

Kesemua suspek telah ditahan pada Isnin jam 4 petang ketika hadir di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail mengesahkan penahanan suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



# SINAR HARIAN 26.06.2024 (RABU)

26.06.2024

(RABU)

## SPRM tahan dalang warga Singapura

Dipercayai rasuah  
11 pegawai penguat  
kuasa untuk lepaskan  
barang import

Oleh MUHAMMAD  
AMINURALIF MOHD ZOKI  
**SHAH ALAM**

**S**elorang lelaki warga Singapura ditahan pada Isnin selepas dipercayai merasuah pegawai-pegawai penguat kuasa sebagai balasan membantu melepaskan barang-barang yang diimport oleh syarikat-syarikat miliknya untuk tidak dikenakan cukai.

"Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa dan dikenakan perintah reman selama enam hari oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Menurut SPRM, suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara ta-

Malaysia (SPRM) memaklumkan suspek berusia 40-an yang disyaki dalang dalam kes kontena lari cukai ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM di Putrajaya 5 petang, pada Isnin

"Suspek ditahan selepas dipercayai merasuah pegawai penguat kuasa sebagai balasan membantu melepaskan barang-barang yang diimport oleh syarikat-syarikat miliknya untuk tidak dikenakan cukai.

"Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa dan dikenakan perintah reman selama enam hari oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Menurut SPRM, suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara ta-

**Mahkamah  
& Jenayah**

hun 2022 hingga 2024.

"Siasatan awal mendapati wang tersebut telah diberikan kepada kesemua pegawai penguat kuasa secara tunai.

"Sehingga kini dipercayai se-ramai 11 pegawai penguat kuasa yang terlibat," jelasnya.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek dan kes itu disiasat di bawah Seksyen 16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009.

SPRM sebelum ini mengesan lebih 100 syarikat disyaki terbabit sindiket 'kontena terbang' yang merasuah pegawai penguat kuasa bagi melicinkan proses penyeludupan tanpa melalui pengisytiharan serta pemeriksaan di pintu masuk negara.



Lelaki warga Singapura (tengah) dipercayai jadi dalang kes kontena terbang diberkas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia di Putrajaya, pada Isnin.



# HARIAN METRO 27.06.2024 (KHAMIS)

Oleh Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my

## Seremban

Calon Bebas bagi Dewan Undangan Negeri (Dun) Sikamat pada Pilihan Raya Negeri (PRN) lalu dan isterinya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan mengejutkan maklumat palsu pada borang tuntutan bayaran harta tanah.

Tertuduh, Mohammed Hafiz Baharudin, 48 yang dikenali dengan gelaran Tok Merah dan Hazlin Suraya Halim, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, kedua-dua tertuduh dengan niat bersama sebagai pengarah syarikat Red Hot Builders Sdn Bhd melakukan pemalsuan pada enam borang JPPH/T/11/A dengan memasukkan penyataan palsu dengan niat ia digunakan bagi tujuan menipu.

Kesalahan itu dilakukan antara 17 September 2019 hingga 3 Julai 2020 di Jabatan Penilaian dan Per-

# Tok Merah, isteri **nafi kemuka maklumat palsu**

*Calon Bebas Dun Sikamat, pasangan didakwa kes tuntutan bayaran harta tanah*

khidmatan Harta, di sini.

Berikut itu, kedua-dua tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 468 Kanun Kesejahteraan (KK) dan dibaca bersama Seksyen 34 KK.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum tujuh tahun dan denda.

Timbalan Pendakwa Rayaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali mencadangkan jaminan RM10,000 kepada setiap tertuduh.

Kedua-dua tertuduh dalam rayuan masing-masing memaklumkan sebagaimana pengarah syarikat, mereka

tiada niat untuk menipu dan hanya mengetahui mengenai kes berkenaan, Sabtu lalu.

Mereka yang tidak diwakili peguam merayu jumlah jaminan dikurangkan serta diberikan tempoh dua bulan untuk melantik peguam.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM6,000 bagi setiap tertuduh dengan seorang penjamin dan syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat SPM Seremban pada Sabtu pertama setiap bulan.

Mereka turut dikehendaki menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

*Kes akan disebut semula pada 24 Julai ini.*

Palsukan enam borang JPPH/T/11/A dengan memasukkan penyataan palsu dengan niat menipu



MOHAMMED Hafiz dan Hazlin Suraya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban, semalam.  
- Gambar NSTP/AZRUL EDHAM



# SINAR HARIAN 27.06.2024 (KHAMIS)

## Jurutera daerah direman kes rasuah RM700,000



Dua penjawat awam tiba di Mahkamah Majistret Ipoh pada Rabu bagi mendapatkan perintah reman terhadap kes rasuah bernilai lebih RM700,000.

IPOH - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak menahan dua penjawat awam yang disyaki menerima wang rasuah melibatkan kelulusan projek bernilai lebih RM700,000.

Difahamkan, suspek yang bekerja sebagai jurutera daerah berusia 49 tahun dan pembantu awam berusia 46 tahun itu dilakukan selepas mereka hadir memberi keterangan sekitar jam 7.45 malam di pejabat SPRM negeri pada Selasa.

Sejumlah wang tunai RM348,700 dan buku akaun terkini Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) berbaki RM400,000 telah

disita daripada jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Larut Matang dan Selama terbabit.

Kedua-dua lelaki terbabit direman tujuh hari sehingga Selasa depan bagi membantu siasatan kes.

Perintah reman tersebut dikeluarkan oleh Majistret Atifah Hazimah Wahab selepas menerima permohonan daripada SPRM pada Rabu.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Perak, Ahmad Sabri Mohamed mengesahkan penahanan kedua-dua suspek dan kes disiasat di bawah Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



# HARIAN METRO

## 27.06.2024

### (KHAMIS)



SEORANG jurutera daerah dan pembantu awam direman di Mahkamah Tinggi Ipoh.

#### ***Didakwa terima sogokan lebih RM700k***

**Ipoh:** Sejumlah hampir RM750,000 yang disyaki hasil rasuah membabitkan wang RM348,700 dan buku akaun terkini Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) berbaki RM400,000 disita daripada seorang jurutera daerah sebuah agensi kerajaan di sini, membawa kepada penahanannya dan rakan sekertanya, kelmarin.

Semalam, jurutera daerah terbabit yang berusia 49 tahun serta seorang pembantu awam daripada jabatan sama berumur 46 tahun, direman tujuh hari

oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan dakwaan menerima rasuah hampir RM750,000 membabitkan hal berkaitan kelulusan projek.

Perintah reman hingga 2 Julai itu dibenarkan Majistret 'Atifah Hazimah Wahab selepas jurutera daerah itu dan pembantu awam daripada jabatan sama dibawa ke pekarangan kompleks Mahkamah Tinggi Ipoh di sini, bagi permohonan reman.

Kedua-duanya dibawa

pegawai SPRM ke mahkamah jam 10.20 pagi dengan berpakaian lokap oren sebelum dilihat keluar dari kamar mahkamah, jam 10.52 pagi.

Kedua-duanya ditahan ketika memberi keterangan di Pejabat SPRM Perak, jam 7.45 malam kelmarin.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Perak Ahmad Sabri Mohamed ketika dihubungi mengesahkan penahanan kedua-dua suspek untuk siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.



# HARIAN METRO

## 28.06.2024

### (JUMAAT)

**TUNTUTAN PALSU RM13,586**

## Enam wanita direman 4 hari bantu siasatan

**Melaka:** Enam wanita direman empat hari bermula semalam hingga Ahad bagi membantu siasatan berhubung tuntutan palsu membabitkan jumlah RM13,586 di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, disini, semalam.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nabilah Nizam selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka Adi Supian Shafie berkata, keenam-enam suspek berusia antara 40 dan 57 tahun yang merupakan penjawat awam itu ditahan antara jam 2 hingga 4 petang kemarin ketika hadir ke Pejabat SPRM Melaka.

**“Ia bagi tujuan tuntutan bayaran sedangkan pekerja Personel MySTEP tidak bekerja di jabatan kerajaan tersebut”**

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie  
Harian Metro - 28/6/24 - Jumaat

“Mereka direman bagi membantu siasatan mengemukakan dokumen mempunyai butiran matan palsu iaitu dokumen Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Rekod Kemajuan Kerja Harian Pembanci berjumlah keseluruhan RM13,586 kepada Unit Kewangan di jabatan kerajaan tersebut pada 2020.

“Ia bagi tujuan tuntutan bayaran sedangkan pekerja Personel MySTEP tidak bekerja di jabatan kerajaan tersebut,” katanya.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 18 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan hukuman denda lima kali ganda daripada nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.



# SINAR HARIAN

## 28.06.2024

### (JUMAAT)

## Enam penjawat awam wanita direman 4 hari

**MELAKA** - Enam penjawat awam wanita sebuah jabatan kerajaan direman empat hari berkaitan kes tuntutan palsu berjumlah RM13,586.

Perintah tahanan terhadap suspek berusia 40 hingga 57 tahun dikeluarkan Majistret Nabilah Nizam bermula Khamis hingga Ahad.

Mereka ditahan ketika hadir ke Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka antara jam 2 hingga 4 petang pada Rabu.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie berkata, semua suspek ditahan bagi membantu siasatan berhubung dakwaan mengemukakan dokumen mempunyai butiran matan palsu.

Menurutnya, ia berkaitan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Rekod Kemajuan Kerja Harian Pembanci dengan jumlah keseluruhan RM13,586 kepada unit kewangan jabatan pada 2020.

"Tuntutan itu bagi tujuan bayaran pekerja Personel MySTEP sedangkan ia tidak wujud atau bekerja di jabatan kerajaan tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Khamis.



# BERITA HARIAN

## 29.06.2024

### (SABTU)

Kes rasuah projek lebuh raya

## Ketua penolong pengarah pula ditahan

**Kuala Lumpur:** Siasatan kes rasuah berkaitan projek lebuh raya di Lembah Klang membawa kepada penahanan seorang lagi suspek membabitkan ketua penolong pengarah di sebuah badan berkanun malam kelmarin.

Lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan di Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Putrajaya kira-kira jam jam 10 malam, selepas dipercayai menerima rasuah lebih RM146,000 daripada satu syarikat sebagai dorongan mendapatkan kerja projek lebuh raya di Lembah Klang, bernilai lebih RM1 bilion.

Menurut sumber, suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya semalam, sebelum Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi membenarkan lelaki itu ditahan reman selama empat hari sehingga Isnin.

"Suspek dipercayai menerima wang rasuah dari pada satu syarikat sebagai



Sebahagian suspek yang ditahan SPRM babit siasatan kes rasuah berkaitan projek lebuh raya di Lembah Klang.

(Foto ihsan SPRM)

balasan bagi mendapat kontrak kerja membabitkan pembinaan sebuah lebuh raya," katanya.

Majistret Nazira Adlin turut membenarkan permohonan SPRM menyambung reman empat lagi suspek, termasuk seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat konsesi lebuh raya sehingga 2 Julai.

Selasa lalu, SPRM dilapor menahan reman tiga pegawai syarikat konsesi lebuh raya, termasuk se-

orang CEO selama empat hari, selain menahan reman seorang lagi pegawai syarikat berkenaan selama tiga hari bermula Rabu lalu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Sri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan perkembangan reman ke atas semua lima suspek itu.

Kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.



# SINAR HARIAN

## 29.06.2024

### (SABTU)

Sinar Harian - 29/6/2024 - Sabtu

## Ketua Penolong Pengarah pula ditahan kes projek lebuh raya

**PUTRAJAYA** - Ketua Penolong Pengarah badan berkanun ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini, untuk siasatan kes rasuah projek lebuh raya bernilai lebih RM1 bilion.

Menurut sumber, lelaki berusia lingkungan 40-an itu ditahan kira-kira jam 10 malam di Ibu Pejabat SPM Putrajaya.

"Lelaki itu dipercayai turut menerima rasuah lebih RM146,000 daripada sebuah syarikat sebagai dorongan mendapatkan kerja-kerja bagi projek lebuh raya di Lembah Klang bernilai lebih RM1 bilion," katanya pada Jumaat.

Tambah sumber, perintah reman selama empat hari sehingga 1 Julai terhadap suspek telah dikeluarkan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi selepas permohonan dibuat SPM di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Dalam pada itu, mahkamah turut membenarkan permohonan SPM untuk menyambung reman empat suspek lain termasuk seorang Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) syarikat konsesi lebuh raya bergelar Datuk selama empat hari bermula Sabtu.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Sri Ahmad Khusairi Yahaya ketika dihubungi mengesahkan penahanan reman terhadap seorang lagi suspek serta penyambungan reman terhadap keempat-empat suspek berkenaan dan kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta SPM 2009.

Kesemua suspek dipercayai telah meminta dan menerima rasuah daripada syarikat-syarikat yang mengambil alih kerja-kerja di dua projek pembinaan lebuh raya di Lembah Klang yang masing-masing bernilai lebih RM1 bilion dan kira-kira RM670 juta.



# HARIAN METRO

## 29.06.2024

### (SABTU)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor menahan bekas ketua pegawai kewangan dan bekas ketua pegawai operasi syarikat berkaitan hartanah selepas disyaki mengemukakan dokumen tuntutan pembayaran palsu bernilai kira-kira RM100,000.

Sumber SPRM berkata kedua-dua mereka, seorang wanita dan seorang lelaki berusia 30-an ditahan pada jam 2 petang kemarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Selangor.

"Siasatan awal mendapati kedua-dua suspek

disyaki mengemukakan 42 dokumen tuntutan pembayaran palsu yang menyebabkan kerugian kepada syarikat sedang-

kan tiada pembekalan barang atau kerja-kerja telah dilaksanakan.

"Kedua-dua suspek diperlakukan secara perluatan terhadap mereka (suspek)," katanya.

Menurut sumber lagi, kedua-dua suspek direman tiga hari berdasarkan permohonan SPRM.

Januari 2021 hingga April 2022 dan menerima kesemua bayaran secara pinahan ke akaun bank milik mereka (suspek)," katanya.

Menurut sumber lagi, kedua-dua suspek direman tiga hari berdasarkan permohonan SPRM.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Selangor, Datuk Alias Salim ketika dihubungi mengesahkan perihalan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009. - Bernama

## 2 kemuka dokumen tuntutan bayaran palsu ditahan

**Kedua-dua suspek direman tiga hari berdasarkan permohonan SPRM**